

Laporan Tahunan
2020



ekuinas
EKUITI NASIONAL BERHAD



Sabr (Bahasa Arab: **صبر** *sabr*) adalah satu keutamaan dalam islam iaitu juga “ketabahan” atau “ketahanan”. *Sabr* disifatkan sebagai salah satu daripada dua bahagian iman (satu lagi adalah syukur). Ketabahan adalah senjata utama bagi orang yang beriman ketika menghadapi kesusahan.

KANDUNGAN

RINGKASAN TAHUNAN

6	Sepintas Lalu 2020
8	Maklumat Penting Kewangan 2020
12	Sorotan Kewangan Selama Lima Tahun
14	Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif
23	Di Tengah Kemelut Pandemik: Bagaimana COVID-19 Mempengaruhi Ekuiti Persendirian di Asia Pasifik dan Malaysia oleh Bain and Company



104	Pengenalan
105	ILTIZAM untuk Keusahawanan
107	ILTIZAM untuk Pendidikan
110	ILTIZAM untuk Komuniti
111	Dana Ihsan COVID-19 ILTIZAM
113	Skim Wakalah dan Penghargaan

KEPIMPINAN

32	Struktur Korporat
33	Maklumat Korporat
34	Struktur Organisasi
35	Lembaga Pengarah
42	Pengurusan Kanan

LAPORAN PORTFOLIO

116	Ekuinas Direct (Tranche II) Fund
119	Ekuinas Direct (Tranche III) Fund
122	Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund
125	Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund
128	Nota Laporan Portfolio

PRESTASI

46	Laporan Prestasi Pelaburan
----	----------------------------

TADBIR URUS KORPORAT

80	Penyata Tadbir Urus Korporat
92	Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
98	Laporan Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Risiko
100	Dasar Pendedahan

VISI

Menjadi syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia

MISI

Melahirkan generasi syarikat peneraju Malaysia di samping menggalakkan penjanaan kekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan berlandaskan prinsip mesra pasaran, merit dan telus

NILAI-NILAI SYARIKAT



MENGENAI KAMI

Ekuiti Nasional Berhad, atau Ekuinas, adalah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian (PE) yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada 1 September 2009 untuk menggalakkan penjana kekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan berlandaskan prinsip mesra pasaran, merit dan telus, menerusi penubuhan syarikat-syarikat peneraju generasi baharu di Malaysia.

BAGAIMANA EKUINAS BEROPERASI?

Berdasarkan model ekuiti persendirian (PE):

- i. pelaburan dalam syarikat berpotensi tinggi
- ii. mengembangkan syarikat secara agresif
- iii. menjual kembali ekuiti setelah syarikat menjadi lebih maju atau peneraju pasaran

OBJEKTIF UTAMA

Meningkatkan kelestarian pemilikan ekuiti korporat

- **Ekuiti langsung:**
Membahagi pegangan ekuiti kepada pihak pengurusan berdasarkan prestasi
- **Ekuiti tidak langsung:**
Menginstitusikan pegangan saham untuk kelestarian melalui dana-dana institusi

Menambah peluang pekerjaan bermanfaat dalam bidang utama

- Mencipta lebih banyak **peluang pekerjaan** melalui pertumbuhan sektor dan syarikat sasaran
- Memastikan pertumbuhan pekerjaan adalah tertumpu dalam **bidang-bidang kemahiran utama**
- Menumpukan pada pertumbuhan **kumpulan bakat pengurusan kanan**

Memperkuatkan semangat keusahawanan

- **Menyediakan modal risiko lestari** yang mencukupi untuk memiliki saham kepentingan
- **Kemahiran:**
 - Meningkatkan kemampuan **usahawan-usahawan** sedia ada
 - Memanfaatkan **pengurus-pengurus profesional** untuk menubuhkan satu pasukan pengurusan yang bermotivasi dan kukuh
- Tadbir urus: Meletakkan **jangkaan tinggi ke atas prestasi**, dipantau melalui perwakilan Lembaga Pengarah





RINGKASAN TAHUNAN

- 6 Sepintas Lalu 2020
- 8 Maklumat Penting Kewangan 2020
- 12 Sorotan Kewangan Selama Lima Tahun
- 14 Perutusan Bersama Pengerusi dan
Ketua Pegawai Eksekutif
- 23 Di Tengah Kemelut Pandemik: Bagaimana COVID-19
Mempengaruhi Ekuiti Persendirian di Asia Pasifik dan
Malaysia oleh Bain and Company

SEPINTAS LALU 2020

PRESTASI PELABURAN

EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND	EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND	EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND	EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND
PULANGAN KASAR PORTFOLIO	KERUGIAN KASAR PORTFOLIO	PULANGAN KASAR PORTFOLIO	KERUGIAN KASAR PORTFOLIO
RM571.2 JUTA	RM(75.4) JUTA	RM62.0 JUTA	RM(12.2) JUTA
IRR KASAR	IRR KASAR	IRR KASAR	IRR KASAR
11.9% setahun	-3.2% setahun	3.4% setahun	-2.8% setahun
IRR BERSIH	IRR BERSIH	IRR BERSIH	IRR BERSIH
8.2% setahun	N/M* * tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan	2.6% setahun	-4.1% setahun

JUMLAH KUMULATIF PORTFOLIO PELABURAN

JUMLAH BILANGAN PELABURAN LANGSUNG DAN PENYUMBERAN LUAR	PELABURAN LANGSUNG	PROGRAM PENYUMBERAN LUAR
69	46	23
JUMLAH PELABURAN KOMITED OLEH EKUINAS	JUMLAH KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI NEGARA, BERSAMA-SAMA DENGAN RAKAN PELABUR SWASTA	
RM4.4 BILION	RM5.0 BILION	

PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

GABUNGAN PELABURAN LANGSUNG DAN PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

PENINGKATAN DALAM EKUITI BUMIPUTERA	PENINGKATAN DALAM JUMLAH NILAI PEMEGANG SAHAM	PENINGKATAN PENGURUSAN BUMIPUTERA SEJAK KEMASUKAN EKUINAS DI DALAM SYARIKAT	PENINGKATAN KAKITANGAN BUMIPUTERA SEJAK KEMASUKAN EKUINAS DI DALAM SYARIKAT
RM5.6 BILION 1.4x modal dilabur	RM7.0 BILION 1.8x modal dilabur	13.3%	10.5%

SYARIKAT PENGURUSAN DANA

JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN (FuM)	PERBELANJAAN OPERASI (OPEX)	NISBAH OPEX KEPADA FuM	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT
RM4.1 BILION	RM45.8* JUTA	1.1%*	RM0.4* JUTA

* termasuk sumbangan berkaitan COVID-19 berjumlah RM4.7 juta

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2020

1. PERGERAKAN DANA DARIPADA/KEPADA YAYASAN EKUITI NASIONAL (YEN)

	2020 RM juta	2019 RM juta
Dana diterima daripada YEN pada tahun ini	–	50.0
Dana kumulatif diterima daripada YEN	4,000.0	4,000.0
Modal dikembalikan kepada YEN pada tahun ini	120.0	–
Modal kumulatif dikembalikan kepada YEN	320.0	200.0

2. DANA DITUBUHKAN

	Tahun ditubuhkan	Saiz Dana RM juta	Tumpuan Pelaburan	Tempoh	Status Kedudukan
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	2010	1,000.0	Buy-out dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 + 1 tahun	Direalisasikan sepenuhnya
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	2012	1,000.0	Buy-out dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 + 1.5 + 2 tahun	Telah Dilaburkan
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	2014	1,500.0	Buy-out dan Modal Pertumbuhan	5 + 1 + 2 tahun	Sedang Dilaburkan
Ekuinas Direct (Tranche IV) Fund	2019	1,000.0	Buy-out dan Modal Pertumbuhan	5 + 1 + 1 tahun	Sedang Dilaburkan
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	2011	400.0	Modal Pertumbuhan	6 + 1 + 1 + 1 + 1 tahun	Telah Dilaburkan
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	2013	240.0	Modal Pertumbuhan	7 + 1 tahun	Telah Dilaburkan

3. JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN

	2020 RM juta	2019 RM juta
Pelaburan Langsung	3,500.0	3,500.0
Penyumbangan Luar	640.0	640.0
	4,140.0	4,140.0
Jumlah dana sedia ada untuk pelaburan, termasuk modal persendirian	4,402.0	4,402.0

4. RINGKASAN PRESTASI DANA

a. Ringkasan Aktiviti Pelaburan Berkumpulan

	Bilangan Pelaburan	Pelaburan Komitmen RM juta	Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia RM juta
2020			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,258.2	1,380.3
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	15	1,063.9	1,063.9
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	19	1,672.5	1,672.5
Ekuinas Direct (Tranche IV) Fund	1	69.6	69.6
Jumlah - Pelaburan langsung	46	4,064.2	4,186.3
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	15	264.0	708.4
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	8	75.6	140.6
Jumlah - Penyumbangan Luar	23	339.6	849.0
Jumlah - Pelaburan Langsung dan Penyumbangan Luar	69	4,403.8	5,035.3
2019			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,258.2	1,380.3
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	15	1,063.9	1,063.9
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	16	1,491.9	1,491.9
Jumlah - Pelaburan langsung	42	3,814.0	3,936.1
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	15	264.0	708.4
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	8	75.6	140.6
Jumlah - Penyumbangan Luar	23	339.6	849.0
Jumlah - Pelaburan Langsung dan Penyumbangan Luar	65	4,153.6	4,785.1

Maklumat Penting Kewangan 2020

b. Ringkasan Aktiviti Pelupusan Terkumpul

	Jumlah Bilangan Pelupusan	Jumlah Terealisasi RM juta
2020		
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,624.4
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	11	901.1
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	6	645.3
Jumlah	28	3,170.8
2019		
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,624.4
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	9	836.6
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	6	645.3
Jumlah	26	3,106.3

c. Ringkasan Prestasi Kewangan

	Pulangan Kasar Portfolio RM juta	Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR)	IRR Bersih
Dana Pelaburan Langsung			
2020			
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	571.2	11.9% setahun	8.2% setahun
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	(75.4)	-3.2% setahun	N/M [^]
2019			
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	582.9	13.5% setahun	9.6% setahun
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	(170.5)	-10.8% setahun	N/M [^]
Dana Penyumberan Luar			
2020			
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	62.0	3.4% setahun	2.6% setahun
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	(12.2)	-2.8% setahun	-4.1% setahun
2019			
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	144.7	7.4% setahun	6.5% setahun
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	(17.9)	-5.2% setahun	-6.6% setahun

[^] tidak dibentangkan kerana dana sedang dilaburkan

d. Prestasi Objektif Sosial – Gabungan Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar

	Ekuiti Bumiputera Dicipta		Jumlah Ekuiti Dicipta	
	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan
2020	5,557.5	1.4x	6,986.2	1.8x
2019	5,396.6	1.5x	6,870.8	1.9x


5. EKUITI NASIONAL BERHAD (SYARIKAT PENGURUSAN DANA)

	2020 RM juta	2019 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	4,140.0	4,140.0
Perbelanjaan Operasi (OPEX)	45.8*	38.6
Nisbah OPEX kepada FuM	1.1%*	0.9%
Keuntungan selepas Cukai dan Zakat	0.4*	12.8


* termasuk sumbangan berkaitan COVID-19 berjumlah RM4.7 juta

SOROTAN KEWANGAN SELAMA LIMA TAHUN


JUMLAH DANA DITERIMA



JUMLAH BILANGAN DAN NILAI PELABURAN KOMITED




JUMLAH KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI NEGARA




PELABURAN LANGSUNG – JUMLAH BILANGAN DAN TEREALISASI DARI PELUPUSAN




PRESTASI DANA – EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND



JUMLAH NILAI EKUITI BUMIPUTERA DAN PEMEGANG SAHAM LAIN YANG TERCIPTA



JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN (FuM) DAN NISBAH FuM KEPADA PERBELANJAAN OPERASI (OPEX)



PERUTUSAN BERSAMA PENGGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA
Pengerusi

SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR
Ketua Pegawai Eksekutif



Pihak Berkepentingan yang dihormati,

Ulasan bagi tahun 2020: Tahun yang lain dari yang lain

2020 merupakan tahun yang membawa titik perubahan kepada perniagaan dan firma-firma di seluruh dunia. Ia merupakan tahun yang menduga ketabahan, kegigihan dan ketahanan, dan inilah yang membentuk tema Laporan Tahunan kami untuk tahun ini, iaitu **Sabr**.

Ketika meraikan pencapaian untuk tahun yang ke-10 dan prestasi sedekad yang cemerlang, Ekuinas harus bersiap siaga dengan segera untuk menghadapi pandemik global COVID-19 yang melanda tanah air. Kewaspadaan, ketekunan, ketelitian dan usaha untuk mengembangkan dan membina syarikat portfolio yang berdaya tahan dengan memanfaatkan kumpulan bakat dan pengetahuan kami selama bertahun-tahun kini membuahkan hasil. Kami dengan segera dapat memanfaatkan momentum yang diperoleh sejak beberapa tahun kebelakangan ini untuk menumpukan kepada pemeliharaan portfolio kami di dalam situasi pandemik global dan juga untuk membantu penerima manfaat program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kami iaitu **ILTIZAM**.

Untuk perspektif, pada tahun 2019 Ekuinas telah membincangkan pertumbuhan dan evolusi landskap Ekuiti Persendirian (PE) Malaysia selama satu dekad yang lalu, dan usaha dan sumbangan Ekuinas terhadap kemajuan dan penghargaan PE sebagai strategi pertumbuhan untuk negara. Ini dicatatkan di dalam Laporan Tahunan 2019 kami sebagai kerangka, untuk melangkah ke tahun 2020.

Menjelang dekad baharu ini, peranan unik kami kekal dan mungkin, diteguhkan lagi dengan penekanan global yang semakin meningkat ke atas pasaran persendirian. Selama bertahun-tahun, Ekuinas telah berkembang dan meluaskan kumpulan bakat dan portfolio kami daripada sebuah firma PE yang melaksanakan *classic buyout*, sehingga boleh mengurus dan menggunakan strategi yang berbeza untuk memaksimumkan pertumbuhan syarikat portfolio kami. Kami juga terus mengekalkan rekod prestasi kemampuan kami dalam menguruskan pelaburan dan pelupusan.

Di peringkat global, tahun 2020 merupakan permulaan yang sukar bagi semua. Aktiviti PE jatuh mendadak pada suku pertama, disebabkan aktiviti atau keputusan yang telah ditangguhkan kerana sekatan perjalanan dan sentimen yang ditarik balik, dengan keyakinan yang menurun dengan mendadak. Namun,

gangguan yang ditimbulkan oleh pandemik itu tidak bertahan lama dan industri PE pulih dengan pesat, seperti yang dilihat pada suku ketiga tahun 2020 (Q3 2020)¹. Momentum ini dikekalkan hingga akhir tahun tersebut dan menyaksikan keseluruhan aktiviti pembelian pada suku ketiga (Q3 2020) meningkat kepada USD148.0 bilion, melepasi tahap yang dicapai pada tahun 2019 sebanyak 10 peratus². Di akhir tahun 2020, rantau Asia Pasifik menunjukkan kenaikan sebanyak 13 peratus untuk *buyout* berbanding tahun 2019 dan ini membentuk sentimen optimis menjelang tahun 2021.

Peningkatan pesat ini, ditambah dengan jumlah dana tersedia sebanyak hampir USD1.9 trilion, yang merupakan tiga kali ganda jumlah keseluruhan urusan PE tahun 2019 pada USD450.0 bilion³, berbeza daripada jangkaan awal yang menjangkakan kenaikan yang lebih perlahan. Dengan lebih modal yang tidak digunakan di dalam sistem, didorong oleh peningkatan kecairan dalam sistem kewangan global, jangkaan pembetulan penilaian dan penggandaan pelaburan semasa keadaan pasaran yang sukar tidak menjadi kenyataan. Namun, kita dapat lihat bahawa persekitaran yang lebih sukar ini tidak menghalangi para pelabur, malah menambah persaingan yang sengit dan mendorong penyampaian hasil.

Di pasaran tempatan pula, pasaran persendirian terus berkembang dengan baik, sejajar dengan tindakan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang memperluaskan rangka kerja pendaftaran untuk merangkumi firma PE sejak tahun 2015. Dalam jangka waktu yang singkat, industri PE tempatan menunjukkan potensi pertumbuhan yang menggalakkan dengan jumlah dana komited mencapai RM6.0 bilion (pada akhir tahun 2019). Ekosistem keusahawanan Malaysia yang rancak, disokong oleh dasar yang jelas, terus memastikan bahawa syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi mendapat sokongan yang diperlukan untuk maju menjadi peneraju di peringkat serantau dan juga global pada masa hadapan.

¹ **Sumber:** Bain 2021 Global Private Equity report

Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Berusaha lebih, mencapai tahap lebih tinggi

Di dalam keadaan di mana ramai pihak bertindak untuk mengurangkan aktiviti, Ekuinas sebaliknya menumpukan kepada pemeliharaan dan pengukuhan syarikat portfolio kami serta kesejahteraan pihak berkepentingan di bawah ILTIZAM dan para pekerja. Pada masa yang sama, kami mencari peluang - untuk terus melabur, membangun, dan berkembang.

Dengan bekerjasama rapat sebagai sebuah pasukan - di dalam Ekuinas dan bersama syarikat portfolio kami - kami bertabah. Bersama-sama, kami menerapkan dasar-dasar dan proses yang membolehkan kami untuk memperbaharui perniagaan di mana perlu, untuk mencari pasaran baharu, mengembangkan produk dan perkhidmatan baharu, mengenal pasti dan mengintegrasikan saluran dan platform baharu untuk menjalankan perniagaan dengan lancar, mengadaptasi proses-proses untuk memenuhi norma baharu, serta mengekalkan pekerjaan di dalam syarikat portfolio.

Kami akan berkongsi dengan lebih terperinci mengenai inisiatif yang dilaksanakan di dalam syarikat portfolio kami di dalam laporan ini nanti.

Tinjauan Pasaran: 2020 ujian ketahanan dan ketabahan

2020 adalah tahun yang terbahagi kepada dua, iaitu sebelum dan selepas pandemik, mereka yang mendapat manfaat dan mereka yang paling teruk terkesan di awal pandemik, mereka yang paling cepat pulih berbanding mereka yang masih berjuang untuk mengatasi gelombang berikutnya - kesemua keadaan ini menyebabkan wujudnya keadaan pemulihan yang sangat berbeza di seluruh dunia.

Dari segi ekonomi, dunia mencatat kemelesetan ekonomi yang paling teruk di dalam sejarah kerana sekatan pergerakan yang telah digubal untuk mengawal penyebaran virus dan untuk mengurangkan tekanan ke atas sistem kesihatan yang semakin tenat. Walaupun kerajaan dengan segera mengeluarkan beberapa pakej rangsangan untuk menopang ekonomi, perniagaan dan isirumah yang terkesan, itu tidak cukup untuk mencegah berjuta-juta orang dari terjerumus ke dalam keadaan kemiskinan yang melampau².

Di pasaran modal, pasaran saham dikepit oleh dua pasaran menaik yang berbeza, dengan pasaran menurun di tengah-tengah. Pasaran global bagi ekuiti awam dan kredit terkesan di waktu permulaan isu COVID-19 tetapi pulih dengan cepat pada Q2 2020 dan seterusnya, serta turut menaikkan harga bagi aset persendirian. Pola V mendalam yang dilihat di seluruh indeks penanda aras juga terdapat di dalam pelaburan PE, penjualan dan pengumpulan dana setelah pakej rangsangan yang pesat dilaksanakan oleh bank pusat di seluruh dunia untuk meningkatkan keyakinan, dan menyediakan banyak kemudahan hutang yang murah.

Begitu juga, ketidakpastian pasaran berterusan untuk pasaran tenaga, dengan tahap inventori yang tinggi memaksa harga minyak mentah Brent turun dari purata bulanan sebanyak USD64 setong pada bulan Januari 2020 kepada hanya USD18 pada bulan April 2020. Pasaran minyak mula berubah pada musim panas apabila kebanyakan negara mula menghentikan sekatan pergerakan, dan pengurangan pengeluaran oleh negara-negara OPEC dan rakan-rakan mereka (OPEC+) menyumbang kepada penurunan penawaran global dan penstabilan harga minyak yang sangat diperlukan. Menjelang November 2020, harga telah meningkat menjadi purata USD43 setong dan terus meningkat ke USD70 setong ketika OPEC+ memilih untuk tidak melonggarkan sekatan bekalan pada tahun 2021³.

Secara tempatan, KDNK keseluruhan Malaysia menyusut sebanyak 5.6%, iaitu penguncupan terbesar sejak Krisis Kewangan Asia 1998. Jumlah itu melebihi unjuran awal Kementerian Kewangan yang menjangkakan penyusutan sebanyak 4.5% berbanding pertumbuhan KDNK sebanyak 4.3% pada tahun 2019, ketika negara terus bertempur menangani jangkitan COVID-19. Sehingga kini, sektor pembinaan, perlombongan, dan perkhidmatan mencatatkan penurunan terbesar pada tahun ini, masing-masing menyusut sebanyak 19.4%, 10.0% dan 5.5%. Pasaran buruh pula dijangka lemah pada separuh pertama 2021 (1H 2021) sebelum meningkat. Kadar pengangguran berada pada 4.8% pada akhir tahun 2020, setelah melepasi 5% pada pertengahan tahun 2020, iaitu kadar tertinggi dalam tempoh tiga dekad⁴.

Dengan latar belakang ini, 2020 adalah tahun di mana Malaysia menyaksikan kepulungan pelabur runcit ke pasaran saham dengan pembelian bersih berjumlah RM14.3 bilion berbanding institusi tempatan yang berjumlah RM10.3 bilion. Tidak memeranjatkan, penerima utama dana tersebut merupakan kaunter berkaitan dengan penjagaan kesihatan dan teknologi, seperti sarung tangan serta saham-saham kecil dan baharu⁵. Berdasarkan data aliran dana, dana asing mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM24.9 bilion untuk tahun ini berbanding RM11.1 bilion pada tahun 2019⁶.

² Sumber: 2021 Global Private Equity Outlook, S&P

³ Sumber: 2021 Global Private Equity Outlook, S&P

⁴ Sumber: World Bank Blogs

⁵ Sumber: WorldOil.com

Sorotan Kewangan 2020

Di tengah-tengah pandemik global dan persekitaran ekonomi yang tidak menentu, Ekuinas terus membawa nilai, melaksanakan pelaburan dan pelupusan di samping menentang pemilikan ekuiti Bumiputera.

Di peringkat makro, kami terus menyokong ekonomi tempatan dengan jumlah pelaburan komited sebanyak RM4.4 bilion (TK2019: RM4.1 bilion), sejak ditubuhkan pada tahun 2009. Pada akhir tahun ini, jumlah portfolio pelaburan terkumpul kami merangkumi 42 syarikat, di antaranya, 24 adalah pelaburan langsung sementara 18 dibuat melalui Program Penyumbangan Luar kami.

Bagi pihak kami, penyumbangan dan pelaksanaan pelaburan serta pelupusan aset telah membawa makna baharu kerana kami tidak dapat melakukan perjalanan ke lokasi, untuk bertemu dengan pasukan dan melihat aset-aset tersebut. Untuk memastikan kami terus mematuhi proses menyeluruh dan melakukan penilaian sewajarnya mengikut tahap ketelitian yang diperlukan, kami menggunakan pendekatan hibrid, memanfaatkan masa di mana perjalanan dibenarkan di antara tempoh kawalan pergerakan di bawah prosedur operasi standard yang ketat (SOP), memanfaatkan rangkaian industri kami untuk mendapatkan maklumat dan pengesahan yang berkualiti dan boleh dipercayai, dan menggunakan teknologi panggilan video untuk mendapatkan maklumat atau jaminan yang diperlukan dalam peralihan kepada para pelabur baharu.

Kami juga terus mematuhi disiplin pelaburan kami untuk melabur dalam tawaran berkualiti pada penilaian menarik yang sesuai dengan kriteria pelaburan kami. Usaha kami untuk mendapatkan urusanniaga terus dipergiat. Melalui penyelidikan yang lebih luas, baik di dalam talian dan luar talian yang dilengkapi dengan rangkaian yang diperluas, kami terus aktif mendapatkan pelaburan, dan ini telah membuahkan hasil dalam bentuk pelaburan dan pelupusan kami pada tahun 2020.

Jumlah Pelaburan Komited

RM
4.4
bilion

Jumlah Kemasukan Modal

RM
5.0
bilion

Jumlah Pelaburan Kumulatif

42
syarikat

Walaupun kami beralih ke portfolio triaj sebagai langkah berjaga-jaga, kami dengan sukacita berkongsi bahawa tidak ada syarikat portfolio kami yang memerlukan suntikan modal tambahan pada tahun 2020, ini menunjukkan kekuatan kewangan dan pengurusan yang bijak dan cermat oleh pasukan pemimpin masing-masing.

Dalam tempoh ini, kami berjaya melupus Coolblog Apps Sdn Bhd dengan jumlah RM64.5 juta, menjadikan jumlah terealisasi kami, termasuk pendapatan dari dividen dan faedah kepada RM3.2 bilion (TK2019: RM3.1 bilion). Ini adalah proses yang kami rancangan dan mulakan sebelum waktu perintah kawalan dilaksanakan tetapi diselesaikan dalam tempoh tersebut. Di dalam proses ini, pasukan kami telah mengambil pendekatan gabungan - daripada meneliti calon pelabur, menghubungkan, dan terutama sekali memasarkan. Penjualan maya, dan tindakan lanjut untuk proses penilaian teliti juga dilakukan. Sebagai satu pasukan, Ekuinas terpaksa mentakrifkan semula langkah dan proses yang akan membolehkan kami mengekalkan piawaian dalam memperoleh dan memberikan maklumat serta jaminan yang diperlukan untuk pelupusan.

Tumpuan kami untuk mengekalkan prestasi tinggi adalah tolak ukur terhadap penanda aras global berkaitan dengan kos pengurusan aset di dalam operasi yang berdasarkan prestasi. Kami juga terus menekankan kecekapan kos dan pasukan yang kecil tetapi amat efisien. Kami yakin ini penting sementara kami terus mengamalkan kepimpinan melalui teladan. Kami mencapai nisbah perbelanjaan operasi sebanyak 1.1% berbanding jumlah Dana di bawah Pengurusan sebanyak RM4.4 bilion yang merangkumi sumbangan berkaitan COVID-19 (TK2019: 0.9 dari RM4.1 bilion).

Kami terus mengukur prestasi kami berdasarkan kesan terhadap ekonomi Malaysia yang lebih luas. Pada tahun 2020, aktiviti pelaburan keseluruhan kami menjaga penggunaan ekonomi keseluruhan sebanyak RM5.0 bilion (TK2019: RM4.8 bilion) untuk tahun yang dikaji.

⁶ **Sumber:** *Straits Times*, 11 Februari 2021

⁷ **Sumber:** *Securities Commission Malaysia Annual Report 2020*

⁸ **Sumber:** *Better year seen for the stock market in 2021, The Star*

Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Prestasi dana kami

Ekuinas mempunyai disiplin komersial yang ketat untuk mencipta nilai sambil mengekalkan tahap tadbir urus dan kebertanggungjawaban tinggi yang merupakan keutamaan kami dalam menguruskan portfolio. Sebagai penjaga dana awam, kami mengambil pandangan jangka masa panjang mengenai pelaburan dan kami terus mencari syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi tinggi dengan matlamat untuk melahirkan generasi syarikat terkemuka Malaysia yang baharu, di samping menggalakkan penciptaan kekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera yang adil dan mampan.

Bagi tahun kewangan 2020 (TK2020), Ekuinas Direct (Tranche II) Fund mencatatkan Pulangan Kasar Portfolio sebanyak RM571.2 juta dan Kadar Pulangan Dalam Kasar tahunan (IRR) sebanyak 11.9%, (TK2019: RM582.9 juta dan IRR tahunan 13.5%). Dana ini telah dilaburkan sepenuhnya dan disasarkan untuk menyelesaikan proses pelupusannya pada tahun 2021.

Ekuinas Direct (Tranche III) Fund telah mencatat Kerugian Kasar Portfolio sebanyak RM75.4 juta, bersamaan IRR negatif kasar tahunan sebanyak 3.2% (TK2019: Kerugian Portfolio Kasar sebanyak RM170.5 juta dan IRR negatif sebanyak 10.8%). Walau bagaimanapun, prestasi ini menunjukkan pertumbuhan portfolio sebanyak 7.6% untuk tempoh yang sama dan merupakan hasil daripada pelan penciptaan nilai (VCP) yang ketat dan komprehensif yang disediakan kepada empat syarikat portfolio kami untuk memulihkan daya saing, dan melaksanakan perubahan prestasi operasi dan kewangan bagi meningkatkan penilaian mereka. Kami percaya bahawa kami kini berada di landasan yang betul untuk membawa Dana Direct (Tranche III) kami kembali positif dalam masa terdekat.

“
Ekuinas mempunyai disiplin komersial yang ketat untuk mencipta nilai sambil mengekalkan tahap tadbir urus dan kebertanggungjawaban tinggi yang merupakan keutamaan kami dalam menguruskan portfolio.”

Untuk dana penyumberan luar kami, Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund memberikan Pulangan Portfolio Kasar sebanyak RM62.0 juta bersamaan IRR Kasar tahunan sebanyak 3.4% (TK2019: RM144.7 juta dan IRR tahunan 7.4%).

Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund mencatatkan Kerugian Portfolio Kasar sebanyak RM9.9 juta yang bermaksud IRR Kasar negatif tahunan sebanyak 2.8% (TK2019: Kerugian Portfolio Kasar RM17.9 juta dan IRR negatif 5.2%). Peningkatan prestasi portfolio ini adalah disebabkan oleh penjualan aset pada TK2020 dan prestasi yang baik oleh salah satu daripada Pengurus Dana Penyumberan Luar. Kami berharap apabila dana ini menghampiri penghujung tempoh piagamnya, pelupusan akhirnya akan menyaksikan peningkatan dalam prestasi keseluruhan dana. Secara ringkasnya, prestasi dana kami terus berdaya tahan dan sejajar dengan jangkaan ketika persekitaran operasinya merosot. Kami memasuki tahun 2020 dengan kesedaran terhadap cabaran-cabaran dalam masa terdekat sementara syarikat-syarikat terus bergelut dengan ketidakpastian.

Pasaran ekuiti awam Malaysia berakhir dengan peningkatan pada tahun ini, setelah menyaksikan jumlah permodalan pasaran ekuiti Malaysia melantun daripada 48.7%, atau RM600 bilion, kepada RM1.9 trilion pada 16 Disember 2020 daripada paras terendah sebanyak RM1.2 trilion pada 19 Mac 2020⁹. Jumlah permodalan pasaran meningkat sebanyak 6.2% menjadi RM1.8 trilion sementara indeks penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBMKLCI) ditutup tahun ini pada 1,627.2 mata, walaupun terdapat aliran keluar bersih daripada pelabur asing.

Aktiviti Penciptaan Nilai

Pecutan merupakan tema untuk tahun 2020. Fokusnya adalah untuk mendorong pertumbuhan dan keuntungan melalui peningkatan produk dan perkhidmatan, penjualan, dan pemasaran serta digital dan teknologi. Kami menekankan fokus dan penyelarasan terhadap rancangan perniagaan dan integrasi yang lebih besar antara pemantauan portfolio dan pelaburan, serta pemantauan yang rapi dan ketat terhadap syarikat dari masa ke semasa untuk membuahkan hasil yang kami inginkan.

Sebahagian besar aktiviti penciptaan nilai kami tertumpu pada Revenue Valley Group (RV), Davex Sdn Bhd (Davex) dan Flexi Versa Group (FVG) disebabkan oleh perubahan persekitaran pasaran dan landskap operasi yang terkesan dengan pandemik.

⁹ Sumber: Laporan Tahunan 2020 – Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Untuk RV, perintah kawalan pergerakan menjejaskan permintaan pengguna, menurunkan jumlah pengunjung di pusat membeli-belah atau kedai-kedai, dan seterusnya menurunkan jumlah pelanggan yang menjamu selera di restoran. Sebagai asas untuk rancangan pangsi kami, kami mengenal pasti keadaan dan peluang yang menghasilkan pemasaran digital yang berkesan dan pelaksanaan penyelesaian teknologi yang memainkan peranan penting dalam kecekapan operasi untuk memastikan kelancaran pengalaman pelanggan. Untuk masa hadapan, kami menilai dan melancarkan konsep dan jenama baharu dalam usaha memanfaatkan segmen pelanggan yang berbeza dan baharu serta untuk mengenal pasti peluang untuk menarik dan memastikan pelanggan kembali lagi.

Penyelesaian perkilangan *Enterprise Resource Planning* (ERP) dan kewangan telah dilaksanakan dalam dua syarikat kami, khususnya FVG dan Davex. Walaupun fokus ERP untuk setiap syarikat berbeza, tujuannya adalah untuk mempercepat kecekapan operasi, meningkatkan keberkesanan penjualan, dan mempercepatkan pengambilan keputusan berdasarkan data untuk memacu prestasi.

Menjelang tahun kedua, Ekuinas terus memberi tumpuan terhadap membina perniagaan pasaran serantau bagi Exabytes, dengan tumpuan khusus kepada strategi pemulihan dan pertumbuhan, serta mencari peluang-peluang lain untuk memudahkan peringkat pertumbuhan seterusnya.

Sebagai universiti maya pertama di Asia Tenggara dan kumpulan pendidikan tinggi yang bertujuan untuk menawarkan ekosistem pembelajaran yang holistik, UNITAR bersedia untuk melancarkan keperluan bagi pembelajaran jarak jauh dalam situasi pandemik dan secepatnya menawarkan lebih banyak kursus dalam talian serta kursus-kursus untuk pelajar dewasa dan telahpun menerima sambutan yang baik.

Sebagai tambahan, kami menyokong penuh keputusan Icon Offshore Berhad (ICON) untuk memiliki dan mengoperasikan rig bicu, Perisai Pacific 101. Pengambilalihan ini adalah selaras dengan strategi ICON untuk mentakrifkan semula dirinya untuk beralih daripada hanya menjadi penyedia kapal penyokong luar pesisir. Kami sangat gembira kerana ia akan memberi kelebihan kepada ICON untuk menjadi penyedia perkhidmatan bersepadu pada masa akan datang. Tambahan lagi, berikutan kejayaan penyusunan semula hutang ICON pada tahun 2019, ICON telah kembali mencatat keuntungan dengan mencatat pertumbuhan pendapatan 5.5% tahun-ke-tahun sebanyak RM212.1 juta dan Untung Selepas Cukai (PAT) sebanyak RM1.4 juta* untuk tahun berakhir 31 Disember 2020 berbanding Kerugian Selepas Cukai sebanyak RM25.4 juta* untuk tahun 2019. Pencapaian itu menggambarkan kemampuan yang teguh dalam melaksanakan rancangan pemulihan dan kebolehan untuk mengembangkan perniagaan, meskipun terdapat keadaan operasi yang sukar dalam industri O&G.

Pelaburan dan Pelupusan

Pada tahun 2020, Ekuinas telah memberikan komitmen sebanyak RM250.2 juta ke arah usaha untuk memperkukuhkan syarikat portfolio kami dari dalam, dan juga menambahkan pelaburan ke dalam syarikat berpotensi tinggi dengan cadangan nilai yang jelas dan berfokus yang memenuhi kriteria pelaburan kami.

Kami memperoleh kepentingan dalam Medispec (M) Sdn Bhd (Medispec), berdasarkan nilai perusahaan sebanyak RM88.5 juta. Medispec adalah pengedar dan pemasar produk farmaseutikal tempatan dan produk makanan tambahan dengan rekod prestasi lebih dari 35 tahun, menawarkan lebih daripada 100 ubat farmasi dan 30 makanan tambahan kesihatan di bawah kategori preskripsi dan *over-the-counter*. Kemasukan kami ke ruang penjagaan kesihatan dan farmaseutikal tepat pada masanya kerana kami ingin memanfaatkan arah aliran mega global dan perubahan demografi di tengah-tengah kemunculan COVID-19. Sebagai tambahan kepada rangkaian rantaian bekalan dan pengedarannya yang besar dan mapan, kami ingin bekerjasama dengan Medispec untuk memperluaskan penciptaan produk kesihatan dan pengedaran jenama dalamannya, Vitamode, baik di pasaran tempatan mahupun serantau, negara-negara lain di rantau ASEAN.

Terdapat juga pelaburan susulan dalam FVG sebanyak RM5.5 juta dan pemindahan ICON dari Fund II sebanyak RM0.1 juta. Komitmen penting yang lain bagi ICON bernilai RM175.0 juta untuk membantu memperoleh rig bicu, Perisai Pacific 101.

Usaha kami bersama Coolblog dalam menganalisis pangkalan pelanggan, penawaran produk dan proses perolehan membuahkan hasil apabila kami berjaya menjual syarikat tersebut pada tahun 2020. Di sepanjang tempoh pelaburan, VCP kami memberi tumpuan kepada peningkatan kecekapan operasi untuk menyokong model francais dan usaha pengembangannya. Telah terbukti bahawa kejayaan syarikat itu adalah model francainya, kemampuan untuk menembusi pasaran, terutama di bandar-bandar kecil di Malaysia, dan penawaran produknya. Inisiatif VCP yang lain termasuk memperkemas proses dan sistem operasi, pengembangan dan penembusan outlet korporat ke wilayah pasaran yang baharu, serta peningkatan dalam penawaran produk dan strategi pemasarannya.

* Butiran Luar Biasa

Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif



Menyampaikan objektif sosial kami

Sejak penubuhannya, Ekuinas telah berusaha untuk mewujudkan impak sosial yang positif dengan memberi kemudahan kepada komuniti Bumiputera untuk mencapai kejayaan jangka masa panjang. Kami kekal teguh dalam membangunkan platform dan komuniti yang akan memfasilitasi kemajuan sosial dan kewangan yang berterusan untuk individu, keluarga, dan komuniti.

Pada TK2020, melalui dana langsung dan penyumberan luar kami, Ekuinas telah berjaya meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera sebanyak RM5.6 bilion atau 1.4 kali ganda daripada modal yang dilaburkan (TK2019: RM5.4 bilion dan 1.5 kali). Walaupun terkesan akibat penularan wabak, kami berjaya meningkatkan bilangan pengurus dan pekerja Bumiputera di syarikat portfolio kami sebanyak 13.3% dan 10.5% (TK2019: 23.5% dan 14.1%).

Selain itu, kami juga terus mengagihkan keuntungan dari pelaburan kami kembali kepada komuniti Bumiputera, berikutan penutupan dan realisasi sepenuhnya dana sulung kami, Ekuinas Direct (Tranche I) Fund. Kami menyampaikan RM120.0 juta kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB) untuk kepentingan pemegang unit amanah Bumiputera yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Bhd (PNB) pada bulan September 2020. Ini menjadikan jumlah pengagihan kami kepada PNB menjadi RM320.0 juta, termasuk RM200.0 juta yang telah diagihkan pada tahun 2014.

Kami juga berpuas hati dengan perkembangan yang dibuat melalui ILTIZAM, cabang tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami, yang bertujuan memberi kesan langsung kepada komuniti Bumiputera secara positif dengan memberikan bantuan kepada syarikat kecil Bumiputera, para siswazah muda dan juga komuniti. Walaupun terkekang dengan situasi dan perintah kawalan pergerakan yang belum pernah terjadi sebelum ini, kerangka kerja ILTIZAM membolehkan kami meningkatkan program dan usaha kami ke dalam lingkungan yang lebih bermakna. Fokus kami pada tahun ini adalah untuk membantu mempertahankan individu, komuniti, dan perniagaan yang terkesan dengan memastikan mereka dapat bertahan dan bangkit semula apabila keadaan bertambah baik.

“
KEKAL TEGUH DALAM MEMBANGUNKAN PLATFORM
DAN KOMUNITI YANG AKAN MEMFASILITASI
KEMAJUAN SOSIAL DAN KEWANGAN YANG
BERTERUSAN UNTUK INDIVIDU, KELUARGA,
DAN KOMUNITI”

¹⁰ Sumber: 2021 Global Private Equity Outlook, 2 Mac 2021

Pada tahun 2020, ILTIZAM menyalurkan RM9.8 juta untuk ketiga-tiga teras, dengan memberi manfaat kepada hampir 6,600 penerima manfaat. Ini menjadikan jumlah keseluruhan inisiatif ILTIZAM mencecah RM50.8 juta dalam tempoh tujuh tahun terakhir, yang mana mencerminkan komitmen kami untuk memberi impak berterusan kepada komuniti. Sila rujuk bahagian ILTIZAM bersama Ekuinas untuk maklumat lebih lanjut mengenai program dan kemajuannya di halaman 104 - 113.

Demi memberi bantuan di dalam keadaan pandemik, Ekuinas memperkenalkan Dana Ihsan COVID-19 ILTIZAM (Dana Ihsan) dengan peruntukan RM10.0 juta untuk menyokong negara dalam memerangi wabak tersebut dan untuk menangani keperluan bantuan kepada barisan hadapan, para peniaga kecil, keluarga, dan individu yang memerlukan serta untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat dijaga. Maklumat lebih lanjut mengenai Dana Ihsan dikongsi di halaman 111 - 112.

Tinjauan dan rancangan untuk 2021: Melihat ke Hadapan

Menjelang Tahun Baharu 2021, ramai yang berasa optimistik berikutan pelancaran program vaksinasi di seluruh dunia, presiden A.S. yang baharu dan pengakhiran isu Brexit. Pelabur Asia Pasifik paling berfikir positif di kalangan pelabur PE global, di mana tiga perempat daripada penggiat PE dari rantau ini menjangkakan trend peningkatan jumlah urus niaga akan berlanjutan¹⁰. Sebilangan kecil sahaja menjangkakan kemerosotan landskap ekonomi di dalam beberapa bulan yang akan datang, berbeza dengan tinjauan tahun 2020 di mana hampir 20 peratus menjangkakan prospek pelaburan yang semakin buruk.

Walaupun saingan perdagangan di antara AS-China masih belum dapat diselesaikan, para pelabur dan perniagaan terus bertumpu untuk memperkuat pasaran dan jaringan baharu yang ditubuhkan dalam usaha untuk menggantikan pendapatan yang hilang dan rantai bekalan yang terganggu akibat pandemik.

Masih terlalu awal untuk meramal keadaan bagi tahun 2021, tetapi pasti wujud gangguan jangka masa pendek dalam perjalanan ke arah pemulihan dan pertumbuhan mungkin terbantut disebabkan oleh perbezaan di dalam langkah pemulihan oleh pelbagai ekonomi. Namun demikian, jangkaan bagi pasaran persendirian kekal kukuh. Dikejutkan pada peringkat awalnya dengan kejatuhan yang disebabkan oleh COVID-19, para pelabur menarik diri tetapi dengan segera aktif semula pada separuh kedua tahun 2020, melonjakkan nilai urus niaga. Terdapat kekurangan pengeluaran dana pada tahun 2020, tetapi dana yang dikeluarkan cenderung ke arah dana yang lebih besar, dan mencapai sasarannya. Seperti mana-mana krisis, terdapat anjakan kualiti (*flight to quality*) dan dana yang jelas dengan rekod prestasi yang mapan, keadaan ini adalah baik bagi Ekuinas.

Kami mengambil kira keadaan di seluruh dunia di dalam mengatur strategi dan rancangan tindakan untuk tahun 2021 demi melindungi kami dan syarikat portfolio kami daripada perubahan masa hadapan. Perkara yang perlu diberi perhatian adalah:

- I. **Peningkatan tumpuan tempatan kerana sekatan perjalanan meningkatkan persaingan:** Sebagai pelabur PE dengan fokus domestik dan rekod prestasi yang terbukti, Ekuinas berada dalam kedudukan yang kukuh. Namun, kami tetap mengakui adanya ketidakpastian pasaran yang cepat berubah didorong oleh teknologi. Oleh itu, kami terus memberi penekanan kualiti aset dan pembangunan tenaga mahir yang berterusan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan pelan penciptaan nilai, serta mengamalkan tadbir urus yang teliti untuk mengurangkan risiko.
- II. **Peningkatan peruntukan untuk PE ditambah dengan peningkatan dan penggandaan nilai harga telah mencabar prestasi:** Jangkaan masa kini adalah untuk nilai harga kekal meningkat naik dengan stabil, di dalam situasi industri kewangan dunia melimpah dengan aliran matawang. Pertumbuhan aset PE di bawah pengurusan (AuM) dijangka tetap berada di landasan yang baik pada USD9.0 trilion menjelang 2025 ketika para pelabur berusaha untuk meningkatkan peruntukan mereka kepada PE dalam lima (5) tahun akan datang¹¹. Ekuinas akan terus menekankan kualiti aset dan berhemat dalam pendekatan kami sambil menerapkan strategi yang berbeza untuk mengurangkan pelaburan yang lebih mahal demi melindungi prestasi.
- III. **Pelaburan berhala tuju:** Melabur mengikut prinsip Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) adalah bidang fokus yang signifikan dan semakin berkembang untuk PE. Meskipun bukan perkara baharu, beberapa perusahaan telah mengambil langkah tambahan untuk meningkatkan tanggungjawab mereka dalam komitmen ke atas kerangka iklim dan mendorong nilai sosial.

Bagi pihak kami, fokus utama Ekuinas untuk tahun 2021 adalah untuk mempergiatkan pencarian peluang urus niaga dan pengurusan portfolio, sambil mengekalkan arah strategi korporat secara keseluruhan. Kami telah membina saluran perjanjian kuat yang merangkumi peluang pelaburan yang berkualiti dan pelbagai dan akan terus memperbaiki aliran transaksi melalui kriteria urus niaga yang diperluas, ditambah dengan penyelidikan dan rangkaian yang lebih baik.

Mandat dan prestasi kami tetap diutamakan. Oleh yang demikian, kami komited untuk memastikan pelaksanaan yang konsisten dan berdisiplin serta terus menekankan disiplin dalam tiga bidang melalui peningkatan aktiviti-aktiviti penciptaan nilai untuk memastikan daya bingkis dan penyampaian prestasi, kepatuhan ketat terhadap keperluan tadbir urus dan penyelarasan perniagaan melalui pengurusan prestasi yang terperinci.

¹⁰ Sumber: PE Pulse Q42020, EY

Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Dalam tahun 2021, kami berharap untuk mempercepatkan pelaksanaan inisiatif-inisiatif VCP kami dan terus mengukuhkan pemantauan portfolio sambil bersedia untuk penutupan Fund II. Kami juga yakin akan dapat mengekalkan rekod pelaksanaan kami, yang telah sebatian dengan keseluruhan falsafah dan budaya pengurusan kami.

Walaupun pertumbuhan dan keuntungan akan menjadi tumpuan semua inisiatif peningkatan, kami menyedari tanggungjawab yang lebih besar iaitu untuk memastikan impak yang lebih luas terhadap masyarakat dan komuniti Bumiputera akan tetap menjadi keutamaan kami.

Secara dalaman, sumber manusia akan terus menjadi tumpuan utama. Prestasi dan kemampuan kami yang baik sejak awal adalah berdasarkan pada kepercayaan kepada kebolehan individu. Keupayaan untuk menarik, memupuk dan mengembangkan bakat dalaman adalah kekuatan yang telah dan akan terus membolehkan kami memacu daya saing. Pandemik ini telah membuktikan bahawa kemampuan syarikat atau organisasi untuk bertukar, bertahan dan berkembang, sebahagian besarnya didasarkan kepada kemampuan bakatnya. Oleh itu, seperti yang ditekankan sebelum ini, strategi kami dalam memperkuat ketekunan dan disiplin di dalam proses pelaburan, ditambah dengan kepatuhan yang ketat terhadap keperluan tadbir urus, sambil memastikan penyelarasan perniagaan melalui pengurusan prestasi, akan terus didorong oleh fokus kami untuk memupuk profesional berbakat, dan ini akan membawa Ekuinas ke arah prestasi yang tegap dan konsisten.

Sambil bergerak ke hadapan, kami tetap bertumpu untuk menyumbang kembali kepada masyarakat, bangsa dan planet ini. Selain memperluaskan sokongan kami untuk program-program di bawah ILTIZAM, kami juga akan berusaha untuk memperbaharui Kerangka Pengagihan Keuntungan kami, untuk memberi penekanan yang lebih besar dan khusus pada peluang pendidikan. Kami juga akan terus mengekalkan hubungan kami dengan Kerajaan untuk memastikan hubungan erat dengan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (EPU) yang menyelia Ekuinas, dan semua pihak berkepentingan lain yang relevan untuk memainkan peranan kami dalam memberikan sumbangan yang lebih terhadap komuniti Bumiputera.

Kami juga akan memulakan inisiatif baharu seperti pengenalan kerangka kerja dan pendekatan Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) baharu untuk Ekuinas dan syarikat portfolio. Kami melihat komitmen ini sebagai kemajuan semula jadi bagi peranan kami dalam menyumbang kepada khalayak ramai dengan impak yang semakin bertambah, terutama terhadap mencipta kekayaan Bumiputera. Selain itu, kami juga akan menggunakan strategi pelaburan baharu di masa depan, dengan kemungkinan memasukkan strategi pelaburan lain ke dalam ruangan pasaran persendirian yang akan membantu memperkukuhkan kemampuan Ekuinas untuk melaksanakan mandatnya.

Sekalung penghargaan dan terima kasih

2020 merupakan suatu tahun yang penuh dengan kesedaran, cabaran, dan juga keberkatan. Walaupun menghadapi persekitaran yang sukar, Ekuinas tetap berjaya mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) kami. Kami menyedari bahawa ini bukan semata-mata atas usaha kami sendiri dan oleh yang demikian, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada banyak pihak yang terus menyokong kami dalam perjalanan ini dan memberi kami peluang untuk memainkan peranan di dalam pertumbuhan dan perkembangan industri PE di Malaysia.

Kami ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia dan EPU. Kami juga berterima kasih di atas sokongan dan keyakinan anda yang berterusan terhadap kemampuan kami untuk melaksanakan mandat kami.

Kami juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Lembaga Pengarah kami atas kepimpinan masing-masing sepanjang tempoh 11 tahun yang lalu. Kebijaksanaan dan nasihat tegas anda telah membantu kejayaan kami dan terutamanya di dalam persekitaran yang sangat tidak stabil, tidak menentu, dan semakin kompleks ini. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamad sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Dato' Abdul Hamid membawa bersamanya pengalaman luas di dalam pasaran awam dan persendirian, dan kami yakin bahawa Lembaga Pengarah akan mendapat manfaat daripada sumbangan beliau.

Kepada semua kakitangan dan pekerja syarikat portfolio kami, kini dan yang lalu: 2020 telah menjadi ujian ketahanan dan ketekunan untuk semua. Terima kasih atas kepercayaan anda kepada syarikat, usaha dan dedikasi yang berterusan dalam menempuh saat-saat yang mencabar dan kerana berusaha keras untuk melaksanakan peranan yang diamanahkan kepada anda. Pencapaian Ekuinas hari ini dimungkinkan kerana usaha anda dan kepercayaan yang kami kongsi bersama.

Menuju masa hadapan, Ekuinas tetap teguh dalam peranan dan tujuan untuk mencipta nilai jangka masa panjang bagi pihak berkepentingan dan syarikat portfolio kami. Kami yakin bahawa dengan sokongan berterusan anda, dekad ini akan membuka peluang pertumbuhan dan transformasi yang menarik bagi industri PE Malaysia dan juga syarikat tempatan, yang akan meletakkan negara ini sebagai destinasi pelaburan yang menarik dan kompetitif di peringkat global.

Marilah kita maju ke hadapan dengan penuh keazaman dan keyakinan.

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
Pengerusi

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Ketua Pegawai Eksekutif

DI TENGAH KEMELUT PANDEMIK: BAGAIMANA COVID-19 MEMPENGARUHI EKUITI PERSENDIRIAN DI ASIA PASIFIK DAN MALAYSIA OLEH BAIN AND COMPANY


TAHUN BERCAMPUR BAGI ASIA PASIFIK

Ketika COVID-19 melanda pada awal tahun 2020, pelabur di seluruh dunia bersiap siaga untuk menghadapi tahun yang sangat sukar. Setelah dua tahun mencatat nilai pelaburan yang tinggi di Asia-Pasifik, rantau ini telah mengakhiri tahun 2019 dengan penurunan sebanyak ~15%. Penjualan dan pengumpulan dana telah menjunam lebih banyak lagi, dan dengan sejumlah besar dana tersedia di rantau ini, perkara terakhir yang diinginkan pelabur adalah kejutan makro yang akan memberi risiko ke atas syarikat portfolio mereka dan menghentikan aliran arus niaga.


Namun, tahun 2020 tidak muram dan suram seluruhnya. Ia memang tahun yang mencabar: Rakan Kongsi Am (GP) terpaksa menggunakan kesemua sumber yang ada untuk melindungi syarikat portfolio mereka pada separuh pertama tahun ini - khususnya yang berada di sektor yang paling terkesan dengan sekatan pergerakan dan arahan penutupan - tetapi perjanjian arus niaga yang bertenaga membantu Asia-Pasifik meningkatkan kedudukannya di pasaran Ekuiti Persendirian (PE) global, dan jumlah pulangan kekal kukuh dengan dana PE Asia-Pasifik mengatasi pasaran awam pada jangka masa 5, 10 dan 20 tahun.

Namun demikian, ia masih merupakan tahun yang sukar bagi PE. Penjualan dan pengumpulan dana telah terbatas di seluruh rantau walaupun dengan kebangkitan pasaran saham pada suku kedua yang telah membuka saluran tawaran awam awal (IPO). Jumlah dana tersedia kekal tinggi, dan ini memburukkan persaingan di dalam keadaan tahap gandaan yang tinggi.


NILAI URUS NIAGA MENINGKAT KE TAHAP TERTINGGI



NILAI JUALAN MERUDUM



PENGUMPULAN DANA MENURUN UNTUK TAHUN KETIGA



Nota: Tidak termasuk hartanah dan infrastruktur
Sumber: AVCJ; Preqin


■ Nilai — Bilangan

Di Tengah Kemelut Pandemi: Bagaimana COVID-19 Mempengaruhi Ekuiti Persendirian di Asia Pasifik dan Malaysia oleh Bain and Company

TAHUN YANG MENECABAR BAGI ASIA TENGGARA DAN MALAYSIA

Di Asia Tenggara, tahun 2020 adalah tahun yang sangat mencabar. Keseluruhan nilai urus niaga turun sebanyak -26% kepada \$9B berbanding \$12B dalam tahun 2019, ini serupa dengan tahun 2018 tetapi jauh dari rekod ketinggian sebanyak \$16B pada tahun 2017.

Nilai pelaburan dana ekuiti persendirian di Asia Tenggara, dari sudut pasaran




Nota: Tidak termasuk hartanah dan infrastruktur

Sumber: AVCJ

Namun demikian, sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan nilai purata urus niaga - \$85 juta pada tahun 2020 berbanding \$106 juta pada tahun 2019 - sementara jumlah urusniaga menurun sedikit daripada 115 kepada 106. Khususnya, tahun 2020 menyaksikan kurang "transaksi besar" - pada tahun 2019, terdapat 6 tawaran melebihi \$500 juta berbanding hanya 3 pada tahun 2020: Grab, Equis Development, dan Irrawaddy Green Towers - sementara tahun 2020 menyaksikan lebih banyak tawaran dalam julat \$100-500J (25 berbanding 15 pada 2019).


Pelaburan Asia Tenggara berdasarkan nilai pelaburan



Nota: Tidak termasuk hartanah dan infrastruktur


Sumber: AVCJ

Pecahan Pelaburan Asia Tenggara (\$B) berdasarkan nilai urusniaga




Bagi Malaysia, nilai urus niaga turun ke paras terendah sepanjang masa pada tahun 2020 dengan nilai transaksi hanya berjumlah \$106 juta - jauh di bawah \$1.8B pada tahun 2019 atau purata 5 tahun sebanyak \$1.0B pada tahun 2015-19, dan hampir dengan pelaburan tahun 2015 sebanyak \$131 juta. Berbanding dengan 5 tahun kebelakangan ini, Malaysia belum melihat urus niaga “transaksi besar” (melebihi \$500 juta), tetapi urus niaga sederhana antara \$200-500 juta juga kurang pada tahun 2020.

Pelaburan Malaysia berdasarkan nilai pelaburan




Pecahan Pelaburan Malaysia (\$B) berdasarkan nilai urusniaga



PENJUALAN DAN PENGUMPULAN DANA TERTANGGUH

Penjualan dan pengumpulan dana sama-sama mencabar tahun ini. Di seluruh Asia-Pasifik, banyak aktiviti penjualan terpaksa ditangguhkan akibat COVID-19 dan ini menyebabkan jumlah dan nilai penjualan menurun di seluruh wilayah.



Nota: Tidak termasuk hartanah dan infrastruktur
Sumber: AVCJ


Kekurangan nilai yang tidak dapat direalisasikan menyebabkan lebih dana pada tahun 2014-2016 dalam portfolio Asia-Pasifik; dan dana tersedia mencatat rekod lagi pada tahun 2020. Akibatnya, pengumpulan dana menurun untuk tahun ketiga berturut-turut di Asia Pasifik.

Di Tengah Kemelut Pandemi: Bagaimana COVID-19 Mempengaruhi Ekuiti Persendirian di Asia Pasifik dan Malaysia oleh Bain and Company

EKONOMI DAN PELABURAN DIGITAL MENGEKALKAN MOMENTUM

Internet dan Teknologi terus menjadi sektor yang paling aktif di Asia Pasifik dengan nilai urus niaga sebanyak 48% dari Asia Tenggara pada tahun 2020, iaitu serupa dengan tiga tahun sebelumnya.

Peratusan nilai urusniaga Asia-Pasifik, mengikut sektor




Nota: Tidak termasuk hartanah dan infrastruktur

Sumber: AVCJ

Ini tidak menghairankan memandangkan ekonomi digital Asia Tenggara telah bertahan pada tahun 2020 walaupun terkesan dengan pandemik COVID-19. Meskipun beberapa sektor seperti pelancongan dan e-panggilan (perkhidmatan pengangkutan secara dalam talian) telah terkesan oleh sekatan mobiliti yang dikenakan oleh kerajaan semasa pandemik, e-dagang, penghantaran makanan dan media/hiburan dalam talian meningkat dengan banyak pada tahun 2020. Secara keseluruhan ekonomi digital di Asia Tenggara bertahan pada \$105B pada tahun 2020 (meningkat 5% dari tahun ke tahun) dan terus bersedia untuk pertumbuhan yang tegap mencecah > \$300B menjelang 2025.

Ekonomi Internet Asia Tenggara dijangka mencapai \$300B menjelang 2025


GMV ekonomi internet Asia Tenggara




Sumber: Bain analysis

Dalam keadaan yang sama, perkhidmatan kewangan digital juga telah muncul sebagai satu enjin yang penting bagi Asia Tenggara - sebuah wilayah di mana akses kepada perbankan dan kredit masih kurang optimum. Pada tahun 2020, hampir semua sektor perkhidmatan kewangan digital di Asia Tenggara meningkat, kecuali pinjaman - yang kekal stabil di tengah meningkatnya kebimbangan mengenai kualiti kredit setelah moratorium berkaitan COVID-19 dihentikan.


Nilai kasar transaksi pembayaran digital AT (\$B)




Aliran Kiriman Wang Digital AT (\$B)




Buku Pinjaman Digital AT (\$B)



BPT/PBK insurans AT (\$B)



Pelaburan Digital ADP (\$B)




*Nota: PBK = premium bertulis kasar BPT = bersamaan premium tahunan ADP = Aset di Bawah Pengurusan
Sumber: Bain analysis*

PENILAIAN MENINGKAT LAGI

Tahap “dana tersedia” yang tinggi dalam sistem, peningkatan persaingan untuk transaksi, dan momentum yang kuat untuk sektor internet dan teknologi terkemuka yang mendorong gandaan nilai untuk naik pada tahun 2020 berbanding 2019, dan ini telah menjadi perhatian utama di kalangan pelabur ekuiti swasta. Pelabur tidak menjangka gandaan akan turun begitu cepat di mana 73% daripada para GP menjangkakan gandaan akan meningkat atau kekal mendatar pada tahun 2021.

Gandaan EV/EBITDA pada urusniaga disokong ekuiti persendirian Asia-Pasifik



*Nota: EV adalah nilai perusahaan; sumbangan ekuiti merangkumi ekuiti yang disumbangkan dan peralihan ekuiti; berdasarkan pro forma trailing EBITDA; tidak termasuk gandaan kurang daripada 1 atau lebih besar daripada 100
Sumber: S&P Capital IQ setakat Dis. 31, 2020; 2021 APEG Survey/IN=162*

Di Tengah Kemelut Pandemi: Bagaimana COVID-19 Mempengaruhi Ekuiti Persendirian di Asia Pasifik dan Malaysia oleh Bain and Company


MAJU KEHADAPAN

COVID-19 telah memberi kesan berbeza pada pelbagai sektor ekonomi pada tahun 2020 - baik di Malaysia dan di Asia Tenggara secara keseluruhan. Walaupun tahun 2021 telah bermula dengan berita positif, disebabkan oleh pemberian vaksin, masih sangat awal untuk menjangkakan bentuk dan masa yang akan diambil untuk pemulihan. Secara amnya, kesan pandemik COVID-19 terhadap sektor ekonomi dapat dilihat dengan 3 cara:

- **Sektor yang berkaitan dengan mobiliti dan gaya hidup pengguna**, yang menerima impak negatif daripada perintah kawalan pergerakan (PKP) - seperti makanan & minuman, perjalanan, e-panggilan, barangan pengguna dan kosmetik. Ini mungkin akan kembali ketika sekatan PKP dihentikan, seperti yang ditunjukkan oleh data awal dari negara-negara seperti China dan Singapura.
- **Sektor yang melihat “lonjakan” positif kerana penggantian segera** dari kumpulan pertama atau **keperluan sekali beri (one-off) daripada PKP** - seperti pembelian runcit, produk segar, barangan pengguna (tidak makan di luar), persiapan rumah (dalam menyiapkan persekitaran untuk bekerja dari rumah). Untuk ini, kemungkinan COVID-19 akan memberi kesan sekali beri dan mereka akan kembali ke arah pertumbuhan jangka lebih panjang apabila corak dan mobiliti bandar kembali (atau hampir) normal - walaupun beberapa perubahan seperti gabungan kerja dari rumah/kerja di pejabat boleh kekal selepas COVID-19, yang mungkin akan hanya mempengaruhi beberapa kategori dalam masyarakat
- **Sektor yang berkaitan dengan penggunaan saluran baharu serta perubahan tingkah laku** - seperti e-dagang, hiburan/permainan digital, penghantaran makanan, pembayaran digital; sektor-sektor ini menyaksikan percepatan yang drastik pada tahun 2020 dan sebahagian besarnya cenderung “kekal”, kerana percepatan tersebut sebahagian besarnya didorong oleh pengguna baharu yang telah menggunakan produk dan perkhidmatan ini untuk pertama kalinya dan menghargai kemudahan mereka. Penyelidikan terbaru kami menunjukkan bahawa pada tahun 2020, 36% pengguna perkhidmatan digital di Malaysia adalah pengguna baharu (iaitu, menggunakan perkhidmatan tersebut untuk pertama kalinya pada tahun 2020), dan 92% dari mereka mengatakan bahawa mereka akan terus menggunakan sekurang-kurangnya satu perkhidmatan digital selepas berakhirnya pandemik COVID-19 iniⁱ.

Menjelang tahun 2020, para pelabur kelihatan optimis bahawa persekitaran makro-ekonomi akan lebih baik pada tahun 2021, tetapi tetap berhati-hati dengan sejumlah cabaran dan ketidakpastian - sama ada jangka pendek atau jangka panjang.

i. Sumber: Google-Temasek-Bain & Company e-Economy SEA 2020 report



*Nota: *Keyakinan tinggi atau keyakinan yang agak tinggi melihatkan kepada perkembangan terkini mengenai pembangunan vaksin yang memberangsangkan*
 Sumber: Bain & Company Asia-Pacific private equity survey 2021 (n=162)

Untuk masa hadapan, kami melihat beberapa cara dana Asia Tenggara dapat berjaya menangani keadaan situasi yang tidak dapat diramalkan dan hadir lebih kuat pada tahun 2021:

- 1. membina daya ketahanan** – pergolakan pasaran global kemungkinan akan berlanjutan pada tahun 2021, dan firma-firma harus bersiap sedia menghadapi berbagai kejutan yang semakin meningkat. Walaupun majoriti GP mengakui tidak melihat daya ketahanan sebagai keutamaan utama sebelum tahun 2020, pada masa yang akan datang mereka percaya bahawa tekanan kewangan dan gangguan operasi mungkin berterusan. Oleh itu, sangat penting bagi GP untuk menjadikan portfolio mereka lebih berdaya tahan, termasuk dengan membina ketangkasan organisasi dan mempelbagaikan pengeluaran dan pangkalan pelanggan
- 2. kekal fokus kepada pendigitalan ekonomi, mungkin dengan lebih luas** – bukan hanya di dalam sektor digital yang lebih matang di mana Asia Tenggara sudah memiliki “unikorn pengguna” (e-dagang, e-panggilan, perjalanan dalam talian, dll.) - tetapi secara lebih luas, semua yang memperkasakan kehidupan digital dan perniagaan digital di rantau ini, mulai dari sektor hulu di dalam rantai nilai (misalnya, logistik, penilaian kredit, SaaS), hingga pendigitalan B2B (termasuk bentuk baru perkhidmatan yang menggunakan IT), dan sektor-sektor baharu bagi pengguna perkhidmatan kewangan digital, penjagaan kesihatan digital dan pembelajaran digital
- 3. melaksanakan pelan penciptaan nilai yang besar** – majoriti GP di rantau ini mengatakan bahawa pertumbuhan pulangan adalah faktor penciptaan nilai yang paling penting, namun, jika dibandingkan dengan 5 tahun yang lalu, pengembangan margin kini dilihat sebagai faktor yang lebih kritikal kerana ruang adalah semakin sempit untuk pelbagai pengembangan dengan penilaian yang tinggi
- 4. memasukkan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam membuat keputusan sepanjang kitaran hayat pelaburan** – sekarang adalah masanya untuk meningkatkan ESG. Para Rakan Kongsi (LP) semakin banyak memasukkan ESG dalam kajian mereka; 57% daripada GP di Asia Tenggara menyebut bahawa mereka secara aktif mencari pelaburan yang mempunyai kesan sosial atau persekitaran positif di samping pulangan kewangan

APA MAKSUD SEMUA INI UNTUK MALAYSIA

Malaysia mempunyai kedudukan yang unik di dalam ekosistem Ekuiti Persendirian di Asia Tenggara. Seperti yang telah kita lihat, bahagian pelaburannya agak kecil, tetapi pada masa yang sama ia mempunyai komuniti pelaburan yang kuat termasuk beberapa Dana Kekayaan Berdaulat (SWF) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan yang terkenal di rantau ini.

- Gabungan sektor baharu dan tradisional cenderung menarik minat pelabur di Malaysia. Di antara yang lebih “tradisional”, pada tahun 2020 terdapat minat dalam bidang runcit, barang pengguna, penjagaan kesihatan - dan ini kemungkinan akan berlanjutan pada tahun 2021. Di kalangan sektor “permulaan” ini, Malaysia dapat membina kedudukan yang unik dalam perkhidmatan kewangan digital - khususnya, dalam perbankan digital (kerana keperluan modal yang lebih rendah berbanding Singapura dan HK lalu menjadikannya lebih mudah untuk dimasuki) dan kewangan Islam, di mana Malaysia adalah pasaran #2 di dunia. Ekosistem e-Dagang di Malaysia pula, sementara dikuasai oleh dua platform serantau (Lazada dan Shopee), masih berpotensi untuk pelaburan “di pinggir” permainan pasaran, misalnya di dalam sektor logistik, atau e-dagang menegak untuk beberapa kategori yang masih kurang diterokai.
- Ketika negara ini pulih dari kesan pandemik COVID-19, mungkin ada peluang menarik dalam sektor ekonomi yang telah terkesan atau di mana terdapat potensi untuk penggabungan/permainan “beli dan bina”, seperti makanan & minuman atau runcit di dalam sektor pengguna atau minyak & gas. Walaupun aktiviti GP serantau-global di Malaysia agak kental dalam beberapa tahun terakhir, ada kemungkinan bahawa dengan dana tersedia yang banyak, mereka akan mengambil pendekatan yang lebih aktif.
- Syarikat Pelaburan berkaitan Kerajaan di Malaysia harus terus menyeimbangkan fokus mereka terhadap pertumbuhan dan kecairan, yang bermaksud bahawa mereka mungkin perlu bersikap memilih terhadap urus niaga tempatan dan cuba merealisasikan beberapa pelaburan semasa mereka.
- Akhirnya, Malaysia, seperti seluruh Asia Tenggara, berada dalam posisi untuk memiliki hubungan yang kuat dengan negara-negara China dan AS – memandang ke hadapan, adalah penting bagi syarikat dan dana Malaysia untuk mengelakkan pendedahan berlebihan kepada China dari segi rantaian bekalan, tumpuan pelanggan/pembekal (untuk syarikat) dan pelaburan (untuk pelabur): kepelbagaian dan ketahanan akan menjadi kunci. Dalam sektor yang sangat bergantung pada negara China, seperti beberapa rantai nilai semikonduktor/elektronik (mis. papan induk, ODM, pembungkusan & ujian, paparan), ini dapat memberi peluang pelaburan di Asia sebagai destinasi alternatif.

Ekuinas ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bain & Company kerana menyumbangkan artikel mereka “Di Tengah Kemelut Pandemik: Bagaimana COVID-19 Mempengaruhi Ekuiti Persendirian Di Asia Pasifik Dan Malaysia” untuk manfaat pembaca kami.

COLLABORATIVE
BUILDING HARMONIOUS
RELATIONSHIPS

ADAPTIVE
RESILIENT AND
RESPONDS ACTIVELY
TOWARDS






KEPIMPINAN

- 32 Struktur Korporat
- 33 Maklumat Korporat
- 34 Struktur Organisasi
- 35 Lembaga Pengarah
- 42 Pengurusan Kanan

STRUKTUR KORPORAT



[^] Telah terealisasi sepenuhnya

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA

Pengerusi

TAN SRI DATO' SERI MOHAMED JAWHAR HASSAN

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF

DATUK ALI ABDUL KADIR

DATO' ABDUL HAMID SHEIKH MOHAMED

(dilantik pada 1 Jun 2020)

DATUK SAIFUL ANUAR LEBAI HUSSEN

SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Ketua Pegawai Eksekutif

JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusof

(Pengerusi)

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

JAWATANKUASA PELANTIKAN & GANJARAN

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

(Pengerusi)

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

JAWATANKUASA PELABURAN

Datuk Ali Abdul Kadir

(Pengerusi)

Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

Ahmad Hilmy Abd Jalil

Zarihi Hashim

Lim Fu Yen

Idham Ismail

JAWATANKUASA PELABURAN CSR

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff

(Pengerusi)

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

Hizwani Hassan

SETIAUSAHA SYARIKAT

Norsham Abdul Ghani (LS 01203)

Saiful Nizam Yasin (LS 008955)

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers PLT

Akauntan Berkanun

BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad

CIMB Bank Berhad

Affin Bank Berhad

ALAMAT BERDAFTAR

Prokhas Sdn Bhd

Tingkat 7, Bangunan Setia 1

15 Lorong Dungun

Bukit Damansara

50490 Kuala Lumpur

ALAMAT PEJABAT

Ekuiti Nasional Berhad (868265 U)

Aras 16, Surian Tower

No. 1, Jalan PJU 7/3

Mutiara Damansara

47810 Petaling Jaya

Selangor

JAWATANKUASA PENGURUSAN

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

Ketua Pegawai Eksekutif

Roselinda Hashim

Pengarah Kanan, Perundangan &

Hal Ehwal Korporat

Heng Khim Hui

Pengarah Kanan, Pengurusan &

Pemantauan Portfolio

Ahmad Hilmy Abd Jalil

Pengarah Kanan, Pelaburan

Zarihi Hashim

Pengarah Kanan, Pelaburan

Lim Fu Yen

Pengarah Kanan, Pelaburan


(Meletak jawatan pada 30 Jun 2020)

Idham Ismail

Pengarah Kanan, Pelaburan

(Meletak jawatan pada 31 Disember 2020)

STRUKTUR ORGANISASI



RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda ialah Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Pada masa ini, Raja Arshad turut memegang jawatan-jawatan berikut; Pengerusi Maxis Berhad dan Icon Offshore Berhad. Beliau juga merupakan Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor dan Pengerusi Yayasan Amir, selain menjadi Lembaga Pemegang Amanah bagi Yayasan DayaDiri. Raja Arshad juga adalah Canselor Universiti Selangor.

Raja Arshad adalah mantan Pengerusi Eksekutif di PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia. Beliau juga adalah mantan Pengerusi, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan Pengerusi Danamodal Nasional Berhad. Jawatan dan peranan terdahulu beliau di peringkat antarabangsa termasuk menganggotai Lembaga PwC Global IFRS dan Standards Advisory Council di International Accounting Standards Board.

Raja Arshad merupakan seorang Fellow di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) di mana beliau merupakan anggota Majlis MICPA selama 24 tahun dan pernah menyandang jawatan Presiden selama tiga tahun di dalam tempoh tersebut.

Lembaga Pengarah



SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Ketua Pegawai Eksekutif

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Ahli Lembaga Pengarah Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau dilantik sebagai CEO pada 1 Mac 2016 dan telah bersama dengan organisasi sejak penubuhan. Beliau mengetuai pasukan Pelaburan sebagai Rakan Pengurusan, Pelaburan sebelum peranannya sekarang. Beliau kini berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah untuk beberapa syarikat portfolio termasuk Orkim Sdn Bhd sebagai Pengerusi dan Icon Offshore Berhad sebagai ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pelantikan & Ganjaran.

Syed Yasir Arafat juga ialah seorang ahli Malaysia Venture Capital and Private Equity Development Council (MVCDC) yang di bawah penyeliaan Suruhanjaya Sekuriti.

Sebelum menyertai Ekuinas, beliau meluangkan 15 tahun dalam Perbankan Pelaburan dalam pelbagai organisasi dan kapasiti. Beliau merupakan Pengurus Negara (Perbankan Borong ING) yang menyelia operasi kedua-dua syarikat ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd dan ING Bank (Labuan) di Malaysia. Beliau pernah berkhidmat selama sembilan tahun di ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd bermula sebagai VP Corporate Finance di mana beliau mengendalikan operasi penggabungan dan pengambilalihan (M&A), penubuhan dana ekuiti dan dana berkaitan ekuiti, penubuhan dana pinjaman serta menjadi penasihat kewangan kepada beberapa syarikat peneraju Malaysia yang terlibat dalam bidang perbankan, perladangan, automotif, telekomunikasi dan hartanah.

Sebelum itu, Syed Yasir Arafat pernah berkhidmat di United Overseas Bank (Malaysia) Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Commerce International Merchant Bankers Berhad dan Aseambankers Malaysia Berhad.

Syed Yasir Arafat memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perakaunan dan Pengurusan Kewangan dari University of Essex, United Kingdom. Beliau juga merupakan Fellow kepada Chartered Institute of Management (FCMA) dan Chartered Global Management Accountant (CGMA).

TAN SRI DATO' SERI MOHAMED JAWHAR HASSAN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar ialah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan ahli Jawatankuasa Audit dan Risiko.

Tan Sri Jawhar ialah seorang Distinguished Fellow bagi beberapa Institusi-Institusi di Malaysia dan Pakar dan Tokoh Terkemuka bagi Forum Serantau ASEAN (ARF).

Beliau juga adalah mantan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia dan Pengerusi The New Straits Times Bhd. Beliau pernah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dalam pelbagai kapasiti sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah ISIS Malaysia pada tahun 1990.

Tan Sri Jawhar juga merupakan ahli Suruhanjaya di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau merupakan ahli Kumpulan Kerja Majlis Ekonomi dan ahli Panel Penasihat, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM). Beliau juga adalah mantan Pengerusi Bersama bagi Majlis Keselamatan di Asia Pasifik (CSCAP).

Lembaga Pengarah



DATUK ALI ABDUL KADIR

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Ali Abdul Kadir ialah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan.

Datuk Ali Kadir merupakan seorang Fellow di Institute of Chartered Accountant in England and Wales (ICAEW), ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga merupakan Honorary Advisor kepada ICAEW-KL City Chapter, Honorary Fellow kepada Institute of Chartered Secretaries & Administrators (UK) dan Institut Pengarah-Pengarah Malaysia.

Pada masa ini, Datuk Ali Kadir merupakan Pengerusi JcbNext Berhad dan Enra Group Berhad. Beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Glomac Berhad, Citibank Berhad dan syarikat-syarikat swasta serta yayasan-yayasan lain.

Datuk Ali Kadir merupakan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dari 1 Mac 1999 sehingga 29 Februari 2004. Beliau juga pernah memegang kerusi dalam jawatankuasa lain termasuk Jawatankuasa Pelaburan Asing, Jawatankuasa Pengawasan untuk Syarikat Pengurusan Aset Nasional (Danaharta). Di arena antarabangsa, beliau pernah menjadi ahli Jawatankuasa Eksekutif International Organisation of Securities Commission (IOSCO), Pengerusi Jawatankuasa IOSCO Rantau Asia Pasifik dan Pengerusi Islamic Capital Market Working Group. Beliau juga merupakan bekas Pemegang Amanah bagi Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), Force of Nature Aid Foundation, serta Penasihat kepada Sri Lanka Securities & Exchange Commission.

Sebelum ini, beliau merupakan Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi Ernst & Young dan firma-firma berkaitan. Beliau juga merupakan mantan Presiden MICPA, di mana beliau mempengerusikan Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Amalan Insolvensi dan mempengerusikan bersama Company Law Forum. Beliau pernah dilantik sebagai Profesor Tambahan di Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya (2008 hingga 2011) dan kemudian dilantik sebagai ahli Lembaga Penasihat di Fakulti yang sama. Sebelum ini, beliau juga merupakan Pengerusi Milux Corporation Berhad, Microlink Solutions Berhad, Privasia Technology Berhad, Financial Reporting Foundation dan ahli Lembaga Pengarah Labuan Financial Services Authority.

Datuk Ali Kadir telah dianugerahkan Panglima Jasa Negara oleh YDP Agong pada tahun 2001. Pada tahun 2012, beliau telah dianugerahkan Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat dari ICAEW-KL City Chapter, dan Anugerah Presiden dari MICPA.

TAN SRI DR RAHAMAT BIVI YUSOFF

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff ialah Pengarah bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan CSR dan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko.

Tan Sri Dr Rahamat telah berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam Malaysia selama lebih 35 tahun, bermula sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Cukai) di Kementerian Kewangan (MOF) dan seterusnya memegang pelbagai jawatan, antaranya Pegawai Projek di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Timbalan Pengarah Seksyen Ekonomi Makro di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Pengarah di Suruhanjaya Tenaga, Pengarah di Bahagian Belanjawan dan kemudian dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha di MOF. Pada tahun 2011, beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah EPU, kedudukan yang disandang sehingga beliau bersara pada tahun 2017.

Tan Sri Dr Rahamat juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA) dan IOI Corporation Berhad (IOI) serta ahli Lembaga Gabenor Universiti Multimedia.

Tan Sri Dr Rahamat memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia dan Ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Western Michigan, Amerika Syarikat. Beliau juga telah dianugerahkan ijazah Kedoktoran dari Australian National University.

Lembaga Pengarah



DATO' ABDUL HAMID SHEIKH MOHAMED

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) pada 1 Jun 2020. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Pelaburan.

Dato' Abdul Hamid merupakan Pengarah Eksekutif Symphony House Sdn Bhd. Beliau juga menyandang jawatan sebagai ahli lembaga pengarah MMC Corporation Berhad dan Maybank Investment Bank Berhad.

Beliau memulakan kerjaya di firma perakaunan, Tetuan. Lim Ali & Co./Arthur Young, sebelum meneruskan kerjayanya di perbankan pelaburan Bumiputra Merchant Bankers Berhad. Beliau kemudian berpindah ke Amanah Capital Malaysia Berhad Group, sebuah kumpulan kewangan dan perbankan pelaburan, di mana beliau mengetuai fungsi-fungsi kewangan dan pelan korporat sehingga 1998, ketika beliau menyertai Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE), kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Berhad.

Lima tahun bersama KLSE, dia memimpin pengambilalihan KLSE Bursa Niaga Hadapan Opsyen dan Kewangan Kuala Lumpur (KLOFFE), Pertukaran Komoditi dan Monetari Malaysia (COMMEX) dan penggabungan mereka untuk membentuk Malaysia Bursa Derivatif (MDEX), dan pemerolehan Pertukaran Sekuriti Malaysia Berurusan dan Automatik Sebutharga (MESDAQ). Dia juga memimpin proses demutualisasi KLSE.

Dato' Abdul Hamid menamatkan pengajian dari Emile Woolf School of Accountancy dan beliau adalah Fellow kepada the Association of Chartered Certified Accountants.



DATUK SAIFUL ANUAR LEBAI HUSSEN

Pengarah Bukan Eksekutif

Datuk Saiful Anuar Lebai Hussien ialah Pengarah Bukan Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau merupakan Ketua Pengarah di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Sebelum memegang jawatan ini, beliau berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada 22 Oktober 2018, sebelum perubahan pada pentadbiran kerajaan dan penstrukturan Kementerian dan agensi. Sebelum dilantik menjadi Ketua Setiausaha, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Polisi) EPU, PMD dari 21 Ogos 2018 ke 21 Oktober 2018, sebelum EPU dibubar ekoran penubuhan MEA. Beliau bertanggungjawab dalam menyediakan Ulasan Pertengahan Penggal (UPP) Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11), terutamanya dalam kemajuan menyeluruh dan kesejahteraan, pembangunan serantau dan modal insan.

Sebelum ini, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan dari Januari 2015 ke Ogos 2017. Beliau menyelia pentadbiran, sumber manusia dan hal-hal latihan berkaitan perkhidmatan kesihatan awam di seluruh Malaysia.

Beliau juga pernah bertugas di Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JPM sebagai Pengarah Kanan Bahagian Polisi dan Pembangunan (April–Disember 2010) dan Pengarah Bahagian Pembangunan (2009–2010). Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di UKAS, beliau bertanggungjawab untuk merangka, melaksana dan memantau pelaksanaan polisi, strategi, program/projek Kerjasama Awam Swasta (PPP) dan pembangunan lima (5) Rantau/Koridor Pembangunan Ekonomi.

Beliau menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga memegang Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Selain itu, beliau juga memegang beberapa jawatan sebagai ahli Lembaga Pengarah untuk Iskandar Regional Development Authority (IRDA), East Coast Economic Region Development Council (ECERDC), Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA), Sarawak Regional Corridor Development Authority (RECODA), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Majlis Amanah Rakyat (MARA), MyHSR Corporation (MyHSR Corp), Malaysian Aviation Commission (MAVCOM), Putrajaya Corporation (PPJ), Johor Corporation (JCorp) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk).

PENGURUSAN KANAN

01.



01. SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Ketua Pegawai Eksekutif

Profil dibentangkan di halaman 36.

02.



02. ROSELINDA HASHIM

Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat

Roselinda Hashim adalah Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat di mana beliau mengetuai jabatan perundangan dan kesetiausahaan dan jabatan komunikasi di Ekuinas.

Sebelum ini, Roselinda merupakan Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Perundangan & Kesetiausahaan di Media Prima Berhad selama lima tahun. Terlebih dahulu, beliau merupakan Rakan Kongsi di Raslan Loong yang memfokuskan kepada penggabungan dan pengambilalihan (M&A), usaha sama, pengaturan semula korporat dan aspek korporat Malaysia dan undang-undang komersil yang lain. Roselinda berkecimpung di dalam hal ehwal perundangan sejak 1996 dan memulakan kariernya di Shearn Delamore & Co.

Roselinda menamatkan pengajian di School of Oriental & African Studies (SOAS), University of London dengan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB, Hons) serta Ijazah Sarjana Undang-Undang (LLM). Beliau dipanggil ke Bar of England and Wales, United Kingdom pada 1994 dan bertugas sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara kepada Malaysian Bar pada tahun 1996. Roselinda menerima lesen untuk berkhidmat sebagai Setiausaha Syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada tahun 2005.

03.



03. HENG KHIM HUI

Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio

Heng Khim Hui ialah Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio. Beliau bekerjasama dengan CEO dan pengurusan kanan syarikat portfolio untuk memacu pertumbuhan dan penciptaan nilai menerusi inisiatif strategik, jualan dan pemasaran, operasi, digital dan IT.

Sebelum menyertai Ekuinas, Khim Hui berkhidmat bersama Boston Consulting Group di mana beliau bekerja dengan MNC dan GLC di Asia Tenggara mengenai topik-topik yang terdiri daripada strategi kemasukan pasaran, strategi pertumbuhan, M&A dan transformasi operasi. Sebelum itu, beliau berkhidmat di A.T. Kearney dan Accenture. Beliau membawa bersama 12 tahun pengalaman perundingan pengurusan dalam sektor perkhidmatan kewangan, minyak dan gas dan telekomunikasi.

Khim Hui menamatkan pengajian di Imperial College di London dengan Ijazah Kepujian Sarjana Muda Kejuruteraan dan mempunyai Sarjana Sains dari Stanford University, kedua-duanya dalam Kejuruteraan Mekanikal. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari INSEAD.

04.



04. AHMAD HILMY ABD JALIL

Pengarah Kanan, Pelaburan

Ahmad Hilmy Abd Jalil menyertai Ekuinas pada Januari 2020. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan.

Hilmy mempunyai 14 tahun pengalaman dalam perbankan pelaburan di Asia Tenggara, terdahulunya merupakan pemimpin kanan dengan Deutsche Bank yang berpusat di Singapura dan sebelumnya dengan UBS Investment Bank. Dia telah memimpin M&A, urusan niaga ekuiti dan hutang untuk pelanggan di Malaysia, Singapura dan Indonesia di pelbagai industri termasuk penjagaan kesihatan dan pengguna, telekomunikasi & media, industri dan infrastruktur & utiliti. Sebelum perbankan, Hilmy memegang peranan dengan Symphony House dan penasihat korporat di PwC.

Beliau menamatkan pengajian dalam bidang BCom (Perakaunan dan Kewangan) dari University of Melbourne dan MCom (Lanjutan Kewangan) dari University of New South Wales dan merupakan pemegang piagam CFA.

05.

**05. ZARIHI HASHIM**

Pengarah Kanan, Pelaburan

Zarihi Hashim menyertai Ekuinas pada Jun 2020. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan.

Beliau membawa bersamanya 20 tahun pengalaman dalam bidang pelaburan, perundingan pengurusan dan operasi. Sebelum menyertai Ekuinas, Zarihi adalah Naib Presiden, Pelaburan Strategik di sebuah syarikat pengurusan aset terkemuka di mana peranannya adalah untuk memacu prestasi syarikat pelaburan utama melalui pelaksanaan M&A, latihan korporat dan penciptaan nilai operasi.

Terlebih dahulu, dia memegang beberapa peranan dalam syarikat-syarikat perundingan, telekomunikasi dan digital. Dia juga pernah berkhidmat di Ekuinas sebagai Pengarah, Pelaburan pada tahun 2013.

Zarihi menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dalam bidang Elektrik dan Kejuruteraan Elektronik dari University College London dan memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari INSEAD.

06. IDHAM ISMAIL

Pengarah Kanan, Pelaburan

Idham Ismail adalah Pengarah Kanan, Pelaburan dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan.

Sebelum ini, Idham merupakan Pengarah Pelaburan di Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) selama 11 tahun. Semasa berkhidmat di sana, beliau juga memegang jawatan melibatkan operasi di syarikat portfolio Khazanah iaitu Pos Malaysia Berhad dan Themed Attractions Resorts, di kedua-dua tempat sebagai Ketua Pegawai Strategi.

Sebelum itu, Idham juga berkhidmat di Tenaga Nasional Berhad dan Commerce International Merchant Bankers Berhad di jabatan Kewangan Korporat.

Idham menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam Kejuruteraan Matematik dari University of Bristol, United Kingdom dan Ijazah Sarjana dalam Kewangan dari RMIT University, Australia.

Beliau meletakkan jawatannya berkuat kuasa 31 Disember 2020.

07.

**07. LIM FU YEN**

Pengarah Kanan, Pelaburan

Lim Fu Yen adalah Pengarah Kanan, Pelaburan di Ekuinas dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan serta Jawatankuasa Pengurusan. Beliau merupakan salah seorang daripada Pengarah Kanan yang bertanggungjawab bersama dalam pelaburan penjagaan kesihatan, pembuatan, dan minyak dan gas (O&G). Sebelum ini, beliau juga terlibat dalam pelaburan sulung Ekuinas dalam sektor teknologi.

Sebelum menyertai Ekuinas, Fu Yen melabur dalam pasaran ekuiti Amerika Utara di Orbis Investment Management, luar dari San Francisco. Sebelum itu, beliau merupakan perunding pengurusan di Boston Consulting Group yang menyertai projek strategi dan operasi dalam servis kewangan dan sektor minyak dan gas. Beliau telah bekerja secara meluas dalam kedua-dua rantau Asia Tenggara dan Asia Timur.

Fu Yen menamatkan pengajian di Dartmouth College dengan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Kejuruteraan Sains dan Ekonomi, dan mempunyai Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Stanford University Graduate School of Business.

Beliau meletakkan jawatannya berkuat kuasa 30 Jun 2020.



SERIES

MERCURIAL VAPOR





PRESTASI

46 Laporan Prestasi Pelaburan

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

TESIS PELABURAN

Ekuinas bertujuan untuk mengenal pasti semua peluang untuk melabur di syarikat-syarikat bersaiz sederhana di Malaysia untuk mentransformasi dan mengembangkan mereka untuk menjadi peneraju pasaran dan pelaburan yang menguntungkan. Selepas itu Ekuinas akan melupuskan aset tersebut dan menerapkan proses penciptaan nilai yang sama di syarikat-syarikat lain yang layak. Gambaran di bawah adalah unsur utama strategi pelaburan kami.

PELUPUSAN

- Premium akan dijamin bagi peneraju pasaran yang besar
- Memaksimumkan pulangan tetapi keutamaan dipastikan ke atas ekuiti Bumiputera yang mampan



05

PELAKSANAAN TERFOKUS

Penekanan untuk melaksanakan **Pelan Penciptaan Nilai**

- Penciptaan nilai **operasi** melalui pertumbuhan dan kecekapan kos
- Memastikan penggunaan modal dengan cekap
- **Memacu** pemerolehan agresif
- **Mengamal amalan terbaik** dalam pengurusan, operasi dan tadbir urus
- **Pendekatan cekap** dalam memacu penciptaan nilai



04

KAWALAN

- **Memberi tumpuan kepada kawalan** atau kepentingan besar yang memastikan penyertaan bermakna
- Memastikan keupayaan dalam melaksanakan Pelan Penciptaan Nilai

01



INDUSTRI

- Mencari industri besar yang mempunyai peluang **pertumbuhan** menawarkan:
 - Pertumbuhan organik and keuntungan pasaran
 - Peluang penggabungan
 - Pengembangan di peringkat serantau
- Mengutamakan **industri bebas kompetitif** dan mengurangkan industri yang berasaskan satu pelanggan dan kontrak

02



SYARIKAT

- **Syarikat yang hampir menjadi peneraju pasaran atau syarikat yang mempunyai platform untuk dibina menjadi sebuah peneraju pasaran**
- Kelebihan unik yang **kompetitif dan mampan**
- Struktur pengurusan yang baik atau penambahbaikan yang jelas dapat dilaksanakan

03



PENDEKATAN PELABURAN


- Sasaran pelaburan yang menawarkan pulangan **melebihi pasaran yang mampan dan konsisten** sambil memenuhi sasaran dalaman dan melindungi daripada risiko ke bawah
- **Menumpu kepada pelaksanaan Pelan Penciptaan Nilai**, sambil mengambil kesempatan peluang pelaburan



A. KESELURUHAN


1. Dana Diterima

JUMLAH DANA TERKUMPUL DITERIMA RM4.0 BILION



2. Penggunaan Dana

MODAL DILABURKAN BERJUMLAH RM3.2 BILION: RM3.4 BILION SUDAH DIREALISASIKAN



Laporan Prestasi Pelaburan

B. PELABURAN LANGSUNG

1. Tinjauan Dana

EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND	EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND	EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND	EKUINAS DIRECT (TRANCHE IV) FUND
Tahun Penubuhan 2010	Tahun Penubuhan 2012	Tahun Penubuhan 2014	Tahun Penubuhan 2019
Status: Terealisasi Sepenuhnya	Status: Telah Dilaburkan Sepenuhnya	Status: Sedang Dilaburkan	Status: Sedang Dilaburkan
Modal Komited RM1.0 BILION	Modal Komited RM1.0 BILION	Modal Komited RM1.5 BILION	Modal Komited RM1.0 BILION
Tempoh 5 tahun + 2 tahun + 1 tahun	Tempoh 5 tahun + 2 tahun + 1.5 tahun + 2 Tahun	Tempoh 5 tahun + 1 tahun + 2 tahun	Tempoh 5 tahun + 1 tahun + 1 tahun
JANGKA MASA PELABURAN 3 TAHUN KE 5 TAHUN			
Bentuk & Struktur Rasmi Satu Pengurus Dana dan Satu Pelabur	Tumpuan Pelaburan <i>Buy-Out</i> dan Dana Modal Pertumbuhan	Tumpuan Geografi Malaysia	Tumpuan Industri Pendidikan, Minyak & Gas, FMCG, Peruncitan & Percutian, Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan

2. Aktiviti Pelaburan

a. Aktiviti Pelaburan Langsung tahun 2020

RM juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Jumlah untuk tahun ini		
			Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
Pelaburan baharu:			250.2	—	250.2
1 Medispec (M) Sdn Bhd	Penjagaan Kesihatan	75.0%			
2 Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	N/A			
Pelaburan Susulan:			250.2	—	250.2
1 Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG)	Pembuatan	6.1%			
Pindahan dari Ekuinas Direct (Tranche II) Fund:					
1 Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	0.1%*			

* Selepas penyatuan saham dan penerbitan hak

2. Aktiviti Pelaburan

b. Aktiviti Pelaburan Langsung Terkumpul sehingga 31 Disember 2020

RM juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Jumlah Pelaburan Di Bawah - Tranche I			
			Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi	
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund			1,258.2	122.1	1,380.3	
1	Alliance Cosmetics Group (ACG)	FMCG				20.0%
2	Tanjung Offshore Berhad (TOB)	Minyak & Gas				24.0%
3	Konsortium Logistik Berhad (KLB)	Services				61.6%
4	APIIT Pendidikan Group (APIIT)	Pendidikan				51.0%
5	Burger King Group (BK)	Peruncitan - F&B				74.1%
6	Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)	Peruncitan - F&B				90.0%
7	Hasil Pendapatan Valley Group (RV)	Peruncitan - F&B				85.8%
8	Cosmopoint Group (Cosmopoint)	Pendidikan				90.0%
9	UNITAR International University (UNITAR)	Pendidikan				90.0%
10	Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	70.7%			
RM juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Jumlah Pelaburan Di Bawah - Tranche II			
			Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi	
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund			1,063.9	–	1,063.9	
1	Burger King Group (BKM & BKS)	Peruncitan - F&B				100.0%
2	Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas				17.4%^
3	PrimaBaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz)	Pembuatan Makanan				100.0%
4	Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka)	Pendidikan				45.9%
5	Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)*	Peruncitan - F&B				–
6	Hasil Pendapatan Valley Group (RV)	Peruncitan - F&B				–
7	Coolblog Apps Sdn Bhd (Coolblog)	Peruncitan - F&B				60.0%
8	Orkim Sdn Bhd (Orkim)*	Minyak & Gas				95.5%
9	Tenby Educare Sdn Bhd (Tenby)	Pendidikan				70.0%
10	Tranglo Sdn Bhd (Tranglo)	Perkhidmatan Teknologi	60.0%			

* Termasuk pelaburan susulan

[^] Pra-penyatuan saham dan penerbitan hak

Laporan Prestasi Pelaburan

b. Aktiviti Pelaburan Langsung Terkumpul sehingga 31 Disember 2020 (Samb.)

RM juta Syarikat Portfolio		Sektor	Pegangan	Jumlah Pelaburan Di Bawah - Tranche III		
				Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund				1,672.5	–	1,672.5
1	MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd (Medix)	Penjagaan Kesihatan	60.0%			
2	PMCare Sdn Bhd (PMCare)	Penjagaan Kesihatan	60.0%			
3	ILMU Pendidikan Group (ILMU)	Pendidikan	100.0%			
4	AI-Ikhsan Sports Sdn Bhd (AI-Ikhsan)	Peruncitan	35.0%			
5	Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	–			
6	Davex (Malaysia) Sdn Bhd (Davex)	Pembuatan	100.0%			
7	Hasil Pendapatan Valley Group (RV)*#	Peruncitan - F&B	85.8%			
8	Cosmopoint Group (Cosmopoint)#	Pendidikan	90.0%			
9	UNITAR International University (UNITAR)*#	Pendidikan	100.0%			
10	Icon Offshore Berhad (ICON)*	Minyak & Gas	0.3%			
11	Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG)*	Pembuatan	76.1%			
12	Exabytes Network Sdn Bhd (Exabytes)	Perkhidmatan Teknologi	45.4%			
13	Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	56.5%			
14	Icon Offshore Berhad (ICON)®	Minyak & Gas	0.1%			
15	Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	–			
RM juta Syarikat Portfolio		Sektor	Pegangan	Jumlah Pelaburan Di Bawah - Tranche IV		
				Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
Ekuinas Direct (Tranche IV) Fund				69.6	–	69.6
1	Medispec (M) Sdn Bhd	Penjagaan Kesihatan	75.0%			
Jumlah Terkumpul Pelaburan Yang Dilaksanakan				4,064.2	122.1	4,186.3

* Termasuk pelaburan susulan



Pindahan dari Ekuinas Direct (Tranche I) Fund

@ Pindahan dari Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

c. Analisis Komposisi Pelaburan



MENGIKUT SEKTOR

- Peruncitan - F&B
- Peruncitan
- FMCG
- Minyak & Gas
- Perkhidmatan
- Pendidikan
- Pembuatan
- Pembuatan Makanan
- Penjagaan Kesihatan
- Perkhidmatan Teknologi





MENGIKUT KATEGORI

- Pelaburan dalam Syarikat Bumiputera/Malaysia
- Perolehan *buy-out* Syarikat Malaysia
- Perolehan aset bukan teras



KAWALAN VS MODAL PERTUMBUHAN

- Kawalan
- Modal Pertumbuhan





Laporan Prestasi Pelaburan

c. Analisis Komposisi Pelaburan (Samb.)



SYARIKAT TERSENARAI VS SYARIKAT PERSENDIRIAN

- Syarikat Tersenarai
- Syarikat Persendirian



SYARIKAT MANDIRI (STANDALONE) VS BELI & BINA

- Syarikat Mandiri (standalone)
- Beli & Bina



3. Aktiviti Realisasi

a. Aktiviti Realisasi pada tahun 2020

Syarikat RM juta	Tahun Direalisasi	% Pemegangan Dana Direalisasi	Jumlah Direalisasi	IRR% Tahunan	Gandaan Nilai
Direalisasi sepenuhnya					
Coolblog	2020	100.0	64.5	6.4%	1.4
Direalisasi separa					
ICON*	2020	N/M	0.1	N/M	N/M
Jumlah hasil realisasi			64.6		

b. Aktiviti Realisasi Terkumpul pada 31 Disember 2020

Syarikat RM juta	Tahun Direalisasi	% Pemegangan Dana Direalisasi	Jumlah Direalisasi	IRR% Tahunan	Gandaan Nilai
Direalisasi sepenuhnya					
TOB	2012	100.0	62.0	-19.7%	0.6
KLB	2013	100.0	347.4	19.4%	1.5
BKM & BKS^	2015	100.0	79.4	-29.1%	0.5
SF^	2015	100.0	21.0	-5.4%	0.8
ACG	2016	100.0	61.8	9.0%	1.5
APIIT & Tenby^	2017	100.0	848.3	21.9%	2.0
UNITAR & Cosmopoint*	2017	100.0	172.5	-4.4%	0.7
RV*	2017	100.0	122.1	11.3%	1.8
Tranglo	2018	100.0	114.9	26.9%	2.0
Medix & PMCare	2018	100.0	246.8	40.9%	2.8
APIIT Lanka^	2019	100.0	42.1	9.6%	1.6
Primabaguz	2019	100.0	151.1	20.8%	3.6
Coolblog	2020	100.0	64.5	6.4%	1.4
Direalisasi separa					
ICON^	2014	89.1	645.5	25.5%	1.7
ICON^	2019	N/A	191.4	3.7%	1.1
ICON*	2020	N/M	0.1	N/M	N/M
Jumlah hasil direalisasi			3,170.8		

^ Pelupusan pada peringkat dana merentasi pelbagai dana

* Dipindahkan ke Ekuinas Direct (Tranche III) Fund

Laporan Prestasi Pelaburan

4. Prestasi Syarikat Portfolio

Prestasi Syarikat Portfolio – Gabungan Hasil dan EBITDA

	Hasil (RM juta)			EBITDA (RM juta)*		
	2020 A	2019 B	% Pertumbuhan A - B	2020 A	2019 B	% Pertumbuhan A - B
Kumpulan Pendidikan	82.4	91.3	-9.8%	6.2	4.0	55.2%
Peruncitan - F&B	57.8	104.7	-44.8%	(2.0)	5.7	>-100.0%
Minyak & Gas	390.3	384.1	1.6%	179.5	170.0	5.6%
Runcit	269.3	332.4	-19.0%	11.2	30.9	-63.6%
Kumpulan Pembuatan	275.0	336.3	-18.2%	13.8	35.6	-61.2%
Perkhidmatan Teknologi	77.2	71.8	7.5%	13.3	15.1	-11.5%
Jumlah Syarikat Portfolio	1,152.0	1,320.5	-12.8%	222.2	261.2	-14.9%

* EBITDA tidak termasuk sebarang butiran tidak berulang dan luar biasa

5. Prestasi Dana

5.1 Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

a. Nilai Aset Bersih (NAB) pada 31 Disember 2020


	2019 RM Juta	Perubahan RM Juta	2020 RM Juta
A. Modal Diperuntukkan	1,000.0	–	1,000.0
B. Modal Dipanggil	1,105.9	102.7	1,208.6
C. Modal Dilabur Semula	10.2	0.2	10.4
D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)	1,116.1	102.9	1,219.1
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	75.0	–	75.0
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	1,191.1	102.9	1,294.1
Tambah Peningkatan/(Pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	17.5	(17.5)	–
Keuntungan Bersih Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	361.8	(73.4)	288.4
Keuntungan Terealisasi dari Aktiviti Pelupusan	191.2	98.6	289.8
Pendapatan Faedah/(Perbelanjaan)	12.4	(19.3)	(7.0)
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	582.9	(11.6)	571.2
Perbelanjaan Organisasi	(226.8)	62.0	(164.9)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(573.1)	(356.6)	(929.7)
Peningkatan/(Pengurangan) Bersih dalam Nilai Aset Bersih	(217.1)	(306.3)	(523.3)
G. Nilai Aset Bersih	974.1	(203.3)	770.8
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	660.4	(290.9)	369.5
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	361.8	(73.4)	288.4
Pelaburan pada Nilai Saksama	1,022.2	(364.3)	657.9
Tambah: Baki Tunai	38.4	65.1	103.6
Tambah: Baki Kerja	(86.5)	95.9	9.4
Tambah: Modal Belum Dipanggil	–	–	–
Bersamaan Nilai Aset Bersih	974.1	(203.3)	770.8
Nilai Aset Bersih	974.1	(203.3)	770.8
H. Modal Diagihkan	562.9	356.4	919.3
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	1,536.9	153.1	1,690.0
IRR Kasar Tahunan	13.5%		11.9%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	9.6%		8.2%

* Termasuk pengagihan modal dilabur semula

Laporan Prestasi Pelaburan

b. Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

NILAI PORTFOLIO SEHINGGA KINI SEBANYAK RM1.5 BILION




A Jumlah digabung membentuk Pulangan Kasar Portfolio terkumpul sebanyak RM571.2 juta pada tahun 2020

Jumlah bersih pembiayaan

c. Perubahan Nilai Portfolio Ekuinas Direct (Tranche II) Fund pada 31 Disember 2020

KERUGIAN KASAR PORTFOLIO BAGI TAHUN SEMASA SEBANYAK RM11.6 JUTA



A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2019 bernilai RM582.9 juta

B Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2020 bernilai RM571.2 juta

C Jumlah digabung membawa kepada perubahan pada tahun ini bernilai RM11.6 juta

Jumlah bersih pembiayaan

5.2 Ekuinas Direct (Tranche III) Fund

a. Nilai Aset Bersih (NAB) pada 31 Disember 2020

	2019 RM juta	Perubahan RM juta	2020 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,500.0	–	1,500.0
B. Modal Dipanggil	995.4	326.4	1,321.9
C. Modal Dilabur Semula	33.9	2.5	36.4
D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)	1,029.3	328.9	1,358.3
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	190.0	60.4	250.4
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	1,219.3	389.3	1,608.6
Tambah Peningkatan/(Pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	40.9	5.7	46.6
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(361.5)	99.8	(261.9)
Keuntungan Terealisasi dari Aktiviti Pelupusan	162.8	1.6	164.4
Perbelanjaan Faedah	(12.7)	(11.9)	(24.7)
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	(170.5)	95.1	(75.4)
Perbelanjaan Organisasi	(197.8)	(8.3)	(206.1)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(150.1)	(242.6)	(392.8)
Peningkatan/(Pengurangan) Bersih dalam Nilai Aset Bersih	(518.4)	(155.8)	(674.3)
G. Nilai Aset Bersih	701.0	233.5	934.4
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	1,002.0	145.1	1,147.1
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(361.5)	99.8	(261.9)
Pelaburan pada Nilai Saksama	640.4	244.9	885.2
Tambah: Baki Tunai	24.3	14.3	38.6
Tambah: Baki Kerja	71.2	(60.7)	10.5
Tambah: Modal Belum Dipanggil	(35.0)	35.0	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	701.0	233.5	934.4
Nilai Aset Bersih	701.0	233.5	934.4
H. Modal Diagihkan	116.3	240.1	356.4
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	817.3	473.6	1,290.9
IRR Kasar Tahunan	-10.8%		-3.2%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	N/M[#]		N/M[#]


* Termasuk pengagihan modal untuk dilabur semula

[#] Tidak dibentangkan kerana dana sedang dilaburkan

Laporan Prestasi Pelaburan

b. Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul Ekuinas Direct (Tranche III) Fund

NILAI PORTFOLIO SEHINGGA KINI SEBANYAK RM1.0 BILION




A Jumlah digabung membentuk Kerugian Kasar Portfolio terkumpul sebanyak RM75.4 juta pada tahun 2020

Jumlah bersih pembiayaan

c. Perubahan Nilai Portfolio Ekuinas Direct (Tranche III) Fund pada 31 Disember 2020

PULANGAN KASAR PORTFOLIO BAGI TAHUN SEMASA SEBANYAK RM95.1 JUTA



A Jumlah digabung membawa kepada Kerugian Kasar Portfolio terkumpul tahun 2019 bernilai RM170.5 juta

B Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2020 bernilai RM75.4 juta

C Jumlah digabung membawa kepada perubahan pada tahun ini bernilai RM95.1 juta


Jumlah bersih pembiayaan

6. Pengagihan

Jumlah Dikomited
Jumlah Diagihkan setakat 31 Disember 2020

RM500.0 juta
RM320.0 juta

RANGKA KERJA PENGAGIHAN



Laporan Prestasi Pelaburan



Kuala Lumpur Metropolitan
University College



COSMOPOINT GROUP



Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh



Tarikh Pemerolehan

Mac 2012



Pemilikan

90.0%

UNITAR INTERNATIONAL UNIVERSITY



Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh



Tarikh Pemerolehan

Mei 2012



Pemilikan

100%



TONY ROMA'S
RIBS • SEAFOOD • STEAKS



REVENUE VALLEY SDN BHD



Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh



Tarikh Pemerolehan

Januari 2012



Pemilikan

85.8%

ICON OFFSHORE

ICON OFFSHORE BHD



Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh



Tarikh Pemerolehan

November 2012, penggabungan antara TKS dan Omni



Pemilikan

56.9%



Pelupusan Separa

Jun 2014



DAVEX (MALAYSIA) SDN BHD



Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh



Tarikh Pemerolehan

Disember 2017



Pemilikan

100%



ORKIM SDN BHD



Jenis Pelaburan

Pelaburan *buy-out* aset bukan teras syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)



Tarikh Pemerolehan

Mac 2014



Pemilikan

95.5%



FLEXI VERSA GROUP SDN BHD



Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh



Tarikh Pemerolehan

April 2018



Pemilikan

76.1%

al-ikhshanSPORTS

AL-IKHSAN SPORTS SDN BHD



Jenis Pelaburan

Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh



Tarikh Pemerolehan

Julai 2016



Pemilikan

35.0%



EXABYTES CAPITAL GROUP SDN BHD



Jenis Pelaburan

Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh



Tarikh Pemerolehan

Mac 2019



Pemilikan

45.4%



MEDISPEC (M) SDN BHD



Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh



Tarikh Pemerolehan

Februari 2021



Pemilikan

75.0%

Laporan Prestasi Pelaburan

KUMPULAN PENDIDIKAN

RASIONAL PELABURAN

- Industri yang besar dengan potensi pertumbuhan yang kukuh.
- Kumpulan pendidikan yang mempunyai rekod prestasi yang tinggi.

KUMPULAN COSMOPPOINT

Jenis Pelaburan	
Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	
Tarikh Pemerolehan	Pemilikan
Mac 2012	90.0%

- **Ditubuhkan:** 1991
- **Lokasi:** Kuala Lumpur + 11 kolej di seluruh negara
- **Jenis pendidikan:** Pengajian tinggi
- **Pengkhususan:** Program kursus berkaitan industri termasuk IT, Pengurusan Perniagaan, Seni Kulinari, Penyiaran dan Multimedia
- **Populasi pelajar:** Lebih daripada 3,000



	2020 Tidak Diaudit RM juta	2019 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	82.4	91.3	-9.8
EBITDA sebelum EI	6.2	4.0	55.2
Bilangan Pelajar	8,084	8,755	-7.7

EI: Butiran luar biasa

UNITAR INTERNATIONAL UNIVERSITY

Jenis Pelaburan	
Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	
Tarikh Pemerolehan	Pemilikan
Mac 2012	100.0%

- **Ditubuhkan:** 1997
- **Lokasi:** Selangor + 11 pusat serantau bebas
- **Jenis pendidikan:** Pengajian tinggi dan kursus pensijilan profesional
- **Pengkhususan:** Program pendidikan di peringkat Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah serta sijil profesional untuk mengembangkan capaian pembelajaran yang berkualiti melalui program pembelajaran konvensional dan jarak jauh
- **Populasi pelajar:** Lebih kurang 5,000



REVENUE VALLEY SDN BHD



TONY ROMA'S
RIBS • SEAFOOD • STEAKS



NY Steak Shack
Steaks, Burgers & Shakes

RASIONAL PELABURAN

- Pelaburan di dalam jenama makanan dan minuman (F&B) yang kukuh.
- Pelaburan di dalam industri F&B, dipacu oleh peningkatan perbelanjaan pengguna.
- Mewujudkan kehadiran serantau dengan segera melalui operasi di Malaysia, Singapura dan Thailand.
- Kumpulan pengurusan yang berpengalaman dan peluang untuk membentuk dan membangun pengurus profesional muda.

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Januari 2012

Pemilikan

85.8%

- **Ditubuhkan:** 2002
- **Cawangan milik korporat:** 35
- **Cawangan francais:** 18
- **Jenis:** Makanan kasual dan restoran perkhidmatan segera (QSR)


	2020 Tidak Diaudit RM juta	2019 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	57.8	104.7	-44.8
EBITDA sebelum EI	(2.0)	5.7	>-100.0

EI: Butiran luar biasa



Laporan Prestasi Pelaburan

ICON OFFSHORE BERHAD (ICON)



RASIONAL PELABURAN

- Rekod yang kukuh dalam menyampaikan pertumbuhan kepada Petronas dan syarikat gergasi minyak antarabangsa yang lain.
- Platform untuk membina salah sebuah syarikat peneraju OSV serantau dan pemain servis Integrasi O&G.

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

November 2012, penggabungan antara TKS dan Omni

Pemilikan

56.9%

Pelupusan Separa

Jun 2014

- Icon ialah syarikat penyedia perkhidmatan Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) terbesar di Malaysia dan antara yang terbesar di Asia Tenggara dari segi jumlah kapal OSV.
- Syarikat memiliki 22 buah kapal yang beroperasi di perairan Malaysia dan Brunei. Kapal-kapal tersebut mempunyai sejarah operasi antarabangsa di lebih daripada enam negara di rantau Asia Tenggara.
- Icon juga memiliki dan mengendalikan rig penggerudian di perairan Malaysia.

	2020 Tidak Diaudit RM juta	2019 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	212.1	201.1	5.5
EBITDA sebelum EI	85.2	69.9	21.9
PAT sebelum EI	1.4	(25.4)	>100.0

EI: Butiran luar biasa



ORKIM SDN BHD

RASIONAL PELABURAN

- Rekod operasi yang kukuh.
- Syarikat yang mantap dan mempunyai prospek pertumbuhan yang menggalakkan.



Jenis Pelaburan

Pelaburan *buy-out* aset bukan teras syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)


Tarikh Pemerolehan

Disember 2014

Pemilikan

95.5%

- Salah sebuah syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) terkemuka di Malaysia.
- Rekod prestasi pertumbuhan yang kukuh dengan 17 buah kapal di bawah hak milik dan pengurusan dan lima lagi dalam pembinaan.
- Mengangkut CPP dari kilang penapisan ke pelbagai terminal penyimpanan minyak di seluruh negara dan pada masa ini memiliki 40% bahagian pasaran terkemuka.



	2020 Tidak Diaudit RM juta	2019 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	178.2	183.0	-2.6
EBITDA sebelum EI	94.3	100.1	-5.8

EI: Butiran luar biasa

Laporan Prestasi Pelaburan

AL-IKHSAN SPORTS SDN BHD



RASIONAL PELABURAN

- Pelaburan ke dalam pembekal barangan sukan pelbagai jenama terkemuka di Malaysia dengan pemilikan lebih 35% bahagian pasaran.
- Peluang untuk pertumbuhan keuntungan melalui peningkatan operasi dan pertumbuhan jualan.

Jenis Pelaburan

Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Julai 2016

Pemilikan

35.0%

- Al-Ikhsan merupakan pembekal barangan sukan pelbagai jenama terkemuka dengan pemilikan sebanyak 127 cawangan. Syarikat ini membekalkan peralatan sukan, pakaian dan kasut dari jenama terkenal seperti Adidas, Nike, Puma, Asics dan Lotto.
- Al-Ikhsan merupakan pemilik utama bagi jenama AL Sports dan pasaran pelbagai barangan sukan di bawah tanda dagangan AL.

	2020 Tidak Diaudit RM juta	2019 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	269.3	332.4	-19.0
EBITDA sebelum EI	11.2	30.9	-63.6

EI: Butiran luar biasa



DAVEX (MALAYSIA) SDN BHD

RASIONAL PELABURAN

- Pelaburan ke dalam pasaran luminair yang berkembang pesat.
- Kehadiran pasaran yang kukuh di Malaysia, Singapura dan Australia. Pasaran serantau lain dilayan menerusi pejabat di Australia dan Singapura.

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Disember 2017

Pemilikan

100.0%

- Syarikat reka bentuk, perundingan dan pembuatan lampu tempatan ditubuhkan pada 1983.
- Keutamaannya adalah dalam segmen luminair dan menyediakan kelengkapan pencahayaan menyeluruh untuk pelanggan sektor komersil, perindustrian dan kediaman. Syarikat beroperasi di bawah jenama Davis Lighting.
- Membekalkan produk untuk projek terkemuka berskala besar seperti Menara Berkembar Petronas, Pejabat-pejabat Putrajaya, Terminal 4 Lapangan Terbang Changi (Singapura), Program Perumahan Awam (Singapura), dan Tempat Letak Kereta Lapangan Terbang Brisbane (Australia).



	2020 Tidak Diaudit RM juta	2019 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	73.6	103.4	>-100.0
EBITDA sebelum EI	-10.2	-1.9	>-100.0

EI: Butiran luar biasa



Laporan Prestasi Pelaburan

FLEXI VERSA GROUP SDN BHD



RASIONAL PELABURAN

- Hubungan kukuh bersama Pengilang besar Peralatan Asal (OEM).
- Keupayaan pembuatan yang pelbagai dengan kehadiran di pasaran serantau.

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

April 2018

Pemilikan

76.1%

- FVG terlibat dalam reka bentuk, pembuatan dan pemasangan produk-produk pengguna, pengacuan suntikan, pemotongan termoplastik/komponen elektro-mekanik, pemasangan papan litar bercetak dan pembuatan antara muka digital grafik untuk industri elektrik dan elektronik.
- Operasi FVG merangkumi 11 kilang dan pejabat di rantau ini di Malaysia, Singapura, Indonesia, Vietnam dan Filipina.

	2020 Tidak Diaudit RM juta	2019 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	201.4	232.9	-13.5
EBITDA sebelum EI	24.0	37.5	-36.0

EI: Butiran luar biasa



EXABYTES CAPITAL GROUP SDN BHD



RASIONAL PELABURAN

- Platform untuk menjadi peneraju pasaran Asia Tenggara dalam pengehosan internet dan awan SME.
- Prospek pertumbuhan industri masa depan yang mantap, didorong oleh pendigitalan korporat dan pengembangan ekonomi internet.

Jenis Pelaburan

Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Mac 2019


Pemilikan

45.4%

- Exabytes ditubuhkan pada tahun 2001 dan fokus untuk menjadi penyedia penyelesaian satu henti yang mensasarkan keperluan pelanggan akhir untuk mengembangkan perniagaan mereka dalam talian. Produk teras merangkumi pendaftaran domain, pengacaraan web, pelayan, reka bentuk laman web dan perkhidmatan pemasaran digital.
- Peneraju pasaran di Malaysia dan pemain utama di Singapura dan Indonesia, digabungkan dengan lebih 140,000+ pelanggan aktif SME, 50,000+ akaun pengehosan dan 130,000+ domain di bawah pengurusan.

	2020 Tidak Diaudit RM juta	2019 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	77.2	71.8	7.5
EBITDA sebelum EI	13.3	15.1	-11.5

EI: Butiran luar biasa



Laporan Prestasi Pelaburan

MEDISPEC (M) SDN BHD

RASIONAL PELABURAN

- Pelaburan dalam peneraju pengedar dan pemasar produk farmaseutikal & makanan tambahan kesihatan terkemuka dengan kehadiran pasaran pelbagai saluran yang kukuh.
- Saluran produk yang sihat dengan potensi pertumbuhan yang kukuh.

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Februari 2021

Pemilikan

75.0%

- **Ditubuhkan:** 1985
- **Lokasi:** Petaling Jaya, Selangor & Pulau Pinang
- Medispec adalah pengedar dan pemasar produk farmaseutikal & makanan tambahan kesihatan yang terkemuka.
- Ia memasarkan lebih daripada 100 ubat farmasi yang berbeza dan lebih daripada 30 makanan tambahan kesihatan di bawah jenama tersendiri yang berkembang pesat, Vitamode.



COOLBLOG



LATAR BELAKANG

- Coolblog dilancarkan pada 2007 mengkhusus dalam penjualan manisan dan minuman berasaskan konsep kiosk bawa pulang. Jenama tempatan ini dipasarkan secara model francais dan menawarkan lebih 300 produk dan 25 perisa berbeza. Coolblog adalah salah satu pelopor dalam konsep bawa pulang manisan dan minuman dan telah berjaya menembusi pasaran pinggir bandar, dan kemudian memperkukuhkan statusnya sebagai pemain industri terkemuka.

RASIONAL PELABURAN

- Ketika kemasukan pelaburan, Coolblog baharu sahaja mencatat pendapatan dan keuntungan yang kukuh dengan industri yang berpotensi besar untuk berkembang. Selain itu, rekod prestasi kewangan yang cemerlang merupakan bukti kukuh dan kepintaran perniagaan pihak pengurusan.
- Pelaburan Ekuinas dalam Coolblog menandakan pengembangan portfolio F&B-nya melalui kemasukan ke segmen industri “take-away” dan kiosk.
- Kos penubuhan yang rendah dan saiz kiosk “take-away” membolehkan Coolblog untuk menarik lebih ramai usahawan untuk menyertai model francais mereka, menyebabkan Coolblog mampu untuk meningkatkan tahap kehadiran perniagaan dan capaian mereka ke bandar yang berlainan dan pekan kecil di Malaysia dengan pantas.
- Selain kehadiran pasaran yang meluas, Coolblog juga merupakan rangkaian “bubble tea” pertama di negara ini yang dianugerahkan sijil HALAL oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam (JAKIM).

PRESTASI

- Sepanjang tempoh pelaburan, pelan penciptaan nilai (VCP) Ekuinas difokuskan pada peningkatan efisiensi operasi untuk mendukung usaha pengembangannya. Inisiatif VCP termasuk memperkemas proses dan sistem operasi, pengembangan outlet korporat dan penembusan ke wilayah pasar massa baharu, serta peningkatan dalam penawaran produk dan strategi pemasarannya.
- Kejayaan syarikat ini terbukti dengan kemashyuran model francaisnya dan penembusan pasaran. Pada pertengahan Jun 2020, Coolblog mencatatkan sejumlah 195 francais. Daripada jumlah itu, 109 adalah usahawan Bumiputera.
- Pada saat pelupusan, syarikat mencatatkan sejumlah 270 kedai di Malaysia, memastikan tempatnya sebagai kiosk manisan dan minuman terkemuka di Malaysia.

MAKLUMAT PELUPUSAN

- Pada Oktober 2020, Ekuinas melupuskan keseluruhan kepentingan ekuitinya kepada Archipelago Capital Partners berdasarkan nilai ekuiti berjumlah RM75.0 juta. Pelupusan ini telah menjana Kadar Pulangan Dalamann (IRR) 6.4% yang bersamaan 1.4 kali modal dilaburkan.

Laporan Prestasi Pelaburan

C. PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

1. Tinjauan Dana

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND		EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND	
Tahun Penubuhan 2011		Tahun Penubuhan 2013	
Status: Telah Dilaburkan		Status: Telah Dilaburkan	
MODAL KOMITED			
Ekuinas RM400.0 Juta		Ekuinas RM240.0 Juta	
LP Lain RM151.9 Juta		LP Lain RM110.1 Juta	
Jumlah RM551.9 Juta		Jumlah RM350.1 Juta	
Tempoh 6 tahun + 1 tahun + 1 tahun + 1 tahun + 1 tahun	Jangka Masa Pelaburan 3 tahun hingga 6 tahun	Tempoh 7 tahun + 1 tahun	Jangka Masa Pelaburan 3 tahun hingga 7 tahun
Fokus Pelaburan Modal Pertumbuhan Malaysia			
Sektor Keutamaan Minyak & Gas, Pendidikan, FMCG, Peruncitan & Percutian, Penjagaan Kesihatan, Perkhidmatan			

2. Profil Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) yang Dilantik

 NAVIS CAPITAL PARTNERS Nama Dana Navis Malaysia Growth Opportunities Fund 1, L.P. Saiz Dana RM301.9 juta	 TAEI PARTNERS Nama Dana TAEI Tijari (OFM) L.P. Saiz Dana RM101.0 juta	 RM CAPITAL PARTNERS (RMCP) Nama Dana RMCP One Sdn Bhd Saiz Dana RM109.1 juta	 COPE PRIVATE EQUITY Nama Dana COPE Opportunities 3 Sdn Bhd Saiz Dana RM80.0 juta
--	---	---	--

3. Aktiviti Pelaburan

a. Aktiviti Pelaburan Terkumpul Program Penyumberan Luar pada 31 Disember 2020

RM juta	Dana	Sektor	Pelaburan Komited oleh OFM			Pelaburan Bersama Pelabur Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
			Pelaburan Komited Ekuinas	LP Lain	Jumlah OFM		
Atelier Asia Sdn Bhd (Atelier)*	Navis MGO	FMCG	15.0	6.5	21.5	–	21.5
MCAT Box Office Sdn Bhd (MBO)*	Navis MGO	Peruncitan & Percutian	16.8	4.2	21.0	119.7	140.7
SEG International (SEGi)*	Navis MGO	Pendidikan	43.5	19.0	62.5	214.5	277.0
Strateq Sdn Bhd (Strateq)*	Navis MGO	Perkhidmatan	39.0	22.5	61.5	–	61.5
HG Power Transmission Sdn Bhd (HGPT)*	Navis MGO	Perkhidmatan	30.1	13.2	43.3	–	43.3
Brickfields Asia College (BAC)	Navis MGO	Pendidikan	34.8	15.2	50.0	–	50.0
Macroiosk Sdn Bhd (Macroiosk)	CNEF	Perkhidmatan	21.1	13.3	34.4	–	34.4
R.E.A.L Pendidikan Group (REAL)	CNEF	Pendidikan	28.1	4.9	33.0	–	33.0
Mega Fortris Innovation (Malaysia) Sdn Bhd (Mega Fortris)	TAP	Pembuatan	18.0	7.0	25.0	–	25.0
Big Sdn Bhd (Big Group)	Navis MGO	F&B dan Peruncitan	17.6	4.4	22.0	–	22.0
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche I			264.0	110.2	374.2	334.2	708.4
STX Precision Corporation Sdn Bhd (STX)	COPE	Perkhidmatan	12.0	4.0	16.0	19.0	35.0
Consobiz Ventures Sdn Bhd (Consobiz)	RMCP	FMCG	8.3	6.7	15.0	–	15.0
Excelvite Sdn Bhd (Excelvite)	TAEL	Pembuatan	5.9	4.1	10.0	–	10.0
Romstar Sdn Bhd (Romstar)	RMCP	Pembuatan	12.0	9.8	21.8	–	21.8
Packerman Sdn Bhd (Packerman)	RMCP	Pembuatan	12.0	9.8	21.8	–	21.8
MBG Holdings Sdn Bhd (MBG)	COPE	F&B dan Peruncitan	7.5	2.5	10.0	–	10.0
My Sutera Holding Sdn Bhd (MySutera)	COPE	Pembuatan	11.3	3.7	15.0	–	15.0
Tanamera Group Sdn Bhd (Tanamera)	RMCP	FMCG	6.6	5.4	12.0	–	12.0
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche II			75.6	46.0	121.6	19.0	140.6
Jumlah Terkumpul Pelaburan yang dilaksanakan			339.6	156.2	495.8	353.2	849.0

* Termasuk pelaburan susulan

Laporan Prestasi Pelaburan

4. Prestasi Dana

4.1 Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund

Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2020

	2019 RM juta	Perubahan RM juta	2020 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	400.0	–	400.0
B. Modal Dipanggil	307.7	–	307.7
C. Modal Dilabur Semula	29.4	0.5	29.8
D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)	337.0	0.5	337.5
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	–	–	–
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	337.0	0.5	337.5
Tambah Peningkatan/(Pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	–	–	–
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	134.8	(82.7)	52.1
Keuntungan Terealisasi daripada Pelupusan	9.9	–	9.9
Pendapatan/(Perbelanjaan) Faedah	–	–	–
Pendapatan/(Perbelanjaan) Faedah	144.7	(82.7)	62.0
Perbelanjaan Organisasi	(15.8)	2.1	(13.7)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(175.2)	(137.3)	(312.6)
Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam Nilai Aset Bersih	(46.3)	(218.0)	(264.2)
G. Nilai Aset Bersih	290.6	(217.5)	73.2
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	111.6	(96.8)	14.8
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	134.8	(82.7)	52.1
Pelaburan pada Nilai Saksama	246.4	(179.5)	66.9
Tambah: Baki Tunai	–	–	–
Tambah: Modal Kerja	44.4	(38.0)	6.4
Tambah: Modal Belum Dipanggil	–	–	–
Bersamaan Nilai Aset Bersih	290.6	(217.5)	73.2
Nilai Aset Bersih	290.6	(217.5)	73.2
H. Modal Diagihkan	145.9	137.0	282.8
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	436.6	(80.5)	356.0
IRR Kasar Tahunan	7.4%		3.4%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	6.5%		2.6%

* Termasuk pengagihan modal dilabur semula

4.2 Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund

Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2020

	2019 RM juta	Perubahan RM juta	2020 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	240.0	–	240.0
B. Modal Dipanggil	94.4	1.2	95.7
C. Modal Dilabur Semula	–	–	–
D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)	94.4	1.2	95.7
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	–	–	–
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	94.4	1.2	95.7
Tambah Peningkatan/(Pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	–	–	–
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(15.6)	5.7	(9.9)
Kerugian Terealisasi daripada Pelupusan	(2.3)	–	(2.3)
Pendapatan/(Perbelanjaan) Faedah	–	–	–
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	(17.9)	5.7	(12.2)
Perbelanjaan Organisasi	(5.7)	(1.3)	(7.1)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	–	(3.2)	(3.2)
Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam Nilai Aset Bersih	(23.7)	1.2	(22.5)
G. Nilai Aset Bersih	70.8	2.4	73.2
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	85.2	(8.6)	76.6
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(15.6)	5.7	(9.9)
Pelaburan pada Nilai Saksama	69.6	(2.9)	66.7
Tambah: Baki Tunai	–	–	–
Tambah: Modal Kerja	1.2	5.4	6.5
Tambah: Modal Belum Dipanggil	–	–	–
Bersamaan Nilai Aset Bersih	70.8	2.4	73.2
Nilai Aset Bersih	70.8	2.4	73.2
H. Modal Diagihkan	–	–	–
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	70.8	2.4	73.2
IRR Kasar Tahunan	-5.2%		-2.8%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	-6.6%		-4.1%

* Termasuk pengagihan modal dilabur semula

Laporan Prestasi Pelaburan

SYARIKAT PORTFOLIO DI BAWAH PROGRAM PENYUMBERAN LUAR



MCAT BOX OFFICE SDN BHD (MBO)

Butiran Transaksi

OFM: Navis Capital Partners
Sektor: Peruncitan & Percutian
Tarikh Pemerolehan: Mac 2012



SEGi
University
Group

SEG INTERNATIONAL BERHAD (SEGi)

Butiran Transaksi

OFM: Navis Capital Partners
Sektor: Pendidikan
Tarikh Pemerolehan: Mac 2012



BIG SDN BHD (F&B)

Butiran Transaksi

OFM: Navis Capital Partners
Peruncitan: F&B
Tarikh Pemerolehan: Disember 2014



STX PRECISION CORPORATION SDN BHD

Butiran Transaksi

OFM: CMS Opus Private Equity
Sektor: Perkhidmatan
Tarikh Pemerolehan: Disember 2013



CONSOBIZ VENTURES SDN BHD

Butiran Transaksi

OFM: RM Capital Partners
Sektor: Barangan Pengguna Laris (FMCG)
Tarikh Pemerolehan: Februari 2014



EXCELVITE SDN BHD

Butiran Transaksi

OFM: TAEI Capital Partners
Sektor: Pembuatan
Tarikh Pemerolehan: April 2015



ROMSTAR SDN BHD

Butiran Transaksi

OFM: RM Capital Partners
Sektor: Pembuatan
Tarikh Pemerolehan: Januari 2016



PACKERMAN SDN BHD

Butiran Transaksi

OFM: RM Capital Partners
Sektor: Pembuatan
Tarikh Pemerolehan: Julai 2016



TANAMERA GROUP SDN BHD

Butiran Transaksi

OFM: RM Capital Partners
Sektor: Barangan Pengguna Laris (FMCG)
Tarikh Pemerolehan: April 2017



MY SUTERA HOLDINGS SDN BHD

Butiran Transaksi

OFM: COPE Private Equity
Sektor: Pembuatan
Tarikh Pemerolehan: April 2017

D. PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

a. Nilai Ekuiti Bumiputera dan Nilai Ekonomi Keseluruhan

Jumlah bagi Syarikat Portfolio	BUMIPUTERA				KESELURUHAN SYARIKAT			
	Sebelum Kemasukan Ekuinas	Pada 31 Disember	Peningkatan Nilai Bumiputera	Gandaan bagi Modal Dilabur	Sebelum Kemasukan Ekuinas	Pada 31 Disember	Peningkatan Nilai Bumiputera	Gandaan bagi Modal Dilabur
2020	2,381.4	5,756.1	5,557.5	1.4x	5,754.2	7,684.9	6,986.2	1.8x
2019	2,381.4	5,619.8	5,396.6	1.5x	5,715.2	7,756.3	6,870.8	1.9x

b. Syarikat Portfolio - Pengurusan dan Kakitangan

	Bilangan Kakitangan Bumiputera	Jumlah Keseluruhan Kakitangan	% Bumiputera daripada Jumlah Keseluruhan Kakitangan	Peningkatan % Bumiputera selepas Kemasukan Ekuinas
2020				
Pengurusan	222	664	33.4%	13.3%
Kakitangan	9,538	16,501	57.8%	10.5%
2019				
Pengurusan	242	691	35.0%	23.5%
Kakitangan	9,867	17,162	57.5%	14.1%

E. EKUITI NASIONAL BERHAD - SYARIKAT PENGURUSAN DANA

Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurusan Dana)	2020 RM juta	2019 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	4,140.0	4,140.0
Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)	45.8*	38.6
Nisbah OPEX kepada FuM	1.1%*	0.9%
Keuntungan Selepas Cukai (PAT)	0.4*	12.8

* termasuk sumbangan berkaitan COVID-19 berjumlah RM4.7 juta





TADBIR URUS KORPORAT

80	Penyata Tadbir Urus Korporat
92	Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
98	Laporan Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Risiko
100	Dasar Pendedahan

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PENGENALAN

Sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Ekuinas komited dengan sepenuhnya terhadap kebaikan tadbir urus, ketelusan dan menyediakan laporan berkualiti dalam Laporan Tahunannya. Walaupun Ekuinas bukan sebuah entiti tersenarai, Syarikat tetap mematuhi prinsip yang relevan dan terpakai mengenai garis panduan tadbir urus korporat seperti dinyatakan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia) atau Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG).

Oleh yang demikian, pendedahan di dalam seksyen ini telah disediakan berdasarkan amalan tadbir urus korporat terbaik yang digariskan oleh Bursa Malaysia, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 serta Dasar Pendedahan Ekuinas. Ini meliputi Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman serta Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko. Penyata-penyata ini diharap dapat menyediakan maklumat penting yang bermakna berkenaan amalan tadbir urus Ekuinas kepada semua pihak berkepentingan.

Untuk penjelasan, kami ingin menekankan bahawa Kerajaan Malaysia secara tidak langsung adalah pemegang saham muktamad Syarikat. Walau bagaimanapun, untuk tujuan laporan ini, kami telah menggolongkan pengarah yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan (dan tidak berada di dalam perkhidmatan Kerajaan selama dua tahun) sebagai Pengarah Bebas, iaitu bebas dari pihak Pengurusan dan bebas daripada sebarang perniagaan atau hubungan lain yang boleh mempengaruhi sebarang keputusan perniagaan. Pengarah yang bukan di dalam lingkungan takrifan ini dianggap sebagai Pengarah Bukan Bebas.

RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Ekuinas komited untuk mencapai standard tertinggi dalam tadbir urus korporat dan dengan itu, telah melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Ekuinas di peringkat Syarikat di samping menggalakkan amalan tadbir urus yang mantap dalam Rangka Kerja ini di semua syarikat portfolio kami.

Satu rangka kerja tadbir urus korporat yang pragmatik telah dibangunkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan diguna pakai oleh Ekuinas berdasarkan prinsip-prinsip berikut:



RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

PENYATA TADBIR URUS YANG BAIK	PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN
Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa	Sistem dan Kawalan Dalaman
Peranan dan Tanggungjawab Pengarah	Rangka Kerja Audit Dalaman
Pengurusan Pihak Berkepentingan	Rangka Kerja Pengurusan Risiko
Kebertanggungjawaban dan Audit	Rangka Kerja Audit Luaran

Penyata Tadbir Urus Korporat

KOD ETIKA



Ekuinas mengiktiraf peranan penting semua ahli Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusannya dalam merumus dan menentukan hala tuju serta operasi Ekuinas. Ekuinas diterajui dan diurus oleh ahli Lembaga Pengarah yang berpengalaman luas dan berkemahiran tinggi dari pelbagai latar belakang meliputi sektor Kerajaan dan sektor swasta, dan mereka ini amat penting dalam menentukan hala tuju strategik keseluruhan Ekuinas.

Sepanjang tahun kewangan ini, Lembaga Pengarah terus memastikan standard tadbir urus yang tertinggi diamalkan demi melindungi dan meningkatkan hal ehwal pihak berkepentingan.

Sebagai sebahagian daripada amalan terbaik dalam tadbir urus korporat, Lembaga Pengarah telah meluluskan Piagam Tadbir Urus yang menggariskan prinsip-prinsip tadbir urus penting untuk diguna pakai oleh Lembaga Pengarah dan Syarikat. Piagam ini merangkumi, antara lain, perkara-perkara berikut:-

- Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah;
- Komposisi Lembaga Pengarah;
- Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- Mesyuarat dan Sokongan Lembaga Pengarah;
- Pengasingan Kuasa;
- Kod Perilaku;
- Perwakilan Kuasa;
- Pengurusan dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan; dan
- Proses Audit dan Kawalan Dalaman.

Piagam Tadbir Urus yang diguna pakai menetapkan nilai-nilai utama, prinsip dan etos Ekuinas. Dalam hal ini, Piagam Tadbir Urus berfungsi bukan sahaja sebagai peringatan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, tetapi juga sebagai satu pernyataan umum hasrat dan jangkaan tentang bagaimana Lembaga Pengarah akan melaksanakan tugas mereka.

Penyata ini menghuraikan bagaimana Ekuinas mengguna pakai prinsip-prinsip dan cadangan-cadangan utama amalan yang baik sejajar dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (Kod) dan Keperluan Penyenaian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR).

TANGGUNGJAWAB DAN HAD BIDANG KUASA AHLI LEMBAGA PENGARAH

Ekuinas telah menubuhkan Had Bidang Kuasa yang memperuntukkan kuasa membuat keputusan sepenuhnya kepada Lembaga berkenaan perkara-perkara tertentu seperti:

- Pemerolehan dan pelupusan pelaburan;
- Pelan tahunan, bajet dan strategi Syarikat;
- Dasar-dasar utama, prosedur dan perwakilan kuasa syarikat; dan
- Perubahan kepada Pengurusan Kanan dan Eksekutif.

Selain daripada urusan yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah secara khusus, Lembaga Pengarah meluluskan sebahagian besar transaksi yang melebihi had nilai ambang tertentu, namun mewakilkan kuasa untuk transaksi di bawah had-had tersebut kepada pihak Pengurusan untuk mengoptimumkan kecekapan operasi.

KOMPOSISI DAN KESEIMBANGAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah adalah seramai tujuh (7) ahli yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, seorang (1) Pengarah Eksekutif sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), empat (4) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang (1) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Dua (2) Pengarah Bebas telah melebihi tempoh terkumpul selama sembilan (9) tahun dan dikekalkan sebagai Pengarah Bebas oleh Syarikat.

Struktur semasa Lembaga Pengarah dan integriti setiap individu Pengarah memastikan bahawa tiada seorang individu atau kumpulan yang menguasai proses membuat keputusan. Majoriti ahli Lembaga Pengarah adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, melebihi keperluan seperdua seperti yang dinyatakan dalam Kod dan MMLR. Ini mencerminkan komitmen Lembaga Pengarah untuk mengekalkan perwakilan Pengarah Bebas yang kukuh dalam Lembaga Pengarah begitu juga untuk memastikan objektiviti dalam semua isu yang dibincangkan.

Lembaga Pengarah diterajui oleh ahli-ahli yang aktif dan berpengalaman, dengan latar belakang profesional yang berbeza meliputi pengalaman industri dan komersial, perakaunan dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, serta kawal selia dan perkhidmatan awam. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam usaha memantapkan hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas dalam mengorak langkah menjadi firma ekuiti persendirian terkemuka.

Pelantikan dan Pemilihan Semula Lembaga Pengarah

Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC), demi memastikan saiz tersebut adalah kondusif untuk tujuan perbincangan dan proses membuat keputusan yang berkesan serta memastikan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai bilangan pengarah bebas yang sewajarnya. Jawatankuasa tersebut juga berusaha untuk mengekalkan keseimbangan kepakaran, kemahiran dan keupayaan yang berkesan di kalangan para Pengarah, termasuk mengelakkan potensi konflik kepentingan.

NRC menentukan dan menyemak profil yang dikehendaki oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah.

Apabila Pengarah sedia ada memilih untuk bersara atau Pengarah baharu perlu dilantik, NRC akan mengkaji semula kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri ahli dan komposisi Lembaga Pengarah. NRC akan mengenalpasti keperluan Ekuinas dan menyediakan senarai pendek calon yang mempunyai profil bersesuaian untuk dicalonkan atau dicalonkan semula. Sekiranya perlu, NRC juga boleh memohon nasihat daripada perunding luar bidang sumber manusia.

Keahlian NRC terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan majoritinya adalah Pengarah Bebas. Maklumat terperinci mengenai skop dan fungsi NRC boleh didapati di halaman 84 di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dari segi pemantauan pengurusan syarikat secara bebas, beberapa jawatankuasa lembaga pengarah (Jawatankuasa Lembaga Pengarah) telah ditubuhkan, seperti berikut:-

- Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko;
- Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran;
- Jawatankuasa Pelaburan;
- Jawatankuasa Pelaburan CSR.

Fungsi dan Bidang Tugas (TOR) bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditakrifkan dengan jelas dan di mana berkenaan, mematuhi saranan Kod. Kuasa dan bidang tugas akan disemak secara berkala untuk memastikan kandungannya kekal relevan dan dikemaskini.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Saranan dan keputusan yang dibuat oleh setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dicatat dan direkodkan di dalam minit mesyuarat. Ringkasan laporan dan pertimbangan setiap Jawatankuasa ini seterusnya dimasukkan ke dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah. Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan TOR utamanya adalah seperti berikut:-

a. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif iaitu:-

Pengerusi : Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff
Ahli : Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
: Datuk Ali Abdul Kadir

Butiran lanjut berkenaan TOR dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko sepanjang tahun kewangan ini dibentangkan di halaman 98 - 99 Laporan Tahunan ini.

b. Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC) dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, di mana kesemuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tiada sebarang hubungan perniagaan atau hubungan lain yang mampu menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Ahli-ahlinya terdiri daripada:-

Pengerusi : Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
Ahli : Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Sebanyak tiga (3) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan ini dan rekod kehadiran setiap ahli disediakan di dalam jadual di halaman 86.

Bidang Tugas dan Tanggungjawab

Tanggungjawab utama NRC, selaras dengan bidang tugasnya, adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dengan perkara-perkara berkaitan pelantikan dan ganjaran, antara yang lain merangkumi:

- Pelantikan pengarah, pengurusan kanan dan memudahkan program induksi untuk pengarah baharu dan program latihan yang sesuai untuk melatih dan melengkapkan Pengarah baharu dan sedia ada secara berterusan;
- Mengkaji gabungan kemahiran, pengalaman, kecekapan teras dan kualiti lain yang diperlukan untuk memastikan keberkesanan Lembaga Pengarah Ekuinas;
- Menentukan kerangka atau dasar yang luas untuk pakej ganjaran CEO, dan ahli anggota Pengurusan yang lain seperti yang ditetapkan untuk dipertimbangkan;
- Mengkaji imbuhan para Pengarah Bukan Eksekutif untuk memastikannya selaras dengan pasaran dan mencerminkan pengalaman dan kepakaran yang setanding dengan tugas dan tanggungjawab mereka.
- Mengkaji perubahan besar dalam struktur faedah pekerja di Syarikat, dan jika difikirkan sesuai, dicadangkan kepada Lembaga untuk diterima pakai; dan
- Mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk menerapkan rangka kerja untuk skim insentif tahunan Syarikat.

Terma Terperinci Rujukan NRC boleh didapati <https://www.ekuinas.com.my/governance>

Ringkasan Aktiviti pada tahun 2020

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, NRC melaksanakan beberapa aktiviti utama seperti berikut:

- Menjalankan penilaian tahunan ke atas komposisi dan kebebasan Pengarah Bebas;
- Mengkaji dan mempertimbangkan pelantikan/pembaharuan kontrak Pengurusan Kanan Ekuinas;
- Mempertimbangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ekuinas bagi tahun kewangan berakhir 2019, Pembayaran Bonus dan Kenaikan Gaji Berasaskan Merit bagi tahun 2020; dan
- Mengkaji Cadangan Rangka Kerja KPI bagi tahun kewangan berakhir 2020.

c. Jawatankuasa Pelaburan (IC)

Jawatankuasa Pelaburan dianggotai oleh ahli-ahli Pengurusan Kanan Syarikat dan dua (2) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Struktur ini merupakan struktur yang lazimnya dipraktikkan di sebahagian besar firma ekuiti persendirian bagi memastikan keputusan pelaburan dibuat tepat pada masanya dengan pengawasan yang mencukupi, komitmen yang teguh dan kebertanggungjawaban pihak kakitangan profesional.

Tanggungjawab dan fungsi utama Jawatankuasa Pelaburan termasuk:

- meluluskan cadangan bagi semua keputusan pelaburan dan pelupusan yang dibuat oleh Ekuinas;
- meluluskan semua keputusan berkaitan pengurusan pelaburan yang dibuat oleh Ekuinas; dan
- mengkaji kualiti dan kebolehpercayaan semua maklumat kewangan yang berkaitan dengan pelaburan.

d. Jawatankuasa Pelaburan CSR (CC)

Jawatankuasa Pelaburan CSR (CC), yang dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan terdiri daripada Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan untuk mengkaji semula dan memantau program-program CSR Ekuinas serta memastikan Syarikat melaksanakan tadbir urus dan kawalan dalaman bagi aktiviti CSR pada standard tertinggi. Kumpulan Pengurusan dikehendaki memaklumkan aktiviti-aktiviti dan program-program CSR kepada Jawatankuasa CSR dan/atau Lembaga Pengarah apabila diarahkan.

Tanggungjawab dan fungsi utama CC termasuk:

- mengkaji dan meluluskan pelan tahunan CSR Ekuinas, termasuk peruntukan untuk pelbagai program dan inisiatif CSR, berdasarkan jumlah peruntukan bagi CSR Ekuinas yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti CSR; dan
- membincangkan sebarang isu mustahak berkaitan projek-projek CSR yang mempunyai implikasi kewangan atau reputasi kepada Ekuinas.

e. Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC)

Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC), yang dipengerusikan oleh CEO dan terdiri daripada kumpulan Pengurusan Kanan, ditubuhkan untuk membantu ARMC dan Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas. SMC bermesyuarat pada setiap suku tahun untuk mengkaji laporan risiko suku tahunan hingga sebelum laporan tersebut dibentangkan kepada ARMC.

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk menyemak dan meluluskan keputusan kewangan dan membincangkan laporan tentang prestasi, rancangan dan usul Syarikat yang dibuat oleh pihak Pengurusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga diadakan pada penghujung tahun kewangan untuk mempertimbang dan meluluskan belanjawan Syarikat bagi tahun berikutnya. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah akan diadakan apabila perlu bagi mempertimbangkan hal-hal yang memerlukan keputusan segera pihak Lembaga Pengarah.

Jadual bagi mesyuarat Lembaga Pengarah diserahkan kepada semua ahli sebelum permulaan setiap tahun kewangan untuk merancang dan mendapatkan komitmen masa daripada semua Pengarah.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Kehadiran di Mesyuarat-Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Rekod kehadiran para Pengarah di Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut.

	Lembaga Pengarah	ARMC ¹	NRC ²	IC ³	CC ⁴
Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat Dihadiri				
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda	8 daripada 8	–	3 daripada 3	–	–
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	8 daripada 8	5 daripada 5	3 daripada 3	–	–
Datuk Ali Abdul Kadir	8 daripada 8	5 daripada 5	–	3 daripada 3	–
Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff	8 daripada 8	5 daripada 5	–	–	1 daripada 1
Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed ⁵	5 daripada 5	–	–	2 daripada 2	–
Datuk Saiful Anuar Lebai Hussien	5 daripada 8	–	–	–	–
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir	8 daripada 8	–	–	3 daripada 3	–

Nota-nota

1 ARMC – Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

2 NRC – Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran

3 IC – Jawatankuasa Pelaburan

4 CC – Jawatankuasa CSR

5 Dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif berkuat kuasa 1 Jun 2020. Kehadiran mencerminkan bilangan mesyuarat yang dijadualkan sewaktu Pengarah memegang jawatan.

MENGEKALKAN LEMBAGA PENGARAH YANG BEBAS, MANTAP DAN BERKESAN

Ketidaksandaran dan Imbangan Kuasa

Untuk memastikan keseimbangan kuasa, jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif tidak dipegang oleh individu yang sama. Pengasingan yang jelas bagi kedua-dua peranan ini menggalakkan perdebatan dan perbincangan yang konstruktif di peringkat Lembaga Pengarah. Penggabungan kedua-dua jawatan ini boleh menimbulkan sikap berat sebelah dan menjejaskan keupayaan dan kesanggupan para Pengarah Bebas untuk membuat pertimbangan mereka secara bebas. Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif tiada kaitan antara satu sama lain.

Pengerusi, yang bersifat bukan eksekutif, menerajui dan memudahkan cara tugas Lembaga Pengarah semasa bermesyuarat dan bertanggungjawab ke atas kepimpinan, kecekapan serta fungsi Lembaga Pengarah, di samping memastikan prinsip dan proses Lembaga Pengarah sentiasa terpelihara. CEO bertanggungjawab menyediakan dan melaksanakan strategi, dasar serta pengendalian operasi Ekuinas bagi pihak Lembaga Pengarah.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang merupakan individu-individu berkecayaan tinggi dan terbilang, saling berkongsi pengetahuan yang mendalam tentang bidang masing-masing. Mereka tidak turut serta di dalam operasi harian dan tidak terlibat di dalam sebarang urusan niaga perniagaan atau perhubungan lain dengan Ekuinas. Ini adalah untuk memastikan mereka mampu melakukan pertimbangan secara objektif dan bertindak demi kepentingan Ekuinas. Profil ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti yang dibentangkan di halaman 35 - 41 Laporan Tahunan ini.

Penilaian Bebas Tahunan untuk Pengarah Bebas

Lembaga Pengarah, melalui NRC, menjalankan penilaian bebas ke atas semua Pengarah Bebas sepanjang tahun kewangan. Kriteria penilaian bebas dipandu oleh definisi “pengarah bebas” yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia MMLR. Selain itu, semua Pengarah juga mengemukakan pengisytiharan pematuhan kepada Kod Etika Pengarah.

KOD PERILAKU

Ekuinas telah menerima pakai Kod Etika Pengarah untuk semua Pengarah Ekuinas yang berasaskan prinsip-prinsip keikhlasan, integriti, tanggungjawab dan tanggungjawab sosial korporat. Penggunaan Kod Etika Pengarah memformalkan nilai-nilai etika di Syarikat dan memastikan pematuhannya.

Lembaga Pengarah menyelia hal ehwal perniagaan Ekuinas dan memikul tanggungjawab bagi perkara-perkara berikut:-

- bimbingan strategik kepada Ekuinas dengan menentukan objektif-objektif Ekuinas dan cara untuk mencapainya;
- meningkatkan nilai jangka masa panjang bagi pihak berkepentingan Ekuinas di samping memelihara dan melindungi nilai-nilai asas Ekuinas untuk kepentingan mereka;
- memantau secara efektif pengurusan Ekuinas termasuk sistem kawalan dan akauntabilitinya;
- meluluskan dan memantau kemajuan perbelanjaan modal yang besar, pengurusan modal dan pemerolehan/pelupusan pelaburan;
- memantau pematuhan semua obligasi undang-undang, cukai dan kawal selia;
- mengkaji semula dan mengesahkan sistem pengurusan risiko dan pematuhan dalaman serta kawalan, kod perilaku, pendedahan berterusan, pematuhan undang-undang dan dasar-dasar korporat penting yang lain;
- memantau prestasi pihak Pengurusan dan pelaksanaan strategi dan dasar, di samping memastikan ketersediaan sumber yang berkaitan;
- melulus dan memantau laporan kewangan dan lain-lain kepada pasaran, kakitangan dan pihak berkepentingan; dan
- melulus pelantikan, pelantikan semula atau penggantian juruaudit luaran.

GANJARAN PARA PENGARAH

Objektif dasar Syarikat berkenaan ganjaran Pengarah adalah untuk menarik dan mengekalkan Pengarah berkaliber tinggi yang diperlukan untuk menerajui Syarikat ke arah mencapai kejayaan. Bagi Pengarah Eksekutif, unsur-unsur komponen ganjaran dirangka agar ganjaran berkait rapat dengan prestasi korporat dan juga individu. Bagi Pengarah Bukan Eksekutif pula, tahap imbuhan adalah berdasarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tersebut.

NRC mengesyorkan rangka kerja bagi pakej ganjaran untuk Pengarah Eksekutif kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab muktamad meluluskan ganjaran Pengarah Eksekutif.

Butiran ganjaran Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, secara agregat, dikategorikan ke dalam komponen yang berkenaan, adalah seperti berikut:-

Ganjaran	Jumlah Keseluruhan (RM)
Gaji/Bayaran	3,028,878
Ganjaran lain (contoh, Elaun dan kelebihan lain)	760,706

Ganjaran yang dibayar kepada para pengarah sepanjang tahun dianalisis mengikut julat yang sesuai adalah seperti berikut:-

Kadar ganjaran (RM)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
Bawah RM100,000		1
RM100,000 – RM200,000		5
Lebih RM1,000,000	1	

Penyata Tadbir Urus Korporat


LATIHAN PENGARAH

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan pendidikan yang berterusan untuk para Pengarah bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi dan menyelesaikan cabaran yang dihadapi. Program-program latihan, persidangan dan seminar yang dianggap memberi manfaat kepada para Pengarah dikenal pasti secara berterusan dan Syarikat memperuntukkan bajet yang khusus untuk latihan bagi menyokong pembangunan berterusan para Pengarah. Pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai perniagaan Syarikat termasuk menerusi taklimat oleh Pengurusan Kanan dan perunding/pakar luar tentang isu-isu strategik berkaitan bidang atau industri tertentu.

Namun, kerana wabak COVID-19 dan sekatan terhadap acara/perjalanan yang dikenakan oleh kerajaan, jumlah kehadiran ke program latihan berkurang, persidangan dan beberapa acara dijalankan melalui platform maya sebagai ganti.

Program latihan dan pembangunan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah, termasuk penglibatan mereka sebagai penceramah dalam konvensyen di dalam dan luar negara mengenai topik yang relevan kepada peranan mereka semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:-

KEHADIRAN LATIHAN OLEH PENGARAH



AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN KHIDMAT NASIHAT BEBAS

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasannya, pihak Pengurusan menyediakan laporan pelaburan dan laporan kewangan menyeluruh secara berkala. Lazimnya, pihak Pengurusan berusaha untuk mengemukakan agenda mesyuarat bersama satu set kertas kerja Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat berkaitan kepada ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan. Ini adalah untuk memberi masa yang secukupnya kepada ahli Lembaga Pengarah untuk mengkaji, membuat pertimbangan dan memahami dengan lebih tentang perkara-perkara yang akan dibincangkan sebelum mesyuarat diadakan. Justeru, perbincangan mesyuarat akan lebih tertumpu kepada soalan-soalan berkaitan perkara-perkara berbangkit.

Kertas Lembaga Pengarah disediakan dalam format yang distrukturkan dengan kemas, konsisten, ringkas dan tepat yang memberikan maklumat kuantitatif dan kualitatif, agar keputusan terbaik dapat dibuat. Kertas Lembaga Pengarah merangkumi antara lainnya:

- Minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah terdahulu;
- Kesemua Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah terdahulu;
- Laporan hal-hal yang berbangkit;
- Laporan berkenaan perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah;
- Laporan kewangan suku tahunan dan laporan prestasi Pelaburan Syarikat; dan
- Perkara penting lain yang perlu dibincangkan dan diluluskan.

CEO, dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) hadir di pembentangan ini untuk menjawab sebarang pertanyaan daripada ahli Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah mempunyai akses bebas kepada CEO, Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat, serta juruaudit dalaman dan luaran pada bila-bila masa dirasakan perlu. Lembaga Pengarah boleh memohon nasihat profesional bebas mengikut budi bicara, sekiranya perlu, bagi memastikan ketersediaan maklumat dan nasihat yang lengkap sebelum keputusan penting diambil.

Setiausaha Syarikat membantu Lembaga Pengarah menyediakan agenda mesyuarat serta mentadbir, menghadiri dan menyediakan minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah, serta memastikan aliran maklumat yang berkesan antara Lembaga Pengarah dengan jawatankuasanya. Pihak Pengurusan juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan amalan dan proses tadbir urus yang mantap dalam Syarikat.

INTEGRITI DALAM LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah berhasrat untuk menyediakan dan membentangkan laporan penilaian prestasi kewangan syarikat yang seimbang dan bermakna dalam semua pendedahan yang dibuat kepada pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah, dibantu oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, menyelia proses dan kualiti laporan kewangan, di samping mengkaji semula dan memantau integriti penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah juga mengkaji kesesuaian dan perubahan kepada dasar-dasar perakaunan Syarikat, serta memastikan penyata kewangan ini mematuhi keperluan dan peraturan perakaunan serta amalan-amalan tadbir urus korporat yang baik.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko juga bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, dan ini adalah satu forum di mana juruaudit luar boleh menyatakan, antara lain, sebarang kebimbangan mengenai aspek pematuhan penyata kewangan. Semua piawaian perakaunan yang berkaitan telah diterima pakai, tertakluk kepada apa-apa penjelasan bagi perbezaan ketara yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

KEBEBASAN JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, telah mewujudkan hubungan rasmi dan telus dengan juruaudit dalaman dan luar Syarikat. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko bersidang secara berkala dengan juruaudit luar dan dalaman untuk membincangkan dan mengkaji pelan audit, prestasi kewangan suku tahunan, penyata kewangan tahunan dan sebarang penemuan audit, serta membuat cadangan untuk kelulusan pihak Lembaga Pengarah. Pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, selaras dengan garis panduan amalan terbaik.

Lembaga Pengarah menyedari potensi konflik kepentingan yang mungkin timbul jika juruaudit luar Syarikat terlibat dalam menyediakan perkhidmatan lain bukan audit kepada Syarikat. Untuk mengurangkan risiko ini, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko melaksanakan penilaian prestasi, kebebasan dan fi juruaudit luar secara tahunan.

Penyata Tadbir Urus Korporat

PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN


Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang memberikan jaminan munasabah mengenai operasi yang cekap dan berkesan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, serta prosedur dan garis panduan dalaman.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang memberikan gambaran tentang keseluruhan keadaan kawalan dalaman di dalam Syarikat, dibentangkan di halaman 92 dalam Laporan Tahunan ini.

Fungsi Audit Dalaman

Lembaga Pengarah memberi kuasa kepada Pengurusan untuk mencapai objektif perniagaan dalam had etika perniagaan dan standard tadbir urus yang baik. Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), yang juga beroperasi sebagai fungsi audit dalaman, melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, yang mana menunjukkan komitmen Syarikat dalam memastikan kewibawaan rangka kerja tadbir urus


Struktur pelaporan CGRM adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:



Unit Integriti Dan Tadbir Urus (IGU)

Lembaga Pengarah telah memformalkan penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus (IGU) di bawah Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) sebagai sokongan kepada Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) dalam menggalakkan budaya yang lebih telus, bertanggungjawab dan berintegriti. NACP bertujuan untuk mengubah ke arah negara yang berintegriti dan bebas rasuah.

Lembaga Pengarah juga telah meluluskan pelantikan Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) sebagai Pegawai Integriti untuk Ekuinas. IGU bertanggungjawab bagi empat fungsi utama seperti yang digambarkan di bawah dan melaporkannya pada setiap suku tahun kepada Lembaga Pengarah termasuk hal-hal berkaitan integriti dan inisiatif-inisiatif anti rasuah.



HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Ekuinas berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam memenuhi peranan dan objektifnya sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan. Syarikat mengakui kepentingan untuk mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti bagi menjayakan dan memastikan hubungan yang produktif dengan pihak berkepentingan Syarikat. Oleh itu, Syarikat memberi penekanan mengenai kepentingan pengedaran maklumat dan ketelusan kepada orang awam dan pihak berkepentingan.

Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-Pihak Berkepentingan

Syarikat mengamalkan dasar pengurusan dan komunikasi pihak berkepentingan yang tuntas dan dasar ini sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa. Dasar tersebut menyediakan panduan bagaimana Syarikat berinteraksi dengan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza termasuk masyarakat awam, badan kerajaan dan pihak berkuasa, demi mematuhi keperluan pendedahan yang berterusan dan tepat pada masanya. Selain daripada siaran akhbar dan pengumuman, Syarikat menggunakan laman sesawang sebagai saluran komunikasi utama untuk menyebarkan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan dan orang awam. Syarikat komited untuk memastikan khalayak awam dapat mengakses maklumat tersebut dengan mudah melalui laman sesawangnya di www.ekuinas.com.my. Sebarang pertanyaan mengenai Ekuinas boleh diajukan kepada:

Perkara Umum

Unit Komunikasi
E-mel: info@ekuinas.com.my
Telefon: 03-77107171
Faks : 03-77107173

Perkara Tadbir Urus Korporat

Unit Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko
E-mel: governance@ekuinas.com.my

Saluran Pemberian Maklumat

Laporan pemberian maklumat
E-mel: whistleblowing@ekuinas.com.my

Penyata Tadbir Urus Korporat ini selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 24 Mac 2021.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

PENGENALAN

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman menurut perenggan 15.26(b) Garis Panduan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR). Ini adalah untuk menggalakkan tadbir urus korporat dan amalan terbaik, meskipun MMLR tidak dikenakan terhadap Syarikat.

TANGGUNGJAWAB

Dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi memastikan kecukupan dan integriti memuaskan melalui proses kajian, pemantauan dan jaminan. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa sistem ini hanya boleh memberikan jaminan yang munasabah dan bukan jaminan mutlak terhadap kerugian ketara, penipuan, kenyataan yang tidak tepat dan pelanggaran undang-undang atau peraturan.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah di mana tanggungjawab utamanya adalah untuk pengurusan risiko dan pengawasan kawalan dalaman; tugas ini dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengurusan Kanan dalam melaksanakan dasar-dasar dan prosedur ke atas risiko dan kawalan.

Lembaga Pengarah juga telah memastikan proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ini terkandung dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat yang merangkumi Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko, Piagam Audit Dalaman dan Rangka Kerja Sistem dan Kawalan Dalaman.

Kecukupan Sistem Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

CEO dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Ekuinas telah memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat beroperasi dengan berkesan dalam tahun kajian dan sehingga semasa Penyata ini diluluskan.

SISTEM PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah telah meluluskan Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat yang menerangkan dengan jelas akauntabiliti dan kebertanggungjawaban untuk proses pengurusan risiko, termasuk mengenalpasti risiko dan cara mengurus risiko yang mampu menjejaskan matlamat strategik atau pelaksanaan Syarikat.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko, termasuk struktur tadbir urus atau penyeliaan Syarikat dan mengekalkan rangka kerja kawalan dalaman yang sesuai. Pihak Pengurusan pula bertanggungjawab mengurus risiko bagi pihak Lembaga Pengarah dan melaksanakan kajian semula risiko dengan lebih rapi bagi sebarang cadangan atau urusan strategik khusus serta memastikan isu-isu risiko dikenalpasti, dianalisis, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab utama SMC berkaitan pengurusan risiko:-

- menyemak dan mencadangkan dasar pengurusan risiko dan membuat laporan untuk diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah;
- memantau pendedahan Syarikat dan syarikat portfolio kepada risiko serta menyarankan tindakan yang diperlukan;
- mengkaji prestasi keseluruhan, inisiatif yang dilaksanakan dan risiko perniagaan utama syarikat portfolio setiap suku tahun; dan
- mengkaji sebarang risiko-risiko utama dan pendedahan yang wujud dan menilai inisiatif yang dikendalikan oleh pihak Pengurusan dan syarikat portfolio untuk mengurangkan risiko.

Melalui perbincangan dengan setiap pasukan portfolio, ketua-ketua jabatan dan pihak pengurusan syarikat portfolio, inisiatif-inisiatif utama yang perlu dilakukan untuk mengurangkan risiko dikenal pasti. Ringkasan risiko berdasarkan keutamaan kemudian didokumentasikan dalam laporan dan dibentangkan kepada SMC dan ARMC pada setiap suku tahun. Laporan suku tahunan Pengurusan Risiko telah dibentangkan dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah.

Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM)

Peranan CGRM adalah untuk membantu ARMC dan Pengurusan Syarikat untuk menjalankan tugas secara berkesan dengan melaksanakan kawalan dalaman yang kos efektif, menilai risiko, mencadangkan cara untuk mengurangkan risiko tersebut dan memastikan proses tadbir urus korporat yang betul. Sebagai peranan penting dalam proses ini, CGRM akan memberikan analisis, penilaian, nasihat dan maklumat yang bebas kepada ARMC berkenaan aktiviti yang dikaji.

Pelan dan KPI tahunan CGRM dikaji dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah, dan keputusan audit dilaporkan secara berkala kepada pihak Pengurusan dan ARMC.

AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Strategi Pengurangan Risiko

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat adalah panduan pragmatik mengenai pengenalanpastian dan pengurusan risiko yang penting untuk mencapai objektif strategik. Keberkesanan rangka kerja pengurangan risiko sentiasa dikaji dan ditambah baik secara sistematik.

Syarikat telah mengenalpasti jenis-jenis risiko seperti berikut – strategik, kewangan, operasi dan pelaburan. Risiko tidak terhad hanya kepada empat jenis ini sahaja tetapi risiko pelaburan dianggap sebagai risiko perniagaan paling kritikal dalam Syarikat.

RISIKO EKUINAS (SYARIKAT)

STRATEGIK	PELABURAN LANGSUNG	PROGRAM PENYUMBERAN LUAR	OPERASI
• Persekitaran Luar • Pembiayaan • Kawalan selia • Pihak Berkepentingan	• Aliran urusanniaga dan penilaian • Prestasi dan pengurusan pelaburan • Objektif bukan kewangan	• Pemilihan OFM • Prestasi OFM • Pengurusan OFM	• Sumber Manusia • Perbendaharaan • Pengurusan dan Pelaporan Kewangan • Pematuhan • Perkhidmatan Bersama • Korupsi dan Rasuah

RISIKO SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO

STRATEGIK & PASARAN	PERNIAGAAN & KEWANGAN	STRATEGI PENCIPTAAN NILAI	PELAKSANAAN
• Persekitaran Luar • Industri • Kerajaan dan Kawal Selia	• Operasi perniagaan • Perbelanjaan modal dan pelaburan • Penggearing/Hutang	• Pengembangan Perniagaan • Penggabungan dan Pengambilalihan	• Sumber Manusia • Sistem dan Proses IT • Pengurusan dan Laporan Kewangan • Korupsi dan Rasuah

Risiko strategik diurus melalui usaha pemantauan faktor-faktor utama ekonomi, prospek industri, perkembangan kawal selia serta perjumpaan dan pengemaskinian secara berkala dengan pihak Kerajaan.

Bagi mengurus risiko kewangan, dasar perbendaharaan dan had kuasa kewangan Syarikat didokumenkan, disemak secara berkala dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Dasar yang diluluskan menetapkan had-had bagi pengurusan kecairan, risiko pihak bertentangan dan pembiayaan Syarikat. Sebarang risiko kewangan yang ketara, seperti kecairan, penggearan, hutang bersih dan pendedahan kredit dikenalpasti, dinilai, ditangani dan dilaporkan kepada pihak Lembaga Pengarah secara berkala.

Risiko operasi sememangnya tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dan kos untuk mengurangkan risiko sedemikian mungkin melampaui manfaat yang bakal diraih. Oleh yang demikian, Syarikat bertindak mengurus risiko operasi dengan mengguna pakai dasar dan prosedur operasi standard, had kuasa yang didokumenkan dan rangka kerja laporan berkala yang merangkumi laporan operasi dan kewangan.

Bagi mengurangkan risiko pelaburan pula, Syarikat memastikan bahawa keputusan pelaburan dibuat berpandukan garis panduan pelaburan yang terkandung di dalam Rangka Kerja Pelaburan Syarikat, demi memastikan urusniaga yang dilaksanakan memenuhi kriteria pelaburan penting di mana sektor-sektor utama dikenalpasti berdasarkan pendekatan penapisan yang telus. Rangka kerja ini diterima pakai di dalam semua proses pelaburan dan urusniaga pelaburan yang bakal dilaksanakan.

Rangka kerja Pelaburan Ekuinas meliputi pengurusan risiko dengan semakan risiko yang rapi terhadap semua cadangan atau urusniaga strategik dan tertentu untuk memastikan risiko dikenal pasti, dianalisis, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten. Semua pelaburan diteliti dengan rapi bagi memastikan pelaburan tersebut sejajar dengan tumpuan strategik Syarikat yang berupaya mencapai kadar pulangan yang sewajarnya dan mengambilkira semua faktor risiko lain yang berkaitan, seperti risiko industri dan risiko pelaksanaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga telah menetapkan bahawa semua cadangan pelaburan yang diserahkan oleh pihak Pengurusan perlu disertakan dengan penilaian risiko yang menyeluruh dan cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai.

Selaras dengan Objektif Strategik 6.2: Ketahanan Entiti Korporat yang Lebih Besar terhadap Ancaman Rasuah dalam Pelan Pencegahan Rasuah Nasional (NACP) dan arahan yang berkaitan dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Syarikat telah memperkenalkan satu penilaian terhadap Risiko Rasuah dan Korupsi sebagai sebahagian daripada proses dan pelaporan pengurusan risiko Syarikat. Bahagian berpotensi untuk korupsi dan rasuah yang mungkin berlaku telah dikenal pasti dan risiko telah dikurangkan dengan pengawalan sedia ada serta inisiatif-inisiatif seperti memperkukuhkan dasar yang berkaitan kepada perkara Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi, mengendalikan taklimat untuk kakitangan dan program kesedaran berkala.

Laporan Pengurusan Risiko

Rangka Kerja Pengurusan Risiko menggariskan pendekatan Ekuinas terhadap pengurusan risiko, mengaitkannya dengan matlamat strategik dan organisasi dan menyepadukannya dengan proses perniagaan Syarikat. Laporan Pengurusan Risiko meliputi penilaian risiko dan keberkesanan kawalan sedia ada, serta keperluan untuk kawalan tambahan bagi mengurangkan risiko untuk Syarikat dan kesemua Syarikat Portfolio. Elemen utama proses ini adalah:

PENDEKATAN PENILAIAN RISIKO



Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Proses Kawalan Dalaman Utama

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan struktur dan persekitaran kawalan yang teguh agar operasi Syarikat dapat dikendalikan dengan sebaiknya. Antara proses penting yang telah disediakan untuk menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, adalah seperti berikut:-

• Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Selain daripada Lembaga Pengarah, syarikat juga menggalakkan tadbir urus korporat dan ketelusan dengan mempunyai Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan Jawatankuasa Pelaburan. Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini ditubuhkan dengan tujuan membantu Lembaga Pengarah memantau pengurusan Syarikat secara bebas dengan tanggungjawab dan kuasa yang diperuntukkan dengan jelas dalam bidang tugas masing-masing.

• Dasar dan Rangka Kerja Prosedur Operasi Standard (SOP)

Prosedur bertulis mengenai proses-proses penting Syarikat didokumen, dilaksana dan dijelaskan oleh pihak Pengurusan kepada kakitangan Syarikat, selaras dengan Dasar dan Rangka Kerja SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dasar-dasar ini disokong oleh prosedur yang didokumenkan untuk mengurus risiko operasi. Dasar dan prosedur ini bertujuan untuk memastikan bahawa prinsip atau mekanisme kawalan dalaman menjadi sebahagian daripada operasi Syarikat. Rangka Kerja SOP untuk syarikat adalah seperti ilustrasi di bawah.

DASAR DAN RANGKA KERJA SOP



Nota: 1 & 2 Rangka Kerja Pelaburan telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah

PERKHIDMATAN BERSAMA	KEWANGAN & PERAKAUNAN	SUMBER MANUSIA
	Dasar Perakaunan dan/atau Prosedur Operasi Standard meliputi: • Aset Tetap (✓) • Tunai Runcit (✓) • Prosedur dan Dasar Pelaporan Kewangan (✓) • Belanjawan (✓) • Pembayaran & Tuntutan (✓) • Garis Panduan Nilai Saksama Portfolio Pelaburan (✓)	Prosedur dan/atau Dasar Sumber Manusia meliputi: • Pengurusan Gaji (✓) • Latihan & Pembangunan (✓) • Pengambilan Pekerja & Perancangan Modal Insan (✓) • Pengurusan Prestasi & Pampasan (✓) • Pelan Pengekalan Jangka Panjang (✓) • Pengurusan Bakat (✓) • Hubungan Pekerja (✓)
	PERBENDAHARAAN	PERUNDANGAN
	• Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perbendaharaan (✓)	• Prosedur Operasi Standard Perundangan (✓)
	PEROLEHAN & PENTADBIRAN	M.I.S
	• Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perolehan (✓)	• Dasar dan Prosedur Operasi Standard Teknologi Maklumat (✓)
	TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)	KOMUNIKASI
	• Dasar dan Prosedur Operasi Standard CSR (✓)	• Dasar-Dasar dan Prosedur Operasi Standard Komunikasi (✓)
	PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN	DASAR PENDEDAHAN
	• Dasar dan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Pihak Berkepentingan (✓)	• Rangka Kerja dan Dasar Pendedahan (✓)

Nota: (✓) Lengkap/Sempurna dan diluluskan untuk diterima pakai

- **Kod Etika**

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menjadi contoh kepimpinan terbaik bagi perilaku dan tadbir urus korporat yang berhemah. Kod Etika telah dipersetujui dan diguna pakai oleh semua Pengarah dan Kakitangan untuk memastikan standard perilaku tinggi yang sering dikaitkan dengan amalan perniagaan beretika. Semua Pengarah dan Kakitangan dikehendaki memahami Kod ini dan menandatangani borangakuan penerimaan.

- **Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan**

Syarikat percaya bahawa hubungan dengan penyedia perkhidmatan mestilah berdasarkan prinsip integriti, kejujuran dan kebertanggungjawaban serta menentang sekeras-kerasnya apa jua bentuk sogokan atau rasuah. Dengan matlamat ini, Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan ini perlu dipatuhi oleh semua pembekal, perunding, penasihat dan kontraktor utama yang berurusan dengan Ekuinas. Ekuinas boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi sebarang ketidakpatuhan Kod ini termasuk, dan tidak terhad kepada penamatan perkhidmatan atau larangan mencadangkan apa jua perkhidmatan kepada Ekuinas untuk jangka masa yang ditetapkan.

- **Had Kuasa Yang Didokumenkan**

Pihak Pengurusan diberikan Had Kuasa yang diluluskan bagi mengendalikan operasi harian, membuat keputusan pelaburan, perolehan dan pelupusan aset sebagai kaedah kawalan untuk mengurangkan sebarang risiko penyalahgunaan kuasa.

- **Buku Panduan Pencegahan Penipuan, Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi dan Dasar Pemberian Maklumat**

Untuk mengukuhkan budaya etika perniagaan dan tadbir urus yang baik di seluruh Syarikat, dasar pemberian maklumat telah diperkenalkan untuk menyediakan akses kepada kakitangan yang berniat baik melaporkan apa-apa salah laku yang disyaki. Dasar ini menangani komitmen Syarikat terhadap integriti dan etika dengan membantu untuk memupuk dan mengekalkan persekitaran di mana kakitangan boleh bertindak sewajarnya tanpa rasa takut kepada sebarang hukuman.

- **Kawalan Pelaburan**

Dalam kebanyakan kes pelaburan, pegawai kanan Ekuinas dilantik menganggotai jawatankuasa pengurusan eksekutif dan lembaga pengarah syarikat portfolio untuk terlibat secara aktif dalam hala tuju strategik, proses membuat keputusan utama dan bahagian-bahagian operasi utama.

Di samping menjalin hubungan baik dengan pengurusan syarikat portfolio, Ekuinas turut mengambil bahagian dalam inisiatif proses operasi untuk mencipta nilai dan menyokong tadbir urus dan amalan terbaik.

Semakan Penyata oleh Juruaudit Luar

Juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

Berdasarkan prosedur yang dilaksanakan, mereka telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada sebarang perkara yang pada pemerhatian mereka boleh menyebabkan mereka beranggapan bahawa Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC) yang bertujuan untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan tidak disediakan, dalam semua aspek material, mengikut pendedahan yang digariskan oleh perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Terbitan Tersenarai, dan tidak ada maklumat dalam SORMIC yang tidak tepat.

Semakan jaminan terhad ini dilaksanakan selaras dengan Panduan Amalan Disyorkan (RPG) 5 (Pindaan 2015) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. RPG 5 (Pindaan 2015) tidak memerlukan juruaudit luar untuk menyatakan pendapat sama ada SORMIC merangkumi semua risiko dan kawalan, atau memberi pandangan mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat, termasuk penilaian dan pendapat oleh Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan.

KESIMPULAN

Bagi tahun kewangan yang dikaji, berdasarkan siasatan, maklumat dan jaminan yang disediakan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat adalah kukuh dan mencukupi untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingannya. Tumpuan ke atas langkah-langkah untuk melindungi dan mempertingkatkan nilai pihak berkepentingan dan kemampunan perniagaan akan terus dilaksanakan. Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 24 Mac 2021.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah Ekuinas dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Komposisi dan Kehadiran Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

ARMC telah ditubuhkan pada tahun 2010 selaras dengan Kod dan MMLR. Ahli-ahli jawatankuasa dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan memenuhi garis panduan berikut:-

Dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli	Majoriti adalah pengarah bebas	Semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif	Sekurang-kurangnya seorang adalah ahli persatuan perakaunan	Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli ARMC
--	--------------------------------	--	---	---

Komposisi ARMC dan rekod kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Status Jawatan Pengarah	Kehadiran Mesyuarat	%
Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff (Pengerusi Jawatankuasa)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 daripada 5	100
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 daripada 5	100
Datuk Ali Abdul Kadir	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 daripada 5	100

Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

ARMC bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, atau lebih kerap jika perlu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Kewangan (CFO), Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) dan wakil-wakil juruaudit luar turut menghadiri mesyuarat apabila diperlukan. ARMC juga mengendalikan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan semasa mesyuarat ARMC pada 16 Mac 2020.

Pengerusi ARMC membuat laporan mengenai setiap mesyuarat yang diadakan kepada pihak Lembaga Pengarah dan minit-minit mesyuarat didokumenkan dan diedarkan kepada setiap ahli ARMC.

Bidang Tugas dan Tanggungjawab

Dalam melaksanakan tugas dan menyempurnakan tanggungjawabnya, ARMC dipandu oleh Terma Rujukan dan diberikan tugas dengan objektif utama seperti berikut:-

- Untuk membantu Lembaga Pengarah dalam merealisasikan tugas fidusiari dan memberikan pengawasan tadbir urus dalam pengurusan rangka kerja risiko Syarikat dan strategi mengurus risiko utama;
- Untuk mengkaji kecukupan dan keberkesanan amalan dan prosedur pengurusan risiko, proses perniagaan, pelaporan kewangan dan kawalan dalaman;
- Untuk memastikan kebebasan audit dalaman dan fungsi audit luaran dan kajian semula aktiviti, kecekapan dan prestasi; dan
- Mengkaji, menyokong, mempromosikan, dan memantau program kod etika (COE) di seluruh Syarikat yang merangkumi pengurusan konflik kepentingan, mencegah penyalahgunaan kuasa, rasuah, perdagangan orang dalam dan pengubahan wang haram dan memastikan program pemberi maklumat adalah dilaksanakan di seluruh Syarikat.

Terma Rujukan ARMC yang lengkap dan terperinci boleh didapati di ekuinas.com.my/governance.

Aktiviti-Aktiviti

Selaras dengan bidang tugas ARMC, aktiviti berikut telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan ini:-

- Menyemak dan meluluskan pelan audit jabatan CGRM dan juruaudit luar, termasuk skop kerja masing-masing yang disediakan oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar bagi tahun kewangan tersebut;
- Menyemak laporan Syarikat yang disediakan oleh CGRM dan juruaudit luar dan mempertimbangkan isu-isu dan pelan tindakan;
- Menyemak laporan suku tahunan dan laporan tahunan Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak cadangan dasar dan prosedur penting untuk diguna pakai oleh Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak laporan Pengurusan Risiko yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko setiap suku tahun untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Mesyuarat bersama juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan;
- Menyemak prestasi, kebebasan dan fi juruaudit luar;
- Menyemak laporan mengenai ARMC, Penyata Tadbir Urus Korporat dan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, sebelum dimuatkan di dalam Laporan Tahunan Syarikat;
- Menyemak dan mempertimbangkan laporan audit, isu dan saranan daripada juruaudit dalaman dan luar berdasarkan audit yang dikendalikan sepanjang tahun ini;
- Menyemak kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan dalam lingkungan fungsi audit dalaman untuk melaksanakan pelan ini serta hasil kerja mereka; dan
- Menyemak dan mempertimbangkan semakan khas dan semakan *ad-hoc* yang dijalankan oleh CGRM atas permintaan khas pihak Pengurusan/ARMC.

Fungsi Audit Dalaman

Syarikat mempunyai fungsi audit dalaman yang dijalankan oleh Jabatan CGRM. Jabatan CGRM melaporkan kepada ARMC dan secara administratif kepada CEO. Fungsi audit dalaman mempunyai dua (2) kakitangan yang terdiri daripada Ketua Jabatan CGRM dan satu (1) Pengurus. Ketua Jabatan CGRM, Muhd Hafiz Muhtar adalah Ahli Bersekutu Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM).

Jabatan CGRM telah menerima pakai Piagam Tadbir Urus Korporat yang memperuntukkan kebebasannya dalam menilai dan melaporkan kecukupan, integriti dan keberkesanan sistem kawalan dalam secara keseluruhan, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam Syarikat menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin. Inisiatif penambahbaikan peninjauan dan kawalan yang dijalankan oleh CGRM ditakrifkan dalam pelan audit tahunan yang dikaji semula dan diluluskan oleh ARMC sepanjang tahun kewangan.

Sepanjang tahun ini, sebagaimana dinyatakan dalam pelan audit dalaman yang diluluskan, CGRM telah menyemak dan membantu mendokumen dan memformalkan dasar dan prosedur Syarikat, serta memudahcara semakan risiko dan dokumentasi pelaporan risiko Ekuinas kepada RMC dan ARMC. CGRM turut berbincang dengan pengurusan Syarikat-syarikat Portfolio untuk menggalakkan pelaksanaan tadbir urus dan amalan-amalan terbaik.

CGRM juga terlibat dalam melaksanakan proses ketekunan wajar yang meliputi tadbir urus dan risiko pelaburan dalam usaha perolehan pelaburan baru. Sebagai sebahagian daripada proses penilaian pelaburan, isu-isu utama akan dibangkitkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah dalam usaha memastikan semua risiko pelaburan utama dikurangkan secara teliti.

Semua fungsi audit dalaman sepanjang tahun ini telah dikendalikan oleh Jabatan CGRM selaras dengan Rangka Kerja Amalan Profesional (IPPF) oleh Institut Juruaudit Dalaman (IIA) dan rangka kerja Jawatankuasa Sponsoring Organizations of the Treadway Commission (COSO) yang merangkumi pemastian kakitangan juruaudit dalaman bebas daripada sebarang hubungan atau konflik kepentingan yang boleh mengganggu objektiviti dan kebebasan mereka. Tiada satu pun bidang fungsi audit dalaman yang ditugaskan kepada sumber luar.

Laporan ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 24 Mac 2021.

DASAR PENDEDAHAN

PENGENALAN

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian yang dimandatkan untuk mengurus dan melabur dana awam, Ekuinas merupakan entiti awam yang beroperasi di dalam persekitaran yang dikawal selia dengan ketat. Justeru itu, kami menitikberatkan ketelusan di dalam perhubungan dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, syarikat-syarikat portfolio, pihak media dan seluruh rakyat Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, Syarikat telah mewujudkan rangka kerja pendedahan yang mesra pasaran, telus dan dibentuk mengikut penanda aras amalan terbaik.

Garis panduan pendedahan Ekuinas dirumus berdasarkan beberapa garis panduan industri, antara lainnya seperti garis panduan Walker Guidelines Monitoring Group 2007, sebuah kumpulan pemantauan ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan, dan Garis Panduan Laporan European Private Equity & Venture Capital Association (EVCA) 2006. Rangka kerja pendedahan Ekuinas telah dihasilkan berikutan kajian menyeluruh mengenai pendedahan yang disediakan oleh firma-firma ekuiti persendirian, dana kekayaan berdaulat atau *sovereign wealth funds* dan dana lindung nilai terkemuka di seluruh dunia.

Pendedahan dibuat pada tahap berbeza, daripada sekadar menyediakan maklumat minimum seperti nombor telefon untuk dihubungi dan maklumat asas syarikat di laman web rasmi, sehingga maklumat mengenai strategi dan matlamat syarikat, perolehan dan pelupusan, serta prestasi portfolio. Namun begitu, Ekuinas memilih organisasi seperti 3i plc yang berpangkalan di United Kingdom dan Tabung Pencen Kerajaan Norway, sebagai penanda aras, memandangkan organisasi ini menyediakan pendedahan sepenuhnya mengenai semua pegangan dan pemilikan portfolio, latar belakang kumpulan pengurusan, profil syarikat portfolio terpilih, serta laporan tahunan dan penyata kewangan teraudit.

Ekuinas komited untuk menyediakan pendedahan maklumat korporat yang saksama dan menyeluruh, sejajar dengan amalan terbaik firma ekuiti persendirian global. Kami berhasrat mematuhi semua undang-undang dan peraturan demi memastikan komunikasi yang sewajarnya disebarkan kepada pihak awam menurut keperluan undang-undang dan kawal selia yang berkuat kuasa.

Dasar pendedahan kami merangkumi prinsip utama berikut:


Dibentuk mengikut penanda aras amalan industri ekuiti persendirian dan dana kekayaan berdaulat yang terkemuka

Maklumat penting harus didedahkan dengan saksama dan menyeluruh kepada pihak awam melalui laporan tahunan dan disebarkan dengan meluas melalui laporan akhbar

Bersikap responsif terhadap permohonan maklumat daripada pihak berkepentingan utama; dan pada masa yang sama turut mematuhi peraturan serta garis panduan dasar pendedahan ini

Sekiranya kami tidak dapat mendedahkan sebarang maklumat atas permintaan rakan pelabur bersama atau sekiranya pendedahan tersebut dapat menjejaskan pelan peningkatan nilai syarikat, kami akan memberikan penjelasan yang sewajarnya

RANGKA KERJA PENDEDAHAN EKUINAS







Projek Bentong, sebuah projek untuk meningkatkan pengetahuan wanita Orang Asli dalam pengetahuan keusahawanan, kraftangan dan teknik penanaman, dan kemahiran asas kewangan.

ILTIZAM BERSAMA EKUINAS

- 104 Pengenalan
- 105 ILTIZAM untuk Keusahawanan
- 107 ILTIZAM untuk Pendidikan
- 110 ILTIZAM untuk Komuniti
- 111 Dana Ihsan COVID-19 ILTIZAM
- 113 Skim Wakalah dan Penghargaan

ILTIZAM BERSAMA EKUINAS

PENGENALAN



Keusahawanan ♦ Pendidikan ♦ Komuniti

ILTIZAM ditubuhkan dengan misi untuk berkhidmat dan menjana impak positif kepada usahawan Bumiputera dan masyarakat umum melalui program-program tertentu. Fokus kami sentiasa tertambat dengan mandat untuk membantu mereka yang memerlukan (terutama mereka yang kurang mendapat bantuan dari pihak lain), dan pada masa yang sama, meningkatkan program dan usaha kami di dalam bidang yang memberi makna, bergantung pada apa yang diperlukan di masa tertentu.

2020 adalah tahun di mana pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang julung kali dialami telah mewujudkan lebih banyak keperluan untuk kami menyampaikan bantuan di samping menghadirkan cabaran yang lebih besar untuk melaksanakan program kami. Demi mematuhi PKP dan menjaga keselamatan kakitangan, penerima manfaat dan rakan kongsi kami, kami menerapkan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat, menyesuaikan program dan aktiviti kami dengan cepat untuk dijalankan secara maya dan digital, dan di mana boleh, menterjemahkan modul program supaya menjadi sesuai untuk dilaksanakan secara atas talian atau melalui platform maya. Walaupun ini merupakan suatu perubahan dan proses percubaan yang besar untuk semua, memandangkan keadaan ini belum pernah dialami, kami terus bertahan. Ditambah dengan mandat ILTIZAM yang sedia ada, kami menggandakan usaha kami dengan melancarkan Dana Ihsan COVID-19 ILTIZAM (Dana Ihsan).

Kami tidak membiarkan batasan fizikal mengekang kemampuan kami untuk melaksanakan program dan menentukan siapa yang boleh kami bantu. Untuk menghadapi cabaran ini, ILTIZAM mengambil pendekatan melibatkan semua kakitangan dan secara proaktif menghubungi segmen-segmen masyarakat di seluruh negara yang memerlukan bantuan – baik pelatih, syarikat-syarikat bimbingan, dan kepada masyarakat yang kurang dipedulikan melalui pelbagai Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan kementerian kerajaan untuk memastikan mereka mempunyai keperluan asas untuk kekal selamat dan sihat dan untuk melindungi pekerjaan mereka. Tujuan kami adalah untuk melengkapkan segala usaha kerajaan dan memastikan bahawa penerima bantuan kami dapat menghadapi keadaan ini sehingga mereka sedia untuk kembali ke kehidupan yang normal setelah wabak dan PKP ini berakhir.

Menjelang akhir tahun, kami telah menyalurkan sejumlah RM9.8 juta untuk gabungan program sedia ada dan baharu di bawah tiga teras ILTIZAM, yang memberi impak kepada hampir 6,600 orang penerima bantuan. Pembayaran tersebut membawa jumlah sumbangan kepada RM50.8 juta sejak penubuhannya, tidak termasuk penggunaan Dana Ihsan. Untuk tahun 2020 khususnya, kami tidak akan dapat melakukannya tanpa bantuan semua kakitangan Ekuinas yang memainkan peranan masing-masing, syarikat portfolio, NGO yang banyak membantu semasa PKP, dan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan terutamanya Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (EPU), Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Pendidikan (KPM).

PROGRAM MENTOR KEUSAHAWANAN

Program Mentor Keusahawanan ILTIZAM (EMP) telah bekerjasama dengan perusahaan mikro dan kecil dengan membantu dalam pelbagai bidang perniagaan untuk menyediakan batu loncatan untuk mempercepatkan pertumbuhan dan inovasi. ILTIZAM terus mendorong dan menyokong perniagaan yang tidak termasuk dalam kriteria pelaburan Ekuinas dengan memberikan bantuan untuk memperkukuhkan perniagaan mereka, secara langsung atau melalui kolaborasi.

Menyokong keusahawanan tempatan: Program Mentor Keusahawanan ILTIZAM (EMP)

Usaha kami untuk membantu dan membimbing syarikat baharu sepanjang tempoh enam bulan hingga satu tahun diteruskan dengan mengenal pasti dan menerima kemasukan dua syarikat baru untuk tahun 2020. Yang pertama ialah Eatalian Express Food Industries Sdn Bhd (Eatalian), pengeluar pasta yang mengandungi sayuran dan sos premium yang disasarkan untuk pasaran baharu bagi penghasilan pasta yang sihat dan mudah didapati oleh semua; dan yang kedua, ATF Sport Taping, pengeluar dan peruncit pita sukan premium seperti pita kinesio, pembalut, pembalut dalaman dan pita tegar.

Makanan sihat dan berkhasiat untuk pemakan yang cerewet

Pengasas Eatalian mendapat ilham untuk produk ini berikutan keengganan anak-anaknya untuk mengambil sayur-sayuran. Pasukan suami-isteri itu kemudiannya menggabungkan puri sayuran dengan tepung untuk membuat pasta sayur-sayuran untuk anak-anak mereka dan sejak itu tidak lagi menoleh ke belakang. Kejayaan ini menanam keinginan kuat untuk menerjemahkan resipi mereka menjadi produk yang dapat dipasarkan, yang mendorong mereka untuk mengembara ke Bologna, Itali untuk mempelajari seni dan kemahiran membuat pasta. Sekembalinya ke Malaysia, mereka kemudian mendapatkan pengesahan kandungan nutrien pasta yang ditambahkan sayuran itu dari Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), yang mana pasta mereka terbukti lebih berkhasiat berbanding pasta tradisional dan pasta yang diperbuat daripada gandum.

Setelah menilai syarikat Eatalian melalui alat diagnostik perusahaan mikro dan kecil (MASE), kami menemui dua cabaran perniagaan utama yang perlu ditangani untuk membolehkan syarikat maju dan berkembang. Kekangannya adalah ketiadaan sijil industri makanan yang memungkinkan mereka menembusi pasaran baharu dan kurangnya penampilan dalam talian.



ILTIZAM bersama Ekuinas

Kami mendapatkan khidmat perunding HQC Commerce bagi Eatalian, untuk memudahkan proses yang ketat untuk mendapatkan sijil keselamatan makanan Takat Kawal Kritis Analisis Bahaya (HACCP) yang akan membolehkan Eatalian mempunyai standard keselamatan makanan yang tinggi, dan membuka lebih banyak peluang untuk jenama itu mengeksport produk mereka ke pasaran serantau dan antarabangsa yang lain. Dengan bertambahnya pilihan pengguna untuk membeli-belah dalam talian disebabkan oleh pandemik, adalah amat perlu mengadakan jualan atas talian dan kedai runcit yang mantap. Untuk membantu Eatalian dalam melaksanakan strategi atas talian mereka, kami melibatkan rakan kerjasama untuk menyediakan pelan penjenamaan dan pemasaran mereka secara keseluruhan termasuk pembangunan laman sesawang, pengoptimuman enjin pencari dan pelaksanaan kempen dalam talian mereka dengan penggiat media sosial.

Untuk Malaysia yang lebih sihat, kuat dan bebas kecederaan

Penyertaan ATF Sport Taping ke dalam perniagaan pita sukan premium adalah usaha baharu dan bercita-cita tinggi. Pengasas ATF Sport Taping membayangkan menghasilkan pita sukan berkualiti tinggi dan berpatutan yang diiktiraf oleh atlet profesional. Setelah mula membekalkan produknya kepada persatuan bola sepak tempatan dan Institut Sukan Negara, ATF Sport Taping menunjukkan permulaan yang baik. Namun, untuk mempertahankan pelanggan mereka dan membawa jenama lebih jauh ke dalam industri yang sangat kompetitif, syarikat itu memerlukan pelaburan berterusan dalam penyelidikan dan pengembangan untuk menjaga kualiti, mendorong peningkatan dan inovasi produk yang berterusan.



Di antara cabaran utama perniagaan yang dihadapi oleh ATF Sport Taping adalah kesukaran mereka untuk menembusi pasaran baharu dan kurangnya usaha penjenamaan dan pemasaran untuk mempromosikan jenama tersebut. Oleh itu, kami merumuskan pelan untuk mengkaji segmen dan peluang pelanggan baharu dalam segmen peribadi dan profesional seperti fisioterapi dan melaksanakan strategi pemasaran untuk membina kesedaran jenama dan meningkatkan kehadiran media sosial. Bersama ATF, kami menyusun pelan untuk melibatkan penggiat profesional dan menyediakan kandungan pendidikan mengenai cara menggunakan pelbagai jenis pita sukan bukan hanya untuk sukan tetapi untuk penggunaan harian dan kecederaan sendiri.



Kerjasama ILTIZAM EMP

Pada tahun 2019, ILTIZAM bekerjasama dengan MyHarapan untuk melancarkan *Social Business Challenge* (SBC), sebuah program yang bertujuan untuk membantu memudahkan pembangunan usahawan perniagaan sosial dengan mengenal pasti perniagaan sosial terbaik di Sabah yang bersedia untuk fasa pertumbuhan dan pengembangan seterusnya.

Walau bagaimanapun, semasa pandemik melanda Sabah terutamanya pada separuh kedua tahun 2020, kami menangguhkan sebarang perbincangan mengenai perniagaan untuk peserta SBC dan menumpukan kepada bantuan kemanusiaan. Kami memberi bantuan tunai berjumlah RM18,200 kepada 26 orang peserta agar mereka dapat bertahan semasa PKP. Setelah keadaan bertambah baik, kami berharap untuk memulakan semula SBC dan menyediakan modal perniagaan baharu sebanyak RM1,000 setiap seorang untuk memulakan perniagaan mereka.

Pendidikan terus menjadi teras utama dalam keseluruhan pendekatan ILTIZAM. Kami menyedari betapa pentingnya pendidikan dalam mengangkat masyarakat dari kemiskinan dan memperkasa mereka untuk mengatasi cabaran dan rintangan hidup dalam usaha mencapai kejayaan. Program kami dirancang untuk memainkan peranan yang bermakna dalam mengembangkan modal insan yang berharga dan melengkapkan generasi muda kita dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menangani landskap ekonomi yang berubah dengan pantas.

Teras pendidikan ILTIZAM merangkumi dua program utama dan beberapa inisiatif bagi menyokong komitmen untuk mengangkat masyarakat dari kemiskinan dan memperkasakan mereka untuk mengatasi cabaran dan rintangan hidup melalui pendidikan. Program ini merangkumi inisiatif yang berikut:

i. Program Pemerkasaan Pendidikan ILTIZAM

- a. Program Sokongan Sekolah
- b. Program Kembali-ke-Sekolah
- c. Dana Pendidikan ILTIZAM
- d. Pemberian bantuan kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera
- e. Program Latihan dan Pembangunan Laut Minyak & Gas
- f. Projek Perintis (projek pendidikan bukan akademik)
 - Projek Walter
 - Projek Beauty
 - Projek Bentong

ii. Program Pembangunan Profesional ILTIZAM

PROGRAM PEMERKASAAN PENDIDIKAN ILTIZAM



a. Program Sokongan Sekolah

Bantuan diberikan kepada dua sekolah yang diambil sebagai sekolah angkat oleh Ekuinas, iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan (Asli) di Damansara Perdana dan Sekolah Kebangsaan Tun Razak di Kuala Kubu Bahru, yang terletak di kawasan penempatan Orang Asli. Sebagai tambahan kepada kelas tuisyen yang kami sediakan setiap tahun di sekolah masing-masing untuk Tahun 4 hingga 6, kami juga menyumbangkan bekalan alat kebersihan seperti pelitup muka untuk murid, pensanitasi tangan dan meter suhu digital kepada sekolah.

ILTIZAM bersama Ekuinas

b. Program Kembali-ke-Sekolah

Program Kembali-ke-Sekolah ILTIZAM bertujuan untuk meringankan beban golongan berpendapatan rendah di kawasan luar bandar dengan menyediakan keperluan asas untuk mempersiapkan anak-anak mereka untuk tahun persekolahan. Program ini memberi manfaat kepada hampir 4,000 orang pelajar di lebih 50 buah sekolah rendah di seluruh negara. Untuk tahun 2020, kami telah beroperasi di bawah SOP ketat yang dikenakan oleh Majlis Keselamatan Negara dan KPM.



c. Dana Pendidikan ILTIZAM

Sejak tahun 2013, Dana Pendidikan ILTIZAM bertujuan untuk menyokong pelajar berpotensi tinggi yang menghadapi masalah kewangan tetapi menunjukkan komitmen dan kecemerlangan dari segi akademik. Pada tahun 2020, kami meneruskan komitmen kami dengan memberikan bantuan kewangan kepada pelajar Bumiputera yang layak yang sedang mengikuti pengajian tinggi di institusi Ekuinas seperti Cosmopoint College, Kuala Lumpur Metropolitan University College dan UNITAR International University. Sebanyak RM2.0 juta telah disalurkan untuk membantu lebih daripada 2,000 orang pelajar berpotensi tinggi.

d. Pemberian Bantuan kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera

Dalam menyokong matlamat Yayasan Peneraju untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pelajar Bumiputera, ILTIZAM meneruskan sumbangannya sebanyak RM600,000 pada tahun 2020. Sehingga kini, seramai 57 orang pelajar telah mendapat manfaat melalui sumbangan ini sejak tahun 2016. Usaha Yayasan Peneraju ini sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memacu Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi.



e. Program Pembangunan dan Latihan Marin Minyak dan Gas (O&G)

Program Pembangunan dan Latihan Marin Minyak dan Gas (O&G) terus mencapai matlamat untuk menyediakan pegawai kanan Bumiputera bagi memenuhi kehendak industri pengendali kapal untuk memiliki matriks pekerja yang terdiri daripada bakat tempatan dalam pelbagai peringkat dan senioriti. Pada tahun 2020, ILTIZAM menyokong program ini dengan menaja RM1.1 juta untuk menawarkan 26 orang calon yang bekerja dengan Icon Offshore Berhad dan Orkim Sdn Bhd untuk mengikuti program latihan di Akademi Laut Malaysia (ALAM).



f. Projek Perintis

ILTIZAM juga memulakan pelbagai Projek Perintis yang bertujuan untuk menyediakan projek pendidikan berasaskan bukan akademik untuk komuniti B40 dan asnaf melalui latihan komersial dan peluang pekerjaan. Beberapa Projek Perintis termasuk Project Walter, di mana ILTIZAM menaja 10 orang untuk menjadi tukang gunting rambut bertauliah di Shah Alam, Selangor sementara Project Beauty membantu 10 orang untuk mendapatkan sijil kecantikan dan rambut dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia di Kuala Terengganu, Terengganu. Projek Bentong pula telah menaja 48 wanita Orang Asli dari Bentong, Pahang untuk meningkatkan pengetahuan keusahawanan, teknik kraftangan dan penanaman, serta kemahiran asas kewangan.

PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL ILTIZAM

Sejak Program Pembangunan Profesional (PDP) ILTIZAM dimulakan pada tahun 2012, kami telah menyaksikan 432 graduan mendapat pekerjaan. Program pelatih siswazah selama setahun ini bertujuan untuk memberikan pengalaman kerja di tempat kerja kepada graduan Bumiputera yang menganggur atau tidak bekerja mengikut kelulusan yang diperolehi dari keluarga berpendapatan rendah. Pelatih terpilih akan ditempatkan di syarikat portfolio Ekuinas dan juga syarikat rakan kerjasama seperti Habib Jewels, Serba Dinamik Berhad, Hong Leong Investment Bank dan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dan lain-lain.

Pada tahun 2020, kami meneruskan program kami dengan kemasukan 75 orang pelatih. Sebagai sebahagian daripada program ini, pelatih akan mendapat akses ke pelbagai latihan, serta sesi bimbingan dan pementoran yang bertujuan membina kebolehan profesional. Namun, seperti semua program dan

inisiatif lain, ILTIZAM harus menyelesaikan dengan segera cabaran dalam menguruskan program dengan berkesan kerana PKP yang dikenakan. Lebih 30% daripada modul latihan harus dilakukan melalui platform dalam talian sementara beberapa modul utama yang memerlukan interaksi tatap muka harus dibatalkan dan yang lain dilanjutkan ke beberapa sesi untuk mengambil kira SOP, yang menghadkan penyertaan dalam setiap sesi.

Pada kebiasaannya, 75% daripada pelatih kita akan berjaya mendapat pekerjaan tetap pada akhir program dan kadar itu meningkat kepada 85%, enam bulan selepas program ini berakhir. Namun, untuk kumpulan PDP 2020, angka pada akhir 31 Disember 2020 berada di bawah 70% kerana pasaran pekerjaan terjejas dengan situasi pandemik. Pasukan kami terus memantau dan memberikan sokongan kepada graduan PDP 2020 di luar program.



ILTIZAM bersama Ekuinas



PROGRAM KOMUNITI LESTARI



Di bawah teras ketiga ini, usaha yang dilakukan oleh ILTIZAM diselaraskan dengan misi keseluruhan untuk memperkasakan dan mengangkat masyarakat Bumiputera dan melestarikan seni dan budaya tempatan.

ILTIZAM terus menyokong industri seni melalui sumbangan berjumlah RM50,000 kepada Badan Warisan Malaysia untuk memulihara Rumah Penghulu Abu Seman yang dipindahkan dari Kedah ke Jalan Stonor, Kuala Lumpur. Rumah kerajaan bersejarah ini yang dibina pada tahun 1925 mempunyai senibina tradisional Melayu dari tahun 1920-an dan adalah lambang kekayaan budaya tradisional Melayu.

Akhir sekali, kami meneruskan inisiatif Kembali-ke-Masyarakat ILTIZAM untuk tahun kedua. Program ini bertujuan untuk memperkasakan tahanan dan remaja melalui program latihan pemulihan dan sosial, dengan niat untuk meningkatkan dan membina keyakinan diri ketika mereka secara beransur-ansur menyesuaikan diri kembali ke dalam masyarakat. Untuk tahun 2020, projek ini adalah untuk menyampaikan Peralatan Pelindung Diri (PPE) untuk membantu pegawai perubatan barisan hadapan dan hospital dalam memerangi wabak COVID-19.



Ini merupakan satu kerjasama dengan Jabatan Penjara, yang difasilitasi oleh Saora Industries, untuk melatih para penghuni menghasilkan 1,000 set PPE, termasuk hud pakai buang, penutup kepala, kot pengasingan dan penutup kaki. Setelah selesai, barang-barang tersebut diserahkan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia untuk diedarkan ke seluruh negara. Sebanyak 60 orang remaja perempuan dari Sekolah Henry Gurney dan 20 penghuni dari Penjara Sungai Udang dan Penjara Jasin terlibat di dalam projek ini.

DANA MUSIM INI: DANA IHSAN COVID-19 ILTIZAM

Pada 20 April 2020, Ekuinas melancarkan Dana Ihsan COVID-19 ILTIZAM (Dana Ihsan) untuk memberikan bantuan langsung dan tidak langsung kepada pelbagai penerima, khususnya kepada keperluan kesihatan awam barisan hadapan dan melalui syarikat portfolio kami. Objektif utama dana itu adalah untuk menyokong negara dalam memerangi wabak tersebut dengan memberikan bantuan kemanusiaan kepada organisasi yang memerlukan sokongan dan untuk mempertahankan keluarga, individu dan perniagaan mikro dan kecil yang terjejas.

Walaupun terdapat sekatan dan gangguan, ILTIZAM terus bertahan dan memenuhi keperluan bantuan yang semakin tinggi. Bukan sahaja tidak membuat sebarang pengurangan, malah kami dengan segera mengolah proses kami untuk meningkatkan usaha untuk membantu ramai rakyat Malaysia dan perniagaan yang sedang bergelut. Fokus kami untuk tahun 2020 adalah untuk membantu individu, komuniti, dan perniagaan yang terkesan dengan memastikan mereka dapat bertahan dan bangkit semula setelah keadaan bertambah baik.

Sebanyak RM4.7 juta disalurkan di bawah Dana Ihsan untuk menyokong lapan inisiatif berkaitan COVID-19, dan inisiatif tersebut akan berterusan selagi wabak dan PKP terus berlanjutan. Inisiatifnya adalah seperti berikut:

- i. ILTIZAM menyalurkan RM500,000 kepada enam agensi kerajaan (termasuk KKM dan Pusat Perubatan Universiti Malaya) dan lima pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk memperoleh empat unit ventilator, 20 unit mesin pengimbas termal dan PPE bernilai hampir RM200,000 untuk barisan hadapan perubatan.
- ii. Ekuinas juga menyumbangkan kasut Skechers bernilai RM750,000 kepada 4,200 orang barisan hadapan kesihatan awam terpilih dari kumpulan berpendapatan rendah, yang ditempatkan di Hospital Sungai Buloh, Hospital Kuala Lumpur, Pusat Perubatan Universiti Malaya, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru dan KKM. Inisiatif ini dijayakan melalui syarikat portfolio kami, Al-Ikhlas Sports.

- iii. Kami juga menghubungi para pelatih ILTIZAM PDP semasa dan yang lalu untuk menawarkan sokongan sekiranya perlu. Kehilangan pekerjaan dan pendapatan, ketidakmampuan untuk bekerja dan pemotongan gaji terutama bagi pencari nafkah tunggal dari isi rumah B40 dengan jumlah tanggungan yang ramai adalah beberapa faktor yang dipertimbangkan ketika memberikan bantuan kepada mereka. Di bawah inisiatif ini, kami telah mengeluarkan sejumlah RM230,000 kepada 143 penerima bantuan sebagai bantuan kewangan untuk membantu mereka mengharungi kesukaran.



ILTIZAM bersama Ekuinas

- iv. Peserta ILTIZAM EMP yang lalu, Kapten Batik, Raw Denim House, dan KinderKaizen diberikan sokongan kewangan dalam bentuk sewa dan gaji pekerja untuk memastikan mereka dapat mengekalkan tenaga kerja yang ada dan dapat bangkit kembali dengan cepat setelah keadaan bertambah baik. Di samping itu, kami juga memberikan sokongan kewangan kepada 26 usahawan sosial dan B40 yang mengambil bahagian dalam *Social Business Challenge*, sebuah program yang dianjurkan bersama oleh myHarapan dan ILTIZAM dengan tujuan untuk menjana dan meningkatkan pendapatan masyarakat kurang bernasib baik melalui perantisan.
- v. ILTIZAM bekerjasama dengan 70 NGO dan mengeluarkan RM920,000 untuk pengagihan makanan kepada 20,000 penerima manfaat daripada golongan B40.



- vi. Kami juga mengenal pasti dan memberikan bantuan kewangan kepada pelajar yang melanjutkan pendidikan tinggi mereka di Cosmopoint College, Kuala Lumpur Metropolitan University College dan UNITAR International University berikutan PKP pada bulan Mac 2020. Kami menyalurkan RM2.5 juta untuk membantu hampir 3,000 pelajar yang mendaftar di institusi-institusi ini dan hampir 1,000 pelajar baharu mendaftar untuk memastikan mereka terus menghadiri kelas walaupun di dalam situasi pandemik.
- vii. Sebanyak RM196,400 telah diberikan kepada 544 orang kakitangan yang layak dari syarikat portfolio kami. Bantuan kewangan itu membantu pekerja terpilih yang terpaksa bercuti tanpa gaji atau terkena pemotongan gaji serta para pekerja asing yang layak yang mungkin tidak mendapat faedah daripada bantuan kerajaan.
- viii. Kami melihat syarikat-syarikat berjuang untuk menghadapi realiti baharu ketika pengguna beralih dari segi perbelanjaan dan penggunaan. ILTIZAM bersama Exabytes, sebuah syarikat perkhidmatan teknologi di bawah portfolio Ekuinas, memperkenalkan program yang dinamakan 'Sama-Sama Digital' untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana Bumiputera yang terjejas untuk menyokong penggunaan digital perniagaan untuk memastikan mereka dapat kekal dan bertahan di sepanjang tempoh yang sukar ini.

SKIM WAKALAH

Sejak tahun 2017, Ekuinas telah membuat pembayaran zakat secara sukarela kepada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk menyumbang kepada masyarakat Bumiputera secara umumnya.

Tahun lalu, Ekuinas telah mengambil bahagian di dalam Wakalah, skim pengembalian sejumlah peratusan zakat tertentu daripada badan zakat untuk diagihkan di kalangan masyarakat asnaf yang layak mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

Sehingga Oktober 2020, Ekuinas diamanahkan dengan sejumlah RM406,250 dari PPZ MAIWP dan telah disalurkan mengikut peraturan ketat PPZ MAIWP kepada hampir 2,000 orang pelajar yang layak dari Cosmopoint Colleges dan Kuala Lumpur Metropolitan University College.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa CSR, kakitangan dan pihak berkepentingan Ekuinas, syarikat portfolio kami, syarikat kerjasama Program Pembangunan Profesional (PDP), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), EPU, KKM, KPM dan kementerian lain serta agensi kerajaan untuk sokongan mereka dalam semua program kami. Tidak diragukan lagi pencapaian kami tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan dan sumbangan mereka.

Kami berharap bahawa inisiatif ini memberi impak positif dan memberi manfaat kepada kehidupan penerima dan memberi inspirasi kepada mereka untuk terus gigih mencapai matlamat dan potensi mereka. Kami tetap komited untuk meneruskan misi kami untuk berkhidmat kepada masyarakat yang kurang bernasib baik serta kepada perniagaan mikro dan kecil Bumiputera di seluruh negara.





LAPORAN PORTFOLIO

116	Ekuias Direct (Tranche II) Fund
119	Ekuias Direct (Tranche III) Fund
122	Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund
125	Ekuias Outsourced (Tranche II) Fund
128	Nota Laporan Portfolio

EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND

pada 31 Disember 2020

1. TINJAUAN DANA

Nama Dana	Ekuinas Direct (Tranche II) Fund
Tahun Permulaan Dana	2012
Status	Dilaburkan sepenuhnya
Modal Terikat	RM1.0 bilion
Tempoh	5 Tahun + 2 Tahun + 1.5 Tahun + 2 Tahun
Tempoh Pelaburan	3 hingga 5 Tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu pengurus dan satu pelabur Dana: Ekuinas Direct (Tranche II) Fund Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
Tumpuan Geografi	Malaysia
Tumpuan Pelaburan	<i>Buy-Out</i> dan Dana Modal Pertumbuhan
Tumpuan Industri	– Pendidikan – Minyak & Gas – Barangan Pengguna Laris (FMCG) – Peruncitan & Percutian – Penjagaan Kesihatan – Perkhidmatan

2. NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA PADA 31 DISEMBER 2020

	2019 RM juta	Perubahan RM juta	2020 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,000.0	–	1,000.0
B. Modal Dipanggil	1,105.9	102.7	1,208.6
C. Modal Dilabur Semula	10.2	0.2	10.4
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	1,116.1	102.9	1,219.1
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	75.0	–	75.0
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	1,191.1	102.9	1,294.1
Tambah Peningkatan/(Pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	17.5	(17.5)	–
Keuntungan/(Kerugian) Bersih yang Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	361.8	(73.4)	288.4
Keuntungan Terealisasi dari Aktiviti Pelupusan	191.2	98.6	289.8
Pendapatan Faedah/(Perbelanjaan)	12.4	(19.3)	(7.0)
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	582.9	(11.6)	571.2
Perbelanjaan Organisasi	(226.8)	62.0	(164.9)
Pengagihan modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(573.1)	(356.6)	(929.7)
Pengurangan Bersih dalam Nilai Aset Bersih	(217.1)	(306.3)	(523.3)
G. Nilai Aset Bersih	974.1	(203.3)	770.8
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	660.4	(290.9)	369.5
Keuntungan/(Kerugian) Bersih yang Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	361.8	(73.4)	288.4
Pelaburan pada Nilai Saksama	1,022.2	(364.3)	657.9
Tambah: Baki Tunai	38.4	65.1	103.6
Tambah: Baki Kerja	(86.5)	95.9	9.4
Tambah: Modal Belum Dipanggil	–	–	–
Bersamaan Nilai Aset Bersih	974.1	(203.3)	770.8
Nilai Aset Bersih	974.1	(203.3)	770.8
H. Modal Diagihkan	562.9	356.4	919.3
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	1,536.9	153.1	1,690.0
IRR Kasar Tahunan	13.5%		11.9%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	9.6%		8.2%
Faedah Bawa Hadapan (RM juta)	87.6		10.7
H/B Pengagihan Tunai berbanding Modal Dipanggil	0.5		0.8
G/B Nilai Aset Bersih berbanding Modal Dipanggil	0.9		0.6
(G+H)/B Jumlah Nilai berbanding Modal Dipanggil	1.4		1.4
B/A Modal Dipanggil berbanding Modal Terikat	1.1		1.2

* Termasuk pengagihan modal yang dilabur semula

Ekuinas Direct (Tranche II Fund)

pada 31 Disember 2020

3. PRESTASI PELABURAN

a. Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2020

Syarikat	Tarikh Mula Pelaburan	Kepentingan %	Nilai saksama [#] RM juta	Jumlah Terealisasi RM juta
Revenue Valley Group	27 Jun 2014	—	650.2	281.4
Orkim Sdn Bhd	18 Disember 2014	95.5		

IRR Kasar 11.9% setahun

IRR Bersih 8.2% setahun

IRR Bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

[#] Kos pelaburan mewakili jumlah bersih pembiayaan

b. Ringkasan Terealisasi pada 31 Disember 2020

Syarikat	Tarikh Pelupusan	Kepentingan %	Jumlah Realisasi RM juta
Icon Offshore Berhad	25 Jun 2014	7.8	154.0
Burger King Singapore	18 Ogos 2015	100.0	23.9
Burger King Malaysia	18 Ogos 2015	20.9	25.1
Lyndarahim Ventures Sdn Bhd	28 Mac 2016	—	6.0
Tenby Educare Sdn Bhd	17 Januari 2018	70.0	168.4
Tranglo Sdn Bhd	11 Oktober 2018	60.0	114.9
Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd	25 Februari 2019	45.9	23.4
Primabaguz Sdn Bhd	18 Ogos 2020	100.0	151.1
Icon Offshore Berhad	30 Januari 2020	—	169.8
Coolblog Apps Sdn Bhd	20 Julai 2020	60.0	64.5
Icon Offshore Berhad	30 September 2020	0.1	0.1

EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND

pada 31 Disember 2020

1. TINJAUAN DANA

Nama Dana	Ekuinas Direct (Tranche III) Fund
Tahun Permulaan Dana	2014
Status	Sedang dilaburkan
Modal Terikat	RM1.5 bilion
Tempoh	5 Tahun + 1 Tahun + 2 Tahun
Tempoh Pelaburan	3 hingga 5 Tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu pengurus dan satu pelabur Dana: Ekuinas Direct (Tranche III) Fund Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
Tumpuan Geografi	Malaysia
Tumpuan Pelaburan	<i>Buy-Out</i> dan Dana Modal Pertumbuhan
Tumpuan Industri	– Pendidikan – Minyak & Gas – Barangan Pengguna Laris (FMCG) – Peruncitan & Percutian – Penjagaan Kesihatan – Perkhidmatan

EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND

pada 31 Disember 2020

2. NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA PADA 31 DISEMBER 2020

	2019 RM juta	Perubahan RM juta	2020 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,500.0	–	1,500.0
B. Modal Dipanggil	995.4	326.4	1,321.9
C. Modal Dilabur Semula	33.9	2.5	36.4
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	1,029.3	328.9	1,358.3
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	190.0	60.4	250.4
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	1,219.3	389.3	1,608.6
Tambah Peningkatan/(Pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	40.9	5.7	46.6
Keuntungan/(Kerugian) Bersih yang Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(361.5)	99.8	(261.9)
Keuntungan Terealisasi dari Aktiviti Pelupusan	162.8	1.6	164.4
Pendapatan Faedah/(Perbelanjaan)	(12.7)	(11.9)	(24.7)
Jumlah Kerugian Kasar Portfolio	(170.5)	95.1	(75.4)
Perbelanjaan Organisasi	(197.8)	(8.3)	(206.1)
Pengagihan modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(150.1)	(242.6)	(392.8)
Pengurangan Bersih dalam Nilai Aset Bersih	(518.4)	(155.8)	(674.3)
G. Nilai Aset Bersih	701.0	233.5	934.4
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	1,002.0	145.1	1,147.1
Keuntungan/(Kerugian) Bersih yang Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(361.5)	99.8	(261.9)
Pelaburan pada Nilai Saksama	640.4	244.9	885.2
Tambah: Baki Tunai	24.3	14.3	38.6
Tambah: Baki Kerja	71.2	(60.7)	10.5
Tambah: Modal Belum Dipanggil	(35.0)	35.0	–
Bersamaan Nilai Aset Bersih	701.0	233.5	934.4
Nilai Aset Bersih	701.0	233.5	934.4
H. Modal Diagihkan	116.3	240.1	356.4
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	817.3	473.6	1,290.9
IRR Kasar Tahunan	-10.8%		-3.2%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	N/M[#]		N/M[#]
Faedah Bawa Hadapan (RM juta)	–		–
H/B Pengagihan Tunai berbanding Modal Dipanggil	0.1		0.3
G/B Nilai Aset Bersih berbanding Modal Dipanggil	0.7		0.7
(G+H)/B Jumlah Nilai berbanding Modal Dipanggil	0.8		1.0
B/A Modal Dipanggil berbanding Modal Terikat	0.7		0.9

* Termasuk pengagihan modal yang dilabur semula

Tidak dipaparkan kerana modal sedang dilaburkan

3. PRESTASI PELABURAN

a. Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2020

Syarikat	Tarikh Mula Pelaburan	Kepentingan %	Nilai Saksama [#] RM juta	Jumlah Terealisasi RM juta
Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd	22 Julai 2016	35.0	635.0	(239.9)
ILMU Education Group	15 Disember 2015	–		
Davex (Malaysia) Sdn Bhd	12 Disember 2017	100.0		
Cosmopoint Group	27 Disember 2017	90.0		
UNITAR International University	27 Disember 2017	90.0		
Revenue Valley Group	27 Disember 2017	85.8		
Icon Offshore Berhad	27 Disember 2017	0.3		
Flexi Versa Group Sdn Bhd	16 April 2018	70.0		
Exabytes Capital Group Sdn Bhd	13 Mac 2019	45.4		
Icon Offshore Berhad	7 Februari 2020	56.5		
Icon Offshore Berhad	30 September 2020	0.1		

IRR Kasar -3.2% setahun

IRR Bersih N/M*

IRR Bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

[#] Kos pelaburan mewakili jumlah bersih pembiayaan

* Tidak dipaparkan kerana modal sedang dilaburkan

b. Ringkasan terealisasi pada 31 Disember 2020

Syarikat	Tarikh Pelupusan	Kepentingan %	Jumlah Realisasi RM juta
Terealisasi Sepenuhnya			
ILMU Education Group	29 Disember 2017	49.0	41.2
ILMU Education Group	17 Januari 2018	30.0	72.2
PMCare Sdn Bhd	31 Januari 2019	60.0	50.3
MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd	31 Januari 2019	60.0	196.5
ILMU Education Group	25 Februari 2019	37.6	18.7
Icon Offshore Berhad	30 Januari 2020	–	21.6

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND

pada 31 Disember 2020

1. TINJAUAN DANA

Nama Dana	Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund
Tahun Permulaan Dana	2011
Status	Dilaburkan sepenuhnya
Modal Terikat	RM400.0 juta
Tempoh	6 Tahun + 1 Tahun + 1 Tahun + 1 Tahun + 1 Tahun
Tempoh Pelaburan	3 hingga 6 Tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur. Disumber luar kepada dana dan pengurus berikut: 1) Dana: Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. Pengurus Dana: Navis MGO I GP Ltd Domisil Dana: Cayman Islands 2) Dana: CIMB National Equity Fund Ltd. P. Pengurus Dana: CIMB General Partner Ltd Domisil Dana: Labuan 3) Dana: TAP Harimau Fund L.P. Pengurus Dana: TAP (Malaysia) Ltd Domisil Dana: Labuan
Tumpuan Geografi	Malaysia
Tumpuan Pelaburan	Dana Modal Pertumbuhan Minoriti
Tumpuan Industri	Am kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas

2. NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA PADA 31 DISEMBER 2020

	2019 RM juta	Perubahan RM juta	2020 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	400.0	–	400.0
B. Modal Dipanggil	307.7	–	307.7
C. Modal Dilabur Semula	29.4	0.5	29.8
D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)	337.0	0.5	337.5
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	–	–	–
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	337.0	0.5	337.5
Tambah Peningkatan/(Pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	134.8	(82.7)	52.1
Keuntungan Terealisasi dari Aktiviti Pelupusan	9.9	–	9.9
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	144.7	(82.7)	62.0
Perbelanjaan Organisasi	(15.8)	2.1	(13.7)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(175.2)	(137.3)	(312.6)
Peningkatan/(Pengurangan) Bersih dalam Nilai Aset Bersih	(46.3)	(218.0)	(264.2)
G. Nilai Aset Bersih	290.6	(217.5)	73.2
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	111.6	(96.8)	14.8
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	134.8	(82.7)	52.1
Pelaburan pada Nilai Saksama	246.4	(179.5)	66.9
Tambah: Modal Kerja	44.4	(38.0)	6.4
Bersamaan Nilai Aset Bersih	290.6	(217.5)	73.2
Nilai Aset Bersih	290.6	(217.5)	73.2
H. Modal Diagihkan	145.9	137.0	282.8
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	436.6	(80.5)	356.0
IRR Kasar Tahunan	7.4%		3.4%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	6.5%		2.6%
Faedah Bawa Hadapan (RM juta)	2.1		–
H/B Pengagihan Tunai berbanding Modal Dipanggil	0.5		0.9
G/B Nilai Aset Bersih berbanding Modal Dipanggil	0.9		0.2
(G+H)/B Jumlah Nilai berbanding Modal Dipanggil	1.4		1.2
B/A Modal Dipanggil berbanding Modal Diperuntukkan	0.8		0.8

* Termasuk pengagihan modal yang dilabur semula

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND

pada 31 Disember 2020

3. PRESTASI PELABURAN

a. Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2020

Syarikat	Komitmen Ekuinas RM juta	Komitmen Modal Persendirian RM juta	Jumlah keseluruhan dana RM juta	Modal Dilabur oleh Ekuinas RM juta	Pelaburan dari Pihak Lain RM juta	Nilai Aset Bersih RM juta
Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P.	400.0	151.9	551.9	14.8	17.8	73.2
CIMB National Equity Fund Ltd. P. TAP Harimau Fund L.P.						

IRR Kasar 3.4% setahun

IRR Bersih 2.6% setahun

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND

pada 31 Disember 2020

1. TINJAUAN DANA

Nama Dana	Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund
Tahun Permulaan Dana	2013
Status	Dilaburkan sepenuhnya
Modal Terikat	RM240.0 juta
Tempoh	7 Tahun + 1 Tahun
Tempoh Pelaburan	3 hingga 7 tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur Penyumberan luar kepada dana dan pengurus berikut 1) Dana: RMCP One Sdn Bhd Pengurus Dana: RMCP Cayman Ltd Domisil Dana: Malaysia 2) Dana: COPE Opportunities 3 Sdn Bhd Pengurus Dana: CMS Opus Private Equity Sdn Bhd Domisil Dana: Malaysia 3) Dana: Tael Tijari (OFM) L.P. Pengurus Dana: TAEI Tijari Partners Ltd. Domisil Dana: Cayman Islands
Tumpuan Geografi	Malaysia
Tumpuan Pelaburan	Dana Modal Pertumbuhan Minoriti
Tumpuan Industri	Am kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas

EQUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND

pada 31 Disember 2020

2. NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA PADA 31 DISEMBER 2019

	2019 RM juta	Perubahan RM juta	2020 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	240.0	–	240.0
B. Modal Dipanggil	94.4	1.2	95.7
C. Modal Dilabur Semula	–	–	–
D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)	94.4	1.2	95.7
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	–	–	–
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	94.4	1.2	95.7
Tambah Peningkatan/(Pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(15.6)	5.7	(9.9)
Kerugian Terealisasi dari Aktiviti Pelupusan	(2.3)	–	(2.3)
Jumlah Kerugian Kasar Portfolio	(17.9)	5.7	(12.2)
Perbelanjaan Organisasi	(5.7)	(1.3)	(7.1)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	–	(3.2)	(3.2)
Peningkatan/(Pengurangan) Bersih dalam Nilai Aset Bersih	(23.7)	1.2	(22.5)
G. Nilai Aset Bersih	70.8	2.4	73.2
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	85.2	(8.6)	76.6
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Terealisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(15.6)	5.7	(9.9)
Pelaburan pada Nilai Saksama	69.6	(2.9)	66.7
Tambah: Baki Kerja	1.2	5.4	6.5
Bersamaan Nilai Aset Bersih	70.8	2.4	73.2
Nilai Aset Bersih	70.8	2.4	73.2
H. Modal Diagihkan	–	–	–
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	70.8	2.4	73.2
IRR Kasar Tahunan	-5.2%		-2.8%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	-6.6%		-4.1%
Faedah Bawa Hadapan (RM juta)	0.1		1.0
H/B Pengagihan Tunai berbanding Modal Dipanggil	–		–
G/B Nilai Aset Bersih berbanding Modal Dipanggil	0.7		0.8
(G+H)/B Jumlah Nilai berbanding Modal Dipanggil	0.7		0.8
B/A Modal Dipanggil berbanding Modal Diperuntukkan	0.4		0.4

* Termasuk pengagihan modal yang dilabur semula

3. PRESTASI PELABURAN

a. Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2020

Syarikat	Komitmen Ekuinas RM juta	Komitmen Modal Persendirian RM juta	Jumlah Keseluruhan Dana RM juta	Modal Dilabur oleh Ekuinas RM juta	Pelaburan dari Pihak Lain RM juta	Nilai Aset Bersih RM juta
RMCP One Sdn Bhd COPE Opportunities 3 Sdn Bhd Tael Tijari (OFM) L.P.	180.0*	110.1	290.1	76.6	45.3	73.2

IRR Kasar -2.8% setahun

IRR Bersih -4.1% setahun

* Tuas Capital Partners Malaysia Growth 1 L.P. telah ditamatkan pada 2015

NOTA LAPORAN PORTFOLIO

NOTA LAPORAN PORTFOLIO

Juruaudit luar, PwC, ditugaskan oleh Ekuinas untuk melaksanakan prosedur-prosedur tertentu bagi memuktamadkan Laporan Portfolio di halaman 116 - 127 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, dan telah menyemak maklumat yang terkandung dalam Nilai Aset Bersih Dana dan Prestasi Pelaburan setakat 31 Disember 2020 yang dimuatkan dalam laporan ini untuk menyokong data sumber yang berkenaan dan telah membuat semula pengiraan, di mana perlu.

Ekuiti Nasional Berhad

200901025164 (868265-U)

Aras 16, Surian Tower, No 1 Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

Tel: +603 7710 7171 Faks: +603 7710 7173

www.ekuinass.com.my